

MERDEKA

Posted by Dr. Mahathir Mohamad at August 21, 2008 6:14 PM

1. Tak lama lagi kita akan sambut Hari Merdeka ke-51. Tahun lepas kita sambut Hari Merdeka yang ke-50 dengan gembira kerana ia menandakan setengah abad kita memerintah negara kita sendiri. Dan kita bangga kerana dalam jangkamasa itu kita telah maju jauh kehadapan sehingga mereka yang lama berada di luar negara tidak kenal tanahair mereka apabila kembali. Demikian perubahan yang telah berlaku.
2. Orang asing pula apabila datang pertama kali ke Malaysia tidak percaya ini adalah negara membangun, negara dunia ketiga.
3. Bukan sahaja Kuala Lumpur sudah bertukar wajah dan dipenuhi dengan bangunan pencakar langit, dengan jalan-jalan bertingkat yang bersih dan dihias dengan tanaman bunga-bunga sepanjang jalan dan lain-lain, tetapi bandar-bandar lain juga memperlihatkan pertumbuhan dan pembesaran, lengkap dengan jalan bertingkat yang penuh sesak dengan kereta.
4. Rata-rata kita lihat kemajuan yang telah dicapai. Jumlah yang miskin telah dikurangkan dan mereka turut bersama bergembira.
5. Rakyat berbilang kaum tidak bermusuhan sesama mereka walaupun tidaklah berharmoni seperti yang diharapkan. Namun tiap kali pilihanraya diadakan majoriti pengundi memberi kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana beranggapan segala-gala yang dinikmati adalah hasil pemerintahan Kerajaan-Kerajaan BN. Biasanya mereka memberi kemenangan lebih 2/3 daripada kerusi Parlimen.
6. Rakyat Malaysia yang pergi ke negara asing berasa bangga kerana Malaysia dikagumi dan dihormati oleh siapa sahaja yang mereka bertemu apabila sahaja orang asing mengetahui yang mereka dari Malaysia.
7. Mereka menyebut menara kembar Petronas dan perlumbaan Formula 1. Orang Islam asing pula tertarik dengan kemajuan dan kestabilan sebuah negara Islam.
8. Kerana semua ini rakyat Malaysia gembira dan bersemangat untuk menyambut kedatangan Hari Merdeka. Jalur Gemilang dikibar di kereta-kereta dan di bangunan-bangunan. Bukan sahaja Melayu yang bersemangat, Cina, India, Kadazan, Iban dan semua suku kaum di Sabah dan Sarawak memperlihatkan semangat dan kegembiraan mereka.
9. Biasanya apabila tiba bulan Ogos semangat dan kegembiraan rakyat dipertunjukkan dengan pelbagai cara. Jalur Gemilang berkibar di merata-rata tempat. Mungkin saya silap, atau mungkin saya bias (berat sebelah), tetapi bulan Ogos ini rakyat agak muram, tidak gembira dan bersemangat luntur.
10. Mungkin ini kerana kenaikan harga minyak dan lain-lain. Tetapi ternampak ada sesuatu yang lain yang tidak kena yang menyebabkan rakyat tidak gembira untuk menyambut Hari Kemerdekaan.
11. Blogger Sheih Kickdefella telah syor kempen terbalikkan Jalur Gemilang sebagai cara memprotes ketamakan ahli dan pemimpin parti-parti politik tanpa mengira parti mana.
12. Cadangan seperti ini tidak pernah dibuat selama 50 tahun kita Merdeka.
13. Reaksi Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi mudah diramal. Cadangan kempen ini ditafsir olehnya sebagai perbuatan kurang ajar. Dan seperti biasa ugutan dibuat supaya polis akan ambil tindakan terhadap blogger berkenaan. Lain-lain blogger juga dibelasah sebagai tidak berfaedah dan mendatangkan kesusahan kepada rakyat.

14. Cadangan mengibar Jalur Gemilang terbalik dianggap menghina diri sebagai rakyat Malaysia.

15. Tidak terlintaskah dalam hati Dato Seri Abdullah untuk bertanya dan mengambil tahu kenapa cadangan ganjil ini dibuat? Seperti dengan kekalahan BN pada Mac tahun ini, Dato Seri Abdullah menafikan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan BN dan Kerajaan pimpinan beliau yang menyebabkan penyokong BN daripada semua kaum memberi undi mereka kepada parti lawan. Sebaliknya beliau mentafsir merosotnya undi kepada calon-calon BN disebabkan sabotaj dan pihak tertentu tidak mahu beri kemenangan 2/3 kepada BN. Kenapa mereka berbuat demikian tidak dipersoal olehnya, hanya kemarahan dan ugutan untuk bertindak terhadap mereka ini.

16. Macam-macam cara telah dibuat untuk menyedarkan pemimpin ini tentang perasaan tidak puas hati rakyat, tetapi sikap penafiannya menyebabkan semua mesej disalah tafsir dan disalah erti. Dalam keadaan kecewa rakyat maka sukarlah bagi mereka untuk menunjuk semangat dan kegembiraan dengan keriang sambutan hari Merdeka.

17. Kata seorang daripada kenalan saya, sekarang hanya 10 hari sahaja sebelum hari Merdeka tetapi ianya melihat hanya sebuah kereta sahaja yang memasang Jalur Gemilang.

18. Kata seorang lagi, saya simpan sahaja Jalur Gemilang tahun ini.

19. Tidak ada sesuatu bangsa yang bermaruah yang tidak ingin bebas daripada belenggu penjajahan. Kita lihat di sana-sini peperangan untuk membebaskan wilayah sendiri sedang berlaku. Kita lihat penderitaan mereka, hidup tidak sempurna, berlari-lari dengan bungkusan harta yang sedikit ke sana-sini. Sekejap-sekejap letupan senjata membunuh dan mencederakan mereka. Inilah nasib orang yang dijajah yang ingin merdeka.

20. Pada tahun 1957 kita merdeka dan harapan kita ialah hidup yang lebih bahagia. Justeru kita rayakan hari keramat ini kerana merdeka difahami dan dihargai oleh semua pihak.

21. Saya percaya kita masih hargai kebebasan kita, kemerdekaan kita. Tetapi sesuatu telah berlaku yang menyebabkan kita tidak begitu gembira pada hari ulangtahun merdeka pada tahun ini. Kita kesal kerana kita tidak dapat buat apa-apa untuk mengembalikan kegembiraan bangsa yang merdeka.

22. Kita bersyukur kerana kita, samada Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain suku kaum tidak bersifat ganas, tidak suka pada huru-hara, tidak berminat merusuh. Tetapi pemimpin hendaklah faham kenapa rakyat berasa muram tahun ini. Jangan tipu diri dengan berkata tak benar rakyat tidak gembira. Lihat sahaja berapa ramai yang keluar melihat bunga api. Malangnya ini bukan ukurannya. Ini hanyalah cara untuk melupakan sekejap keperitan hidup rakyat kerana diperintah oleh orang yang tidak mahu faham tentang perasaan rakyat.

23. Saya akan sambut Hari Merdeka tetapi tidak seperti 50 sambutan yang terdahulu. Sesuatu sudah hilang daripada makna kemerdekaan. Mulut sudah ditutup dan apa yang ada dalam hati tinggal tertambat, tidak boleh diluahkan. Kita takut berkata apa-apa kerana polis akan digesa bertindak. Kadang-kadang saya berasa yang kita berada dalam sebuah Police State (Negara bawah kawalan polis). Tetapi ini mungkin sifat keterlaluan saya.

24. Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-51. Mudah-mudahan Allah s.w.t. akan membuka hati mereka supaya faham mesej-mesej yang disampaikan oleh rakyat.

810 Comments

By apanamaAuthor Profile Page on August 21, 2008 6:26 PM

Cadangan seperti yang disyorkan Kickdefella timbul kerana rakyat risaukan akan masa depan negara

tercinta ini. Malaysia kini di-ambang kehancuran jika Abdullah Ahmad Badawi tidak dilucutkan jawatan.
By Mohamed IsmailAuthor Profile Page on August 21, 2008 6:40 PM

Thanks Tun,

Saya sangat memahami maksud tersirat Tun....

Akan saya kibarkan bendera Malaysia terbalik tanda protes terhadap Kerajaan sekarang...

Terbalikkan bendera tanda distress bukannya menghina... Simbol ini diterima oleh seluruh dunia....

Tun, sentiasalah berkata kata.... Kami merindui kata-kata mu....

By Allen Francis on August 21, 2008 6:40 PM

Pak Lah, will you step down already?

By nookvillage on August 21, 2008 6:40 PM

Tun,

Merdeka, Merdeka, Merdeka, Merdeka, Merdeka, Merdeka, Merdeka. Moga-moga rakyat dapat Merdeka dari kesusahan semasa. Nookvillage selalu Merdeka!

By ProudlyMalaysian on August 21, 2008 6:42 PM

Dear Tun,

Now that you have mentioned it, I have not seen a single car with Jalur Gemilang displayed this year. This is indeed very unusual! I hope the message will be understood by the relevant people soon.

By haba54 on August 21, 2008 6:43 PM

Assalamualaikum. Semoga panjang umur Tun dan dapat menyambut hari kemerdekaan ke 51.

Walaupun ada ketidakpuasan hati waktu ini namun hidup perlu diteruskan... Selamat menyambut hari kemerdekaan kepada semua rakyat Malaysia.. Malaysia Boleh.

By barmember on August 21, 2008 6:46 PM

Dear Tun,

Tun tak 'bias'. Ianya tak pelik kenapa kita tak nampak kemeriahan sambutan merdeka kali ini. Mood untuk menyambut Merdeka memang takde bagi majoriti rakyat Malaysia. Kesan kenaikan harga minyak hanya salah satu sebab aje. Yang sebenarnya adalah kerana rakyat rasa seperti negara Malaysia pada ketika ini seolah-olah tiada hala tuju....sungguh menyedihkan. Inilah akibatnya bila kerajaan yang memerintah tak mampu mengawal anak-anak buah masing-masing. Pertikaian berlaku dalam UMNO, MCA, MIC dan parti komponen yang lain. Semunya sebab berebutkan kedudukan dalam parti jadi tiada langsung tumpuan untuk mentadbir negara dengan lebih baik dan cari jalan untuk selesaikan masalah rakyat. Tahun lepas rumah saya dan jiran2 penuh dengan bendera Tun...tapi ni tahun ni baru ada satu.

Tun, tolonglah buat sesuatu segera sebelum rakyat lebih menderita.

By Abdul Rashid BasarAuthor Profile Page on August 21, 2008 6:48 PM

Selamat hari Kemerdekaan ke 51. Semoga segala kekeruhan akan segera jernih.....ARB Dagang

By chuk on August 21, 2008 6:49 PM

salam tun..

haah betulla..mng suramla thun ni nk sambut merdeka...i tink becoz of ruling party asik sibuk nk bekmpen n nk setel isu2 yg boleh memudaratkannya...mmm hidup bn!!!...rakyat derita..corerct me if im wrong..

By Yummy mummy on August 21, 2008 6:50 PM

This year for the first time, I am hesitant to fly the Jalur Gemilang.

But for my kids, I have to instil the love of the nation into them, therefore I fight on.

Tun, UMNO, BN and the rakyat of Malaysia need guidance. You may still be able to cast your influence over UMNO and the rest of the component parties to make them realise the urgent need for change. I cannot see how else we can effect change otherwise. Please do not be deterred by your detractors. So many still revere you and hold you in the utmost respect; for the sake of our nation please show us the way.

I have given up hope for the present leaders to have any balls to fight for what is right. However, I know they are not all bad people, just lacking in courage. Nudge them Tun, push, shove. We are all behind you!!

By CS on August 21, 2008 6:50 PM

Hi Dr. M,

Indeed, quite even around capital city- KL.

Ah good, perhaps we are reducing expenses this year, perhaps not.

Dr. M,

You always make me wonder,

- 1) Like many, you are not too happy with current administration
- 2) Like many in current administration, you are not too happy with upcoming administration-in waiting
- 3) Your point of views on listening Rakyat, and focusing on building the nations economy and promote unity; are most sensible and practical.

Apart from current controlling party and the hype of new controlling-party in waiting, are we having a Third Force?

Good Day and Happy Merdeka!!

By orangeman on August 21, 2008 6:53 PM

Yang Mulia Tun,

Pada pilihanraya yang lalu saya tidak keluar mengundi kerana protes, pada hari merdeka kali ini saya akan menyambutnya dengan menyimpan bendera yang sedang berkibar. Semangat saya untuk menyambut kemerdekaan pon sudah hilang sebab kita sudah tidak merdeka lagi.

Orangeman love you Dear Tun.

By dean234 on August 21, 2008 6:53 PM

salam buat tun.. semoga tun pjg umur dan sehat selalu..

sememangnya betul tun, tahun ni mmg terase kurang meriah dan muram w/pun skang tggal 10hari je lg ke tarikh 31hb..

tak kiralah faktor harga minyak dan barang hinggalah ke kemelut politik, rata2 sy tgk mmg sambutan tahun ni seolah2 xde 'ummph'.

masalah2 yg melanda negara ni seolah2 melihatkan negara ni seperti semakin mundur..

harap2 this is not a bad omen of things to come. ya allah jahkan lah negara kita ni dari bencana alam mahupun buatan rakyat sendiri. amin

By apanamaAuthor Profile Page on August 21, 2008 6:54 PM

Dear Tun,

Rakyat secara umum-nya amat risau akan masa depan negara tercinta ini yang suatu ketika dulu 'berdiri sama tinggi' dengan mana-mana negara membangun dalam dunia.

Malaysia bukan sahaja dikenali maka dikagumi kerana kita muncul sebagai sebuah negara-bangsa yang bermaruah dan sanggup berhadapan dengan apa jua cabaran, tekanan dan kritikan demi memperjuangkan keadilan.

Keadilan tanpa mengira bangsa, agama atau kedudukan.

Malaysia kita pada waktu itu disanjung tinggi kerana kita tidak hipokrit atau bermuka-muka dalam mana-mana isu atau pendirian global.

Dalam negara pula, walaupun timbul rungutan disana-sini, rakyat hidup aman damai dan tenteram.

Sebelum Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri, rakyat tidak pernah risau akan masa depan mereka dan negara tercinta ini kerana KERAJAAN BARISAN NASIONAL cekap mentadbir negara dan menguruskan hal-ehwal dalaman dan luaran tanpa membebankan rakyat.

Pada zaman itu, kita sering memperjuangkan hak rakyat yang tertindas di Bosnia, Palestine, Iraq, Afrika dan lain-lain sehingga Malaysia menjadi 'Jurucakap Negara-Negara Membangun dan Dunia Ketiga'

We were truly proud to be Malaysians when you, Tun Dr.Mahathir Mohamad, were the PRIME MINISTER of Malaysia.

Simply because you led us into believing in ourselves, and gave us the confidence to do anything that we set our heart on.

We were proud Malaysians until the 'wolf in sheep's clothing' stepped in. I believe he even deceived you into entrusting him with our beloved nation.

The state of affairs in this country now is an open secret ... we are in a sorry and pitiful state.

Sometimes I wonder if there is infact a Government that is administering this country or is it on auto-pilot.

Under such circumstances, how could we expect Malaysians to fly the Jalur Gemilang and be proud of it.

Malaysia will become a pariah state with no pride or honour if ...

1. Abdullah Ahmad Badawi remains in power ;
2. Anwar Ibrahim becomes the Prime Minister.

What could we do the prevent such disasters befalling our country, MALAYSIA?

By Lagos69Author Profile Page on August 21, 2008 6:54 PM

MERDEKA ! MERDEKA ! MERDEKA ! MERDEKA DARI PENINDASAN DAN KEZALIMAN BN

<http://impianrakyat.blogspot.com>

By WHY BEE BANGI on August 21, 2008 6:54 PM

SALAM TUN,

HARI NI SAYA NAK TULIS BESAR BESAR. SAYA MASIH BERSEMANGAT TETAPI TUN NAMPAK MACAM DAH NAK GIVE UP. MARAH MARAH SEJAK KEBELAKANGAN INI. KENAPA? MUNGKIN TUN

BARU KEHILANGAN SEORANG KAWAN. MEMAMG ADA SEDIKIT KESANNYA. BAWAK BERSABAR.

RUMAH SAYA ADA DUA BENDERA MALAYSIA. ISTERI SURUH PASANG. SATU AKAN DIPASANG TERBALIK MULAI ESUK.

TUN TENTU ADA KUMPULAN KECIL YANG BOLEH DIBAWA BINCANG MACAM GROUP THERAPY ATAU THINK TANK. BUKAN SAJA NAK LUAH PERASAAN TAPI BUAT STRATEGI SEBAB TAK NAMPAK APA APA PERUBAHAN PUN DI LUAR SANA. TAK PAYAH TUBUH PARTY. ALL WE NEED IS A LITTLE SPARK OR A CATALYST. RASANYA IANYA AKAN MELETUP.

ADIOS

WASSALAM

By aidaariff on August 21, 2008 6:54 PM

i always have huge patient to wait for the next dr mahathir to rule the country ,even in million years.ur not replaceable tun.ur knowledge is respected,ur just brilliant in any ways.

aida ariff

uni of liverpool alumni(i met u in manchester talk march 08)

By ckAuthor Profile Page on August 21, 2008 6:55 PM

Salam Tun..

sy yakin semangat kemerdekaan tahun ini semakin kuat di dalam dada seluruh rakyat malaysia, namun cara sambutannya berbeza..

peace..love Malaysia

By MF10 on August 21, 2008 6:59 PM

salam TDM,

i have been a silent reader of your blog for some time.

and i find that you never fail to inspire me with your thoughts and wisdom.

yes, sadly...i too am reluctant to celebrate Merdeka this year.

i am very worried of my race and especially, my country nowadays.

may allah bless Malaysia always.

insya-allah.

By nmjnhAuthor Profile Page on August 21, 2008 6:59 PM

Assalamualaikum Tun,

Tak sabar rasanya menunggu tarikh keramat MERDEKA dari pemerintahan Pak Lah.

Saya pasti Pak Lah masih tidur lena hinggakan tidak pernah terlintas dihatinya untuk bertanya kenapa rakyat berbuat begini kepadanya.

<http://blog4pro.blogspot.com/2008/08/our-leaders-dont-know-much.html>

By ajmAuthor Profile Page on August 21, 2008 7:00 PM

Salam TUN,

Ditempat saya pun tidak yg mengibarkan jalur gemilang. Cuma kaki bodek dan P.A.T.I. yg takut rumah diserebu oleh imigrasen dan RELA.

Saya pun tidak merasa kemerdekaan tahun ini kerana bukan lagi nak kibar nak beli bendera pun tak mampu.

Rakyat tidak merdeka lagi bawah pimpinan Paklah.

salam sejahtera TUN.

By Godfather on August 21, 2008 7:03 PM

Tun:

Stop hammering the Sleepy Head. You put him there, you try and get him out before he does more damage to the country. If you can't get him out, might as well diam saje. Your supporters should also do the same. Walk the talk instead of talking cock, like they say....

By yewseng21 on August 21, 2008 7:04 PM

I LOVE MALAYSIA. PROUD TO BE MALAYSIAN.

By kelate1331 on August 21, 2008 7:06 PM

Sedih dengan keadaan sekarang!!! Ahli politik UMNO berbalah sesama sendiri. Pak Lah dan Najib dok sibuk menegak benang yang basah, Anuwar dok sibuk memperjuangkan politik diri sendiri. Maka rakyat terabai.... Apa kesudahan Malaysia sekarang ini. Rakyat telah merasai kesusahannya, susah, susah, susah.....Tolonglah Ayahanda TUN. Merdeka tidak seperti merdeka....

By Mohd Naim on August 21, 2008 7:06 PM

Yg. DiKasihi Tun,

Memang sedih. Saya akan menyambut Hari Merdeka kali ini dalam kesedihan. Negara sudah jadi mundur sebab diatas itu dipenuhi oleh perompak, penyamun, pembunuh dan seumpama dengannya. Kita Rakyat sudah jauh dari mereka dan diasingkan. Biarlah mereka menjadi pulau dan kita benuanya. Besok tsunami PRU 13 datang padan muka semua tu. Sekarang ni baru ombak Permatang Pauh dah nak lemas.

Undi saya nak diberikan pada Tun sahaja atau orang yang Tun sokong. Kalau muka-muka yang lain tu lebih baiklah saya duduk rumah saja.

By tokapiAuthor Profile Page on August 21, 2008 7:06 PM

Tun,

Saya bersetuju dengan pendapat Tun mengenai 'mood' suram menyambut kemerdekaan, namun begitu bagi saya tindakan kickdefella memang tindakan pengkhianat! Jika sayangkan negara, panji2 usahlah dipermainkan... Jalur Gemilang melupakan simbol patriotik dan cintakan tanah air. Amat malang sekiranya ia cuba dipolitikkan dan dihina sedemikian. Bagi saya, ianya sesuatu yang tidak dapat dimaafkan.

Benar, mungkin tindakan sheikh azidi itu sebagai tanda protes, tapi untuk menterbalikkan bendera, bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan. Banyak lagi cara lain boleh dilakukan tanpa menyentuh sensitiviti lambang dan panji-panji negara Malaysia tercinta ini.

Saya ada terjumpa pada satu laman blog, yang memaparkan gambar PM dalam keadaan terbalik... mungkin cara ini lebih sesuai sekiranya ingin menunjuk protes, bukan pada bendera! Jalur Gemilang adalah panji-panji negara yang mana di dalam Islam, panji-panji itulah perlu dijaga sehingga ke titisan terakhir kerana jika ia rebah dan dihina, itu tandanya kita kalah!

Sekian, mudah2an Allah selamatkan Tun sekeluarga dan kita semua Rakyat Malaysia..

Wassalamualaikum~

By sahfiie on August 21, 2008 7:07 PM

Salam Yang Berbahagia TUN DRM yang disayangi,

Benar kata-kata Tun, rakyat sudah hilang semangat untuk mengibarkan Jalur Gemilang...kemana hilangnya semangat itu?

Dimanakah silapnya...hingga terasa begitu suram...tidak bermaya...

Rakyat rasanya sudah bosan dan menderita dengan apa yang telah berlaku kepada negara sekarang ini. Maka hilangnya semangat kebangsaan, hilangnya rasa bangga pada diri sendiri dan juga kecintaan kepada negara seperti mana perginya tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin yang bijaksana.

Dan berharap mereka yang diatas akan melihat mengapa ini berlaku...dan segeralah mencari jalan keluar kepada permasalahan ini...dengarlah rintihan kami.

Kepada Tun DrM yang dikagumi dan disenangi, semoga sentiasa beroleh kesejahteraan dan kesihatan yang baik sentiasa. Dan berharap Tun tidak akan jemu untuk terus menulis.

Akhirkata kepada semua warga chedet teruskan komen membina anda!

Sekian,

Sahfiee

Moga-moga

By akuanakmelayu on August 21, 2008 7:12 PM

Takkan nak marah pada Pak LAh sampai tak nak kibar Jalur Gemilang.. sedihnya

By zap on August 21, 2008 7:12 PM

Salam Tun,

Memang pada tahun ini kibaran Jalur Gemilang terlalu sedikit. Saya hanya nampak satu dua kereta dan rumah yang mengibarkankan Jalur Gemilang.

Pada pemimpin semua, tak kira lah dari yang memerintah atau pun yang membangkang, sila lah lihat dan amati keadaan ini. Pada yang memerintah, jangan lah leka dengan kuasa samada yang dah lama memerintah atau pun baru saja mula memerintah.

Ini adalah akibat ahli politik yang ingin berpolitik bukan untuk menjalankan amanah kepada rakyat.

Terima kasih.

By entrepreneurAuthor Profile Page on August 21, 2008 7:12 PM

SALAM TUN SEMOGA PANJANG UMUR

MERDEKA!!!

MERDEKA!!!

By beskal_biruAuthor Profile Page on August 21, 2008 7:13 PM

Mengenai isu bendera terbalik ini, saya faham kenapa ada pihak ingin melakukan sedemikian. Tetapi secara peribadinya saya tidak mahu menterbalikkan bendera kerana mesej yang buruk akan difahami oleh para pelancong yang datang ke negara kita ini, seolah2 kita sendiri menghina dan tidak berbangga dengan negara kita sendiri.

Saya tidak terbalikkan bendera, tetapi saya ingin letak bendera yang kecil sahaja, menandakan saya cintakan negara saya, tetapi negara Malaysia yang berada di bawah pemerintahan Paklah bukanlah yang

saya inginkan.

Saya hendak menggantung gambar Paklah terbalik.
By megatAuthor Profile Page on August 21, 2008 7:13 PM

Asalamualaikum Ayahnda Tun, anaknda kira hanya anaknda saja yang terperasan yang Jalur Gemilang tidak dikibarkan pada tahun ini, rupanya we share the same sentiment. Teruskan mengomen dan sedarkan mereka mereka yang berkenaan tentang pentingnya Melayu tidak merempat ditempat sendiri. Salam to Bonda Tun Siti Hasmah.
By maza on August 21, 2008 7:15 PM

Di mata (telinga) org (luar negara), msia sekarang tak ada berita selain sodomy, model dan yg buruk2 sahaja. Sudah tiada (sedikit sangat) berita2 yg baik. Kalau ada (berita baik atau positif) pun masih dikaitkan kepada pemerintahan Tun.

Harga minyak sekarang dah banyak turun (di negara luar). Ada ura2 Harga diMsia pun akan turun. Syukur lah kalau ianya menjadi kenyataan. Tetapi yg pasti harga brg2 yg naik (ya, harga brg naik walaupun ada beberapa org besar kata tidak dan menafikannya) berikutan kes kenaikan harga pasti tidak akan turun.. saya tak rasa harga roti canai atau nasi lemak turun kembali.... seperti dulu...
By M.H putehAuthor Profile Page on August 21, 2008 7:20 PM

tun,
kemerdekaan patut disambut dengan megah dan bangga. jika kita tidak merasa begitu, saya pasti ada sesuatu yang tidak kena dengan negara malaysia ini.

www.mencandat.blogspot.com
By nikdublin.. on August 21, 2008 7:22 PM

Tun...
Hari 'kemerdekaan' yang akan datang ini akan lebih bermakna jika rakyat Malaysia dapat memerdekakan diri mereka dari Paklala.

Salam hormat!
By tuahmerahAuthor Profile Page on August 21, 2008 7:24 PM

Tun yang disanjung

Sebenarnya baru baru ini saya ade nyatakan perasaan yang lemau dan tawar untuk menyambut hari kebangsaan tahun ini. Malahan masa anak kecil saya menerima bendera kecil dari sebuah pasaraya, saya katakan..tahun ni tak de sambutan merdeka, kita simpan bendera sebagai protes. terkejut isteri dan anak saya dengan cadangan saya itu. tapi tak sangka ade juga orang yang berfikiran seperti saya. hanya pak lah je yang terkinja-kinja nak sambut merdeka nak berdiri di podium dengan gelagat syok sendirinye seperti biasa.
By key on August 21, 2008 7:30 PM

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN UNTUK SEMUA YANG MENCINTAI NEGARA MALAYSIA. Tidak kira apapun bangsa yang penting kita dilahirkan dibumi yang bernama MALAYSIA ,semoga keharmonian dan keamanan negara kita dapat dikecapi sepenuhnya tanpa rasa takut pada musuh2 yang sentiasa menunggu.SALAM MERDEKA BUAT TUN SEKELUARGA DAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA .
By key on August 21, 2008 7:30 PM

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN UNTUK SEMUA YANG MENCINTAI NEGARA MALAYSIA. Tidak kira apapun bangsa yang penting kita dilahirkan dibumi yang bernama MALAYSIA ,semoga keharmonian dan keamanan negara kita dapat dikecapi sepenuhnya tanpa rasa takut pada musuh2 yang sentiasa menunggu.SALAM MERDEKA BUAT TUN SEKELUARGA DAN SELURUH

RAKYAT MALAYSIA .

By lextcs on August 21, 2008 7:32 PM

tun, it reminds me of that song 'you lost that loving feeling'....this year celebration is so subdued that there is no more meaningful truth in the celebration anymore.

By blessnation on August 21, 2008 7:35 PM

Dear Tun,

Memang benar kata Tun.. Entah kenapa tahun ini, saya, keluarga, dan ramai rakan2 rasa tidak gembira dan tidak semeriah menyambut kemerdekaan negara tercinta ini seperti tahun2 yang lepas..

Mungkin salah satu sebab ialah budget tidak mencukupi dan terasa kehidupan yang susah sekarang.. Nak beli bendera pun rasa tak perlu.. Yang ada dalam simpanan dah agak lusuh.. Akhirnya pedulikan.. Rasa dah tak penting..Banyak perbelanjaan lain tak mencukupi.. Anak2 nak makan dan nak ke sekolah lebih penting..

Macam2 terbuku dalam hati..Banyak kerisauan yang melanda dan rasa kurang tenang.. Dulu masa Tun jadi PM kami selalu rasa ceria dan bersemangat..

Tiap hari tak ada berita yang mengemparkan, sampai kes maid Nirmala Bonat pun nak diperbesarkan dan jadi sensasi..Ada saja kes, rata2 rakyat Malaysia begitu murah hati dan nak menderma sebab majority besar senang lenang...

Sekarang ni tiap hari berita gempar sana sini sampai kita jadi pening dan risau.. Tapi mula2 saja hangat, lepas tu senyap je.. Apa jadi? Apa tindakan? macam kes Balasundram? Kes Proton Perdana Trengganu? Dan macam2 lagi..

Kalau yang kena tangkap pun ikan yang kecil2 je?Jaws terlepas kut..

Apa nak jadi Tun dengan Malaysia?

Dengar pasal pilihanraya kat Permatang Pauh tu pun dah menyampah..

Walaupun dekat dengan saya, tapi malas rasanya nak menjenguk..

Mana2 pihak2 pun saya rasa nyampah nak sokong.. Dua2 sama aje..Tapi pembangkang senang ambil kesempatan sekarang..

Kadang2 rasa biar Anwar menang pasal dah tak tahan dengan DSAB..

Takut nasi jadi bubur...

By pulut747 on August 21, 2008 7:38 PM

assalamualaikum..

Tun, memang sedih malihatkan keadaan sekarang ni... walaupun saya tinggal hanya 10 minit dari putrajaya, langsung bahang kemerdekaan tahun ini tak dirasai... pertunjukkan bunga api bukan satu ticket atau motif untuk saya merasai dan menjiwai erti kemerdekaan...hanya kekecewan terhadap PM yg mnyelubungi hati ini sekarang...

Semoga Tun dirahmati Allah. Thanks.

By kamal ahmad on August 21, 2008 7:42 PM

Salam Ayahanda Tun. Makna Merdeka pada saya ialah kebebasan untuk memilih dan bersuara, bebas untuk pergi kemana saya suka atau perlu di negara sendiri ini, tak perlu saya langut dan tabik kepada penjajah dan panggil mereka tuan. Erti Merdeka bagi saya ialah identiti yang memampukan saya menjati diri sebagai manusia berdarjat di bumi Allah ini. Di Hari Merdeka saya menilai dan senantiasa bersyukur ke hadrat Allah bagi laluan ini. Di rumah kampung saya masih lagi ada bola besi milik British yang telah digari ke kaki moyang saya di Penjara Alor Setar pada tahun 1939. Demi kemerdekaan, beliau lari meninggalkan penjara British sambil mengangkat bola besi tersebut sampai ke kampung halaman kami di Pulau Pisang Kedah. Alhamdulillah, hari ini kaki saya tidak berantakan bola besi British, saya hanya cuma perlu memandu kereta selesa buatan Malaysia untuk pulang ke kampung kami melalui salah satu

daripada sistem lebuhraya yang baik terurus didunia. Syukur ke hadrat Allah. Merdeka saya akan terus terpelihara selagi saya insaf arah datang saya dan hala tuju saya. Terima kasih Tun Dr Mahathir. Jasa mu tidak akan kami lupakan selamanya.

By akubosan on August 21, 2008 7:45 PM

salam Tun yang amat saya hormati,

kami sekeluarga memang dah lama noticed benda ni. Tak ada satu pun jiran saya kibarkan bendera Malaysia berbanding zaman Tun dulu.

kereta pun tak ada kibar bendera . Dulu satu kereta dekat 10 bendera jalur gemilang. Sekarang orang nak kasi terbalik bendera tu, sedih betul memikirkan apa yang sedang berlaku dalam negara kita. Morale is very low. I hope akan ada miracle untuk mengubahnya sebab saya rasa kalau sendirian tak ada siapa yang mampu mengubahnya. Semoga Tun sihat selalu.

By kzsoAuthor Profile Page on August 21, 2008 7:50 PM

Salam Tun,

Selamat menyambut hari kemerdekaan.....

By peteryap on August 21, 2008 7:54 PM

Yang Berbahagia Tun,

Exactly the same feelings of lethargy is felt all around and the mood is down with the coming of our MERDEKA DAY. I only put up the flag because Lee Chong Wei was playing in the badminton men's final and brought back our only medal thus far, from the Beijing Olympics. Other than that what is there to celebrate?

We will see more trouble ahead if Anwar Ibrahim wins in Permatang Pauh, only God can stop him and I know I am praying very hard.

So sorry to hear about the passing of your good friend YM Tunku Abdullah. Many of us do not know him personally but I am sure many of us are aware of the KL Central Market project which he did, and until today it's still a popular tourist attraction.

May God bless his soul and as always, our love and support is with you Tun.

By KunPhisaid on August 21, 2008 7:56 PM

Viva Tun Berdua,

Tahun ni Tun ialah Tahun Bersedih. Sambutan hari kemerdekaan pun ala kadar saja. Saya akan membuat sedikit kenduri kesyukuran dengan menjemput ahli kampung saya. Semoga tahun mendatang lebih terasa signifikannya dalam merayakan hari kemerdekaan Malaysia. Dirgahayu Tun.

By Redhuan D. OonAuthor Profile Page on August 21, 2008 7:59 PM

Baru-baru ini saya dijemput membentangkan ide dalam sebuah forum dinegara jiran. Dalam forum tersebut saya memaklumkan betapa saya menyanjungi Dr. Mahathir dan juga Pak Lah kerana (a) Dr. M membangunkan begitu banyak ide canggih dan bertaraf dunia bagi kita, (b) Pak Lah membenarkan begitu banyak kelonggaran dalam pentadbiran sehingga rakyat berani menyuarakan ide maupun protes menerusi blog dan TV sekarang.

Dengan itu saya tetap bangga terhadap negara tercinta saya sendiri iaitu Malaysia. Saya tidak setuju langsung yang kita harus kibar bendera dalam keadaan songsang atau terbalik sebagai tanda protes kepada PM yang ada sekarang. Negara kita tidak kena mengena dengan protes kita terhadap seorang PM.

Tindakan protes terhadap PM atau mana-mana institusi kerajaan harus dilakukan secara tepat dan nyata. Sekiranya kita tidak setuju dengan parti pemerintah, kita harus memprotes menerusi undi dan warkah kepada pemimpin. Itupun harus dilakukan dengan tertib dan sopan. Bukankah kita ingin dikenali sebagai rakyat yang beradab dan sivil dan bukannya terikut-ikut kerana kelemahan pemimpin kita?

Jika kita lakukan sedemikian maka samalah kita dengan orang yang kita tidak setuju itu. Hari Merdeka bukanlah hak orang tertentu tetapi hak seluruh rakyat. Janganlah kita mengajar rakyat kita supaya berlaku biadab terhadap bendera dan simbol kenegaraan kita.

Harus kita ingat ramai yang terkorban demi mempertahankan negara kita. Tindakan kita pula haruslah terus mempertahankan maruah negara kita serta menunjukkan perpaduan yang jitu dan jati tanpa kira haluan politik dan kepartian.

Dalam pilihanraya kecil Permatang Pauh yang giat berjalan ini boleh merupakan satu lagi saluran terbaik buat rakyat menyalurkan perasaan kurang puas hati mereka. Walaupun ramai daripada kita bukan pengundi atau pemilih kawasan tersebut, tetapi kita mempunyai kawan atau kenalan atau saudara di sana. Bolehlah menelefon atau menyampaikan pesanan sms kepada mereka sikap dan hujah kita mengapa kita harus mengundi protes terhadap kerajaan BN.

Tetapi dengan melahirkan tanda protes kepada pihak yang tidak berkenaan hatta simbol negara adalah ganjil dan tidak tepat. Jika hendak sangat protes pada Hari Merdeka, sebaik-baiknya adalah jangan hadir dalam majlis sambutan berkenaan. Tetapi janganlah kita pula menghalang mereka yang ingin menghadirkan diri bagi sebab mereka tersendiri. Dan janganlah kita melabelkan orang yang tidak setuju dengan kita sebagai pengampu atau pendurhaka kepada negara.

Tun,

Persoalan rasuah merupakan isu yang paling sensitif kepada semua lapisan massa hatta yang bukan muslim maupun dikalangan negara maju seperti UK dan AS.

Yang saya lebih ingin utarakan ialah soal rasuah mental, atau sogokan lisan, iaitu kita boleh dipesongkan keputusan politik kita apabila ada orang cuba 'jack' atau mengampu kita. Sekiranya kita dikritik, maka tidaklah akan kita menerima sesuatu ide berkenaan kerana kita tidak dirasuah dengan kata-kata manis.

Mengapa budaya kita senantiasa begitu? Suka sangat digula-gulakan sehingga tanpa kemanisan kata-kata kita tidak akan melakukan sesuatu yang difikirkan baik untuk semua terutamanya sekiranya ia adalah baik demi kebenaran.

Kita hanya melakukan kebaikan sekiranya kita mendapat markah politik dan diterima oleh pengundi yang ramai. Bercakap benar itu mudah bagi masyarakat bawahan sekarang kerana mereka tidak mengalami risiko politik. Pemimpin ada risiko status dan maka menerima kritikan itu adalah pahit. Maka tidaklah akan berlaku keberanian mengatakan sesuatu didepan pemimpin sehingga berleluasalah budaya sogoklah pemimpin dengan kata-kata manis belaka.

Budaya tersebut begitu buruk sehingga rata-rata tiada yang akan mampu terfikir apa-apa selain dari mengampu aja jua. Sekiranya tidak percaya cubalah menyatakan sesuatu yang mengkritik tindakan atau sikap mereka.

Jadi apakah rasuah itu hanya rasuah apabila wang bertukar tangan dibawah meja? Dan berlakulah kematian satu projek atau satu usaha atau satu kemampuan seorang rakyat Malaysia yang jati yang patut dijayakan. Apakah bukan rasuah sekiranya sesuatu ide dimatikan begitu saja? Yang menggantikannya adalah ide yang rendah nilai dan tidak mampu menyaingi diperingkat dunia.

Jika ini tidak benar, mengapa kita asyik tidak mencapai kejayaan demi kejayaan yang sepatutnya padahal bilangan rakyat kita mencecah 25 juta orang? Saya pernah mengenal individu2 dari kalangan rakyat kita yang mencipta atau mengeluarkan hasil bertaraf dunia tetapi mereka asyik bercerita bagaimana ada pihak yang mencuri ide mereka dari pihak berkuasa lalu ide itu mengalami kematian kerana pencuri itu tidak mampu menjayakan ide sedemikian secara sendiri tanpa pencipta aslinya.

Mereka (pencetus ide asal) itu akhirnya berhijrah keluar negeri dan ide itu berjaya pula dinegara asing kerana pihak asing pula yang menghormati ide mereka. Apakah mereka itu dianggap durhaka kepada negara sendiri? Sepatutnya mereka yang berkuasa sekarang yang tidak mengindahkan ide dan hasil kerja rakyat bawahan sendiri (disebabkan tidak menerima sogokan) sebagai durhaka.

Rasuah adalah tindakan pendurhaka dan harus dihukum seberat-beratnya tanpa kira kedudukan

tingginya dan tanpa kira bentuk rasuahnya samada dalam bentuk wang, pangkat, pengampuan maupun kemanisan kata-kata.

Redhuan D. Oon
P.endA.tang D.engan I.zin
By Cabina on August 21, 2008 8:00 PM

Salam Tun,

Beginilah jadinya jika negara di tadbir oleh orang yang malas berfikir serta tidak berpandangan jauh, Sejak dari awal lagi saya menyedari yang Pak Lah tidak layak menjadi Perdana Menteri.
By jfl on August 21, 2008 8:01 PM

Dear Tun,

Even I am not in Malaysia right now I can still feel how critical political is Malaysia. I am feeling not comfortable with the situation and keep on thinking the future in Malaysia especially in economy. We suppose to appreciate what we have which make us proud and try to maintain all the development and the peacefulness .

It have been 50 years we proud with a lots of things and now we are well known with this political dilemma, scandal and conflict.

Happy Merdeka Tun.

MERDEKA!MERDEKA!MERDEKA!

By sham78 on August 21, 2008 8:02 PM

Salam Tun,

Saya setuju dgn Tun, saya sendiri merasakan sambutan Kemerdekaan tahun ini agak kurang meriah. Rakyat berbelah bagi terhadap kepimpinan PM. Namun begitu, saya sudahpun mengibarkan jalur gemilang dihalaman rumah...aktiviti riadah dengan anak2.

By Sigli M3r1 Mo3dAuthor Profile Page on August 21, 2008 8:04 PM

Dearest Tun

Thank You Very Much For Your Hardwork. You're Special To Me In Many Ways, I Think Of Your Loyalty To The Country & Your Love For Your People.

And To All Malaysians, Selamat Hari 'Kebangsaan' Bersama & Hanya Kedamaian Yang Akan Menyatukan Semua.

By anjelina on August 21, 2008 8:09 PM

Salam

Saya amat sedih betul apabila membaca luahan ayahnda ini...but "WITHOUT YOU TUN, 'THEY' ARE NOBODY!!!.

Selamat menyambut hari kemerdekaan ke 51.

Keranamu kami mendakap tuah
Keranamu kami bangsa berjaya
Keranamu kami hidup selesa
Limpah budi kemakmuran negara

Keranamu kami bebas merdeka
Keranamu nyawa dipertaruhkan

mengenang budi.

Saya masih lagi mengharapkan keajaiban akan berlaku kerana saya yakin Tuhan itu tidak menjadikan sesuatu perkara itu dengan sia-sia. Saya begitu yakin tanah melayu ini bumi bertuah, kerana kita (majoriti penganut ugama Islam) masih berpegang teguh pada ajaran Islam. Kita masih sayangkan ugama, bangsa dan tanah air ini. Laungan azan masih berkumandang menyejukkan suasana dan memanaskan semangat juang untuk bangun bersatu kembali.

By arif on August 21, 2008 8:14 PM

this country is becoming worse from...
pak lah really should step down already...

By kdin on August 21, 2008 8:20 PM

NEGARA KU MALAYSIA SUDAH MERDEKA.TETAPI JIWA DAN PERASAANKU MASIH BELUM MERDEKA DALAM ERTI KATA YANG SEBENARNYA.AMAT SEDIH DAN SAYU.

By NorAuthor Profile Page on August 21, 2008 8:22 PM

Negara makin kaya, rakyat makin susah. Kurang erti merdeka tahun ni. Sekarang ni Najib usul lagi ramai kaum wanita Malaysia bekerja. Nilai-nilai keluarga melayu makin dikikis kerana faktor ekonomi. Tak boleh mau happy la Tun.

<http://gelamapisang.blogspot.com>

By hanson on August 21, 2008 8:26 PM

Tun yang dihormati,

Yang pasti saya TIDAK akan mengibarkan jalur gemilang selagi abduallah badawi memerintah.

Saya hairan melihat ada pihak yang begitu bangga mengibarkan jalur gemilang di kenderaan2 mereka.

Saya sedih, saya malu, saya kecewa, saya protes AAB.

Salam hormat Tun.

By amsia on August 21, 2008 8:30 PM

hati rakyat yang kecewa makin parah dengan luka yang semakin dalam..bagaimana kita harus gembira dalam situasi yang macam ni...apa makna merdeka jika nak menulis blog pun boleh kena tahan kat balai...ampehh punya kerajaan.

By rizuwan on August 21, 2008 8:33 PM

Salam Tun,

Very soon the party that won the independence for the country will receive the same fate as the congress party of India.

By SP on August 21, 2008 8:34 PM

Salam Tun.

Betoi la Tun.. tahun ni macam tak dak semangat nak sambut merdeka. Rata-rata kedai dan rumah di Sungai Petani ni tak gantung Jalur Gemilang macam zaman Tun PM dulu.

SELAMAT HARI MERDEKA ke 51.

By nusams on August 21, 2008 8:35 PM

Assalamualaikum Tun & sahabat sekalian,

Setiap tahun menjelang sambutan kemerdekaan saya akan memastikan jalur gemilang dikibarkan di kereta. Boleh dikatakan saya agak fanatik dengan jalur gemilang. Saya amat menyayangi Malaysia dan

apa jua simbol kedaulatan Malaysia termasuk jalur gemilang.

Bagi saya cadangan untuk mengibarkan jalur gemilang secara terbalik tidak dapat diterima sama sekali. Hatta diwaktu peperangan sekalipun, bendera sesebuah negara dijaga agar tidak jatuh ke bumi. Politik dengan kedaulatan negara hendaklah dipisahkan. Gunalah cara lain untuk meluahkan ketidakpuasan terhadap pemimpin yang ada, tapi janganlah sehingga tatatertib terhadap kedaulatan negara tergadai. Dulu ada yang mencadangkan kibarkan bendera putih, itu satu contoh yang baik. Kibarkan bendera putih disamping jalur gemilang yang dikibar dengan cara yang betul.

Tun menulis:

"Saya akan sambut Hari Merdeka tetapi tidak seperti 50 sambutan yang terdahulu. Sesuatu sudah hilang daripada makna kemerdekaan. Mulut sudah ditutup dan apa yang ada dalam hati tinggal tertambat, tidak boleh diluahkan".

-Kita cuma merancang, berusaha & berdoa, Tuhan jua yang menentukan.

Akhir sekali Tun, salam kemerdekaan dan salam sayang.

By OMK on August 21, 2008 8:35 PM

Dear Tun

I agree with your opinion on this even though I am not living in Malaysia to observe it myself. My sisters are complaining about the rising cost of living everytime I call home.

Abdullah is not a real gentleman like most leaders who were in a similar situation - losing their popularity or support from the people. For instance our former colonists, Blair stepped down and handed the leadership to Brown. May be we have reached the progress of a developed nation about the physical progress but not mentally and that's why we remain as a developing country status. people power doesn't work in Malaysia unlike in the Philippines and Indonesia. We have a high tolerance for bad leaders.

So much I would like to see the change in leadership, but having Anwar Ibrahim as the PM would not help either. There must be other capable people to govern the country.

I hope to return home as soon as I am done with my family commitment here. There is no place like home. But what is to look forward to when the country is leading to destruction and the leaders failed to see it. Shame on this people for being a coward for not standing up for what they believe to be right. Most of all, shame on the leader who refuses to step down.

Have a nice day.

By zali lampai on August 21, 2008 8:41 PM

Selamat menyambut hari kemerdekaan semua rakyat Malaysia.

<http://anakmalaysia81.blogspot.com/>

By 6619Author Profile Page on August 21, 2008 8:42 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya rasa bangga menjadi rakyat Malaysia yang merdeka, tetapi pada tahun ini saya kecewa dengan keadaan yang kurang merdeka. Maksud saya, teguran dan keluhan rakyat tidak diambil peduli oleh pemimpin yang dilantik oleh rakyat. Rakyat seolah-olah menjadi hamba suruhan kepada pemimpin. Pemimpin sekarang yang dilantik sepatutnya kerja menjaga kebajikan rakyat bukan sibuk mengaut harta. Amat memalukan.

Saya tetap megibarkan Jalur Gemilang(separuh tiang), bukan sebab disuruh tetapi hati saya teramat bangga menjadi rakyat MALAYSIA.

Semoga Tun sentiasa dalam jagaan TUHAN.

By Bil Fageh on August 21, 2008 8:43 PM

Salam sejahtera buat Tun seisi keluarga.

Atas dasar cintakan tanahair, saya merayu kepada Tun agar kembali memimpin kami. Selamatkanlah kami dari bala bencana yang akan dibawa oleh Pak Lah dan Anwar. Jujur saya sampaikan di sini, belum ada satu pun pemimpin melayu yang mampu membela nasib bangsa kita selain Tun. Jalan terbaik untuk merealisasikan perkara ini adalah dengan menubuh Parti Politik Baru untuk orang melayu. UMNO dan parti politik melayu yang ada kini terlalu banyak kudis dan kurap yang sukar untuk dipulihkan. Bagilah peluang kepada kami, orang-orang melayu, untuk memilih pilihan alternatif demi bangsa dan agama.

Sekali lagi saya merayu agar Tun dapat memberi perhatian serius atas cadangan saya ini. KAMI RAKYAT MALAYSIA MERINDUI KEPIMPINAN TUN.

By anak brunei on August 21, 2008 8:52 PM

Askm Tun,

Saya sokong Tun 100%.

By pingu on August 21, 2008 8:54 PM

Assalamualaikum ayahanda Tun,

Semoga Tun sihat sejahtera dan dipanjangkan umur. Kami sentiasa merindui ucapan dan kata2 Tun.

Terima kasih atas kata2 tersirat Tun, demi negara dan bangsa Malaysia yang akan meniti usia kemerdekaan ke-51. Yang pasti, semangat kemerdekaan kali ini tidak sama seperti mana 50 sambutan sebelum ini. Tapi kita mesti sama2 berdoa untuk kesejahteraan Malaysia, demi generasi kita yang akan datang.

MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!

By joehoneyAuthor Profile Page on August 21, 2008 8:54 PM

Salam buat Tun serta Keluarga,

Saya dan keluarga pun rasa tak meriah sambut Merdeka tahun ini.

Hidup Tun!

By OrangLama on August 21, 2008 8:57 PM

Salam,

Sayang seribu sayang. Negara yang telah dibina atas titik peluh pejuang2 kemerdekaan hampir jatuh dari tangan Perikatan/BNasional kepada tangan pembangkang.

1. ZAMAN BERUBAH, RAKYAT BERUBAH

Dulu orang Melayu miskin, kita bersyukur Tuhan anugerahkan kepada kita pemimpin UMNO yang baik2 sehingga kehidupan orang Melayu sekarang lebih senang. Tetapi berikut beberapa masalah yang timbul akibat kesenangan yang tak diselarikan dengan tuntutan agama.

Bukan sahaja ahli politik berubah Tetapi rakyat umum pun berubah. Jiran dah mula buat hal masing2. Tok Syeikh2 yang perjuang agama ada juga sikit2 dah mula diresap dengan perjuangan duniawi. ketua2 jabatan kerajaan mencipta atau memeperkenalkan perkara2 baru bukan berniat untuk kemajuan jbatan/negara tetapi kemajuan diri sendiri supaya senang naik pangkat atau perancangan khusus untuk persaraan.

Amalan bodek membodek berleluasa di kalangan ahli politik dan Pegawai/kakitangan kerajaan dan swasta. Pecah amanah berleluasa, jenayah semakin meningkat, akhlak anak muda membimbangkan, akhlak orang2 dewasa semakin merisaukan, akhlak orang dah berumur mula semakin menjijikan. Orang yang buruk dipandang mulia, sebaliknya yang mulia dipandang hina. Hubungan sesama ahli keluarga pun sekarang dah mula terikat kepada kebendaan. InsyaAllah bukan keluarga saya.

Zaman dahulu tanya kanak2 nak jadi asykar, polis, doktor, cikgu. Kenapa? Semua akan jawab nak tolong orang. Sekarang kanak2 diasuh ibubapa untuk kerja jadi orang kaya. Perempuan muda2 cantik jelita kahwin dengan lelaki tak sepadan dengannya, ada yang sama umur dengan ibubapanya, macam2 lagi (nanti lebih2 kata saya menghina pula sesama kaum Adam!). Semata2 kerana wang ringgit. Zaman dulu cari pasangan yang beriman. Cikgu duk susah hati mengajar tak naik2 gaji. terlalu banyak perubahan sikap rakyat Malaysia terutamanya orang Melayu. Tak payah nak berpanjangan lagi.

Kesimpulan: Orang Melayu sekarang lebih bersifat materialistik(kebendaan/duniawi) sehingga lalai menjalankan tugas/amanah turunturun dengan baik.

2. RAMALAN SAYA

Semuga tidak berlaku. Saya meramalkan Malaysia akan mengamalkan sistem pemerintahan seperti Singapura dan Amerika Syarikat mungkin selepas Pilihanraya Umum yang akan datang dimana BNasional akan tumbang kerana orang Melayuberi sokongan kepada Pakatan Rakyat. kejatuhan orang Melayu disebabkan oleh orang Melayu sendiri.

sama2 kita doakan kepada Allah Ta'ala supaya ramalan saya ini tidak berlaku. Semuga anak2 dan keturunan kita sentiasa hidup aman, makmur dan bahagia di bumi bertuah ini kurniaan Allah Ta'ala sehingga kiamat. Sama2 kita usahakan menyelamatkan negara kita ini dari pengkianat2 tanah pusaka kita.

By laksemana on August 21, 2008 8:58 PM

Tun,

Cuma satu kemusykilan, adakah Tun akan dijemput lagi untuk majlis2 anjuran kerajaan sempena Hari Kemerdekaan yang ke-51 ni? Kita tunggu dan lihat je la ye... dah sememangnya amalan org kita yang suka "tunggu dan lihat" ;)

By Bijarimi on August 21, 2008 8:58 PM

Dear Tun,

- 1) Merdeka? Saya kira, sekarang ini ramai orang tidak berminat dengan kemerdekaan. Ia tidak memberi erti yang sama seperti tahun-tahun sebelumnya.
- 2) Kibarkan bendera? Rakyat sedang sibuk berpolitik. Tiada masa hendak pasang bendera di kereta.

Keadaan yang amat menyedihkan, tapi ia adalah kenyataan!!!

Mungkin ramai orang sedang mengikuti perkembangan "orang yang tidak sabar-sabar lagi untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia"

Tun, seronok ke menjadi Perdana Menteri sehingga ada yang kemaruk?

By azizol haqimAuthor Profile Page on August 21, 2008 9:06 PM

Aslkm Tun,

Memang banyak orang merasa kecewa pada masa ini yang mungkin menyumbang kepada kurangnya sambutan hari Merdeka pada tahun ini. Malangnya pemimpin agung kita masih didalam "state of denial". Apabila beliau berkata yang beliau "tidak under pressure" walaupun BN telah kalah dalam 5 negeri dan Wilayah Persekutuan, saya merasa takut kerana mungkin beliau hanya akan "under pressure" setelah BN tidak lagi memerintah. Beliau seharusnya meletak jawatan sebaik sahaja menerima keputusan yang teruk sebegitu

Saya bedoa semoga Allah s.w.t membuka hati beliau untuk menyedari keadaan kronik parti BN dan UMNO pada masa ini dan semoga Allah s.w.t memimpin beliau untuk mengambil keputusan yang sewajarnya. Amin.

By chefrt on August 21, 2008 9:06 PM

Mereka2 semua yang mewakili rakyat atau wakil rakyat BN dah lupa yang masa itu tak akan dapat di kembalikan lagi, jadi marilah kita berdoa agar mereka ni akan sedar dan bangun dari mimpi indah mereka.

Semuga allah merahmati Tun dan keluarga.

By critical thinkerAuthor Profile Page on August 21, 2008 9:06 PM

assalamualaikum

saya setuju dengan fakta Tun. 31 ogos ni agak muram di sebabkan tekanan kewangan untuk kebanyakan rakyat. kecewa dengan sikap ketidak prihatinan kerajaan yang makin lama makin suram terhadap keperluan semasa rakyat.

apa apa pun

saya ucapkan Selamat Menyambut Hari kemerdekaan ke 51

By Andy78 on August 21, 2008 9:08 PM

Merdeka merdeka merdeka....Saya setuju ngan TUN.... memang tahun ni bulan ogos ni...suram gila kibar jalur gemilang.. kat tempat saya... satu je nampak , tu pun kat rumah saya...pelik! pelik!...

By Along on August 21, 2008 9:10 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya juga merasa sepertimana yang Tun katakan. Dulu bila kita ke Mekah, orang Arab akan menyanjung kita rakyat Malaysia.

Tapi kini, cara layanan mereka berbeza, seolah-olah kita ni satu bangsa yang lekeh.

Sedih kan Tun.

By suffianr on August 21, 2008 9:11 PM

salam tun..

selamat hari merdeka yg ke 51..

saya pun sedih dan seperti yg tun cerita kan.. di atas... tidak beghitu bersemangat untuk menyambut kemerdekaan... tahun dgn cara2 yg seperti tahun2 lepas..

saya dahulu sangat kuat penyokong umno.. kerana.. apa yg telah .. diberikan kepada keluarga saya.. iaitu pendidikan.. dan pekerjaan..

kini.. rata2 rakyat hidup dlm keadaan perit sekali.. mmg betul kiter tidak boleh berharap kepada subsidi.. sepanjang masa.. tetapi byk perkara yg boleh dilakukan oleh k'jaan skrg ini... yg boleh diperbaiki perlaksanaannya.. byk pembaziran yg berlaku.. yg kini masih berlaku..

walaupun ckp rasuah tidak dibenarkan.. tetapi kini.. semakin teruk rasuah nyer.. mmg betul apa tun ckp.. rakyat sebenarnya marah sgt.. tetapi takut utk bersuara.. seperti berada di dalam police state.. sesiapa yg bersuara berlawanan arus dgn k'jaan akan masuk isa..

salah kah kita menyuarakan pendapat dan isi hati.. bukan utk menjatuhkan rakyat.. tetapi pikirkan lah kembali.. ingat rakyat itu lah tunjang negara.. tanpa rakyat.. tiada negara.. jika rakyat marah.. sila dengar ambil tindakan.. jangan lah menipu rakyat.. sekejap ckp bulan 8.. dan dan besok dah naik minyak.. rakyat sgt lah marah .. tersangat marah.. tetapi siapa lah kiter.. ini..

semut tidakkan mampu melawan gajah..

andaikan semua semut bersatu sekalipun.. hatta utk menjatuhkan gajah ... akan ramai yg terkorban.. dan ini rakyat tidak mahu.. rakyat hanya mahukan kedamaian.. kesejahteraan hidup.. tolong lah DSAB.. u have done a lot for the country .. skrg biarkan org lain yg lebih layak meneruskan tanggungjawab itu.. negara kini perlukan pemimpin yg mementingkan negara.. dan bukan kroni.. kini terlalu ketara..

kalau hendakkan bisnes. masuklah politik.. semua menteri.. mampu pakai kereta mewah.. minyak tak perlu pikir.. sebab subsidi duit rakyat.. rakyat bagaimana pula.. mampu ker? nk isi minyak pun kira duit cukup tak until hujung bulan nk makan..

akhir kata.. every malaysian loves malaysia.. it is sad to see it has become like this...

By twocents02 on August 21, 2008 9:12 PM

Salam Dr M

For a *SODA man, his source of information will always be secondhand. And this source is usually embedded with vested interests.

*SODA = state of denial always

By Oumono on August 21, 2008 9:13 PM

Tun,

apa jadi dengan negara kita. tolong la pemimpin melayu bukakan mata masing..hari yang amat menyedihkan merdeka kali ini..tak pernah seumur hidup saya rasa sedih bila merdeka..

By bayu radijikin on August 21, 2008 9:18 PM

Assalamualaikum TUN.....sya antara anak muda,byk yg sya pelajari dr laman blog TUN ini,sya amat berbangga kerana ada pemimpin seperti TUN walaupun sya x pernah menjadi ahli umno dan langsung x berminat.tetapi sya amat menghormati TUN.apa kata TUN tubuhkan parti baru yg cenderung kepada org melayu,seperti parti DAP yg cenderung pada kpd org cina.sekian

By normal citizen on August 21, 2008 9:19 PM

Dear Tun,

You are right and sensitive enough to feel that something is wrong. I can still recall last time, by early August the cars/bikes on the streets would have flooded with their small Jalur Gemilang on their vehicles.

I think the increase of fuel price is one factor. I still think that as an oil export country why is that our government could not maintain the price at the previous level. I would like to question the Menteri Penerangan from Norway/Zimbabwe/Somalia, what's your explanation or justification for still maintaining the price while the crude oil price has indeed fallen to \$115 as at this moment.

Also at least in China, they have something to look forward to like the Olympics. In Singapore, they are hosting the first night racing in F1. What are the Malaysians looking forward to in 2008 ?? Yes, well done Lee Chong Wei and all the Malaysian athletes. But we can also look forward to more drama, more political fight, more protest and more uncertainty.

Sad but it's true that Malaysia has becoming less competitive with the current political environment.

By Nazra Z.Author Profile Page on August 21, 2008 9:21 PM

What is happening in Malaysia is very sad.

Hanging the flag upside-down, in my honest opinion, is inappropriate. I saw the blog and I found it very disturbing. I can't wait for the day Pak Lah steps down but using the flag to show your disappointment towards the government will just make things worse.

The flag that we have now is a sign of our independence and I am proud of it.

Merdeka Day will be a day that we celebrate our independence and it has nothing to do with today's messed up situation.

Happy Merdeka Day Tun and to all Malaysians.

By rakusman on August 21, 2008 9:22 PM

Salam buat Tun,

Memang macam tu kalau pemimpin tak berwawasan. Senyap je macam tak nak sambut hari kemerdekaan. Mungkin tengah berfikir apa aku nak buat dengan Tun M ini....asyik menghentam aku je. Betul lah kalau dah tak pandai memanglah kena hentam. Takut nak lepas tu kenapa? Yang menganti pun bukan PKR tapi dari UMNO. Atau dah berjanji dengan PKR? Atau nak bertahan lebeh lama lagi?

Sejarah hitam akan tercatat buat tatapan generasi masa depan bahawa siapa yang menghancurkan negara ini.

salam.

By Mohd Faried on August 21, 2008 9:23 PM

Salam Tun

Semoga Allah s.w.t melindungi Tun dan Toh Puan dalam keadaan sihat sejahtera.

1. Sebagai rakyat Malaysia, saya perhatikan memang benar yang dikatakan oleh Tun...tiada semangat kemerdekaan dan semangat menaikan bendera Malaysia.
2. Tak seperti di tahun-tahun yang lepas di zaman Tun. Keadaan sudah berubah, pemikiran rakyat telah berubah...rakyat bosa, rakyat tertekan, rakyat hampa di bawah pemerintahan Paki Lah.
3. Tiada pembangunan, tiada tidakan cepat, semuanya ugut sana sini, semuanya tak betul....Pak Lah tidak mahu dengar cakar orang bawah...rakyat.
4. Paklah rupa rakyat berkuasa...rakyat membuat pemilihan SAY NO TO BN 2/3!
5. Saya lihat tiada perubahansaya rindukan perubahan Tun...saya rindukan sentuhan Tun.
6. Keluarga saya tak tengok tv 1 dan tv 3 lagi!
7. Keluarga saya lebih suka lihat ASTRO dan layari Internet daripada melihat dan mendengar ucapan Pak Lah.
8. Tun kami rindukan sentuhan Tun...kami ingin kan perubahan.
9. Saya meminta Tun sihat, supaya dapat meneruskan perjuangan yang belum selesai.

TUN hasilkan lah buku, buku, buku! Hanya itu sahaja yang Tun dapat sumbangkan kepada rakyat... tv dah kena blok, radio dah kena blok, ucapan persindagn dah kena blok...

Saya rindukan sentuhan Tun

Selamat Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Tun !

Allah s.w.t lindungi Tun dan Toh Puan

HIDUP TUN! HIDUP TUN! HIDUP TUN!

By bluetinboy on August 21, 2008 9:23 PM

Salam YBhg Tun (Ayah Besar),

Moga Allah sentiasa memberi Tun kekuatan dan kesihatan yang berpanjangan.

Merdeka macam malap saja di tahun ini, semua org kecoh mempertahankan diri dari jatuh kerusi dalam parti mereka sendiri terutama sekali org-2 BN. Pak Lah dgn pemikiran singkat!!! tapi bila pasal sapu duit rakyat dia pikir jauh kedepan sampai org lain boleh duduk nganga jer tak kata apa..

Harap Tun akan terus menyeru org kuat dlm BN utk pulang ke landasan yang betul...geli hati tgk Pak Lah comments dia naik LRT.

MERDEKAKAN DIRI SENDIRI JER TAHUN INI.. DUDUK DIAM DLM RUMAH

All the best of you AYAH BESAR!!!
By shaiktamby on August 21, 2008 9:26 PM

In The Name Of Allah Most Beneficent Most Merciful

Assalamua'laikum YAM Tun

How to end Racism
1 minute message - by Imam Shabir Ally

Recent events remind us that racism remains rampant. How can it end? Only understanding and education can end racism.

People must realise that Allah created all humans from one couple. The entire human race is therefore one large extended family. Allah says:

"O mankind! Be careful of your duty to your Lord who created you from a single soul and from its mate; and from the two of them He spread abroad a multitude of men and women" [Al-Qur'an 4:1]

"O mankind! We have created you male and female, and have made you nations and tribes that you may know each other. The noblest of you, in the sight of Allah(1), is the best in conduct" [Al-Qur'an 49:13]

The noblest is the best in conduct. Such persons may belong to any race or country. What really matters is their conduct and behaviour. This is why the prophet Muhammad(pbuh)in a public address said that the Arabs are not superior to the non-Arabs, and one colour is not superior to another. He also said that people should obey their leader even if he is a black person.

Furthermore, we must understand that no race is superior to another. When we see a garden with many different flowers we appreciate the beauty of the entire arrangement. We have nothing against the colour of any flower because each contributes something to the beauty of the garden. In a similar way we may see the world as a garden decorated with people of different colours. Let us appreciate that each variety of people contributes something to the spice of life in this world.

As a result of following these teachings, many people are able to end racism in their thoughts and actions. You can still see racial harmony today in the mosques of cosmopolitan cities. There you will find people of various colours worshipping together, all with equal status before Allah. Rich or poor, black or white, king or pauper all line up side by side to worship. No special consideration is given to anyone based on colour or social status. In many mosques the leader is black and the followers white. There is no such concept as a "black mosque" or "white mosque." Islam removes such destructive concepts.

Remember the story of Prophet Noah as.

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْتِي مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَلَا تَرِدِ الظَّالِمِينَ إِلَّا تَبَارًا

71:28 "O my Sustainer! Grant Thy forgiveness unto me and unto my parents, and unto everyone who enters my house as a believer, and unto all believing men and believing women [of later times]; and grant

Thou that the doers of evil shall increasingly meet with destruction!"

وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُولَؤْا فَتَمَّ وَجْهُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

2:115 To Allah belong the east and the West: Whithersoever ye turn, there is the presence of Allah. For Allah is all-Pervading, all-Knowing.

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يَعْلَمُ مَا يَلْجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

57:4 He it is Who created the heavens and the earth in Six Days, and is moreover firmly established on the Throne (of Authority). He knows what enters within the earth and what comes forth out of it, what comes down from heaven and what mounts up to it. And He is with you wheresoever ye may be. And Allah sees well all that ye do.

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

2:42 And cover not Truth with falsehood, nor conceal the Truth when ye know

وَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

2:201 And there are men who say: "Our Lord! Give us good in this world and good in the Hereafter, and defend us from the torment of the Fire!"
Ameen ! Qabul !

By Sekebun Bunga on August 21, 2008 9:30 PM

Tun,

Benar seperti apa kata Tun. Tahun ini nampak sangat suramnya. Kalau bloggers berada di Kuala Lumpur tidak nampak yang Malaysia akan menyambut merdeka. Tidak ada jalur gemilang dipasang, bukan sahaja di bangunan-bangunan kerajaan malah di bangunan milik korporat juga nampak begitu daif sekali.

Saya masih ingat ketika Dato' Seri Sanusi Junid menjadi Pengerusi sambutan hari kemerdekaan...meriah Kuala Lumpur dibuatnya. Boleh dikatakan semua kereta memasang bendera malah Kuala Lumpur begitu indah sekali. Rakyat jadi terhibur dan teruja menyambut merdeka.

Nampak sangat pucuk pimpinan kita sekarang tidak boleh berfikir dan membuat banyak kerja pada satu-satu masa. Bak kata pepatah Melayu tak pandai nak 'sambil menyelam minum air'. Kalau diberi banyak kerja pening kepala otak nak fikir...begitulah agaknya. Sekarang otak mereka hanya tertumpu pada pilihanraya kecil Parlimen Permatang Pauh. Mana janji nak review harga minyak setiap bulan. Sampai sekarang rakyat masih bersabar tapi jangan sampai kesabaran meluap-luap.

Sedih dan malu bila pucuk pimpinan kita tak pandai memimpin tapi masih berlagak pandai, malah lebih malu lagi apabila bila negara yang dipimpinya menuju ke arah caca-merba.

Salam buat Tun dan keluarga. Semoga dirahmati ALLAH.

By who win on August 21, 2008 9:32 PM

MERDEKA....

1. Tujuan & makna kemerdekaan sudah lupa bagi kerajaan BN, tetapi ini tidak akan dilupa oleh rakyat jelita.

2. Kemeriahan merdeka tidak kelihatan oleh rakyat jelita, kerana kepentingan BN untuk party tetapi

bukan untuk rakyat.

3. 'Polis Raja Di Malaysia' sudah memberikan kesan buruk, adakah ini salah Polis atau Kerajaan?
4. Semua pemimpin dari BN terutamanya UMNO bertukus-lumus dalam pilihanraya P44, sebab takut kehilangan kuasa istimewa yang di perolehi sekarang.
5. Apakah pemimpin kerajaan BN sekarang takut jadi pemimpin pembangkang, bukan kah pemimpin pembangkang juga boleh menyuarakan hati rakyat? Nampak sangat kebanyakan pemimpin BN tidak berjiwa bangsa.
6. 50 tahun diambil memupuk sentimen kemerdekaan di dalam hati rakyat, tetapi ambil masa satu pilihanraya & pemimpin yang gagal memtaksir mesej rakyat menimbulkan banyak issue untuk kepentingan diri dan rosak sentimen yang dipupuk 50 tahun.

Kerajaan yang bersih, cekap & amanah lah yang di nanti-nantikan oleh rakyat dalam kemedekaannya...
By tintabiruAuthor Profile Page on August 21, 2008 9:34 PM

Salam Kemerdekaan Buat Tun dan Keluarga,
Saya juga tak sabar untuk menyambut hari kemerdekaan yang ke 51. Walaupun tidak bersetuju bukan bermakna kita hendak mengibarkan jalur gemilang dengan diterbalikkan. Kita tetap sayang negara kita. Bnederlanda Malaysia lambang kita sev
bagai rakyat malaysia.
By reader on August 21, 2008 9:36 PM

I have to disagree Dr. M

Regardless of what happened in Malaysia, we should always respect our Jalur Gemilang.

If we are angry with the government, we should lash out at them NOT by using our national flag.

Pakistan and India have just turned 61-year-old. I saw many Pakistanis and Indians singing their national anthem with great pride even when Pakistan has leadership problems and India has problem with Kashmir.

I think for the past 50 years, Malaysians have never lived in an unstable condition as we do now.

Even in America, people are not happy with the current ruling government and its economic formula.

We should learn that at times we will lose our pace.

By shahrul on August 21, 2008 9:38 PM

"Utata"- "Utata"- "Utata" my 2-yr old son pronounce Merdeka by just looking at Jalur Gemilang.
By fearsyar da great on August 21, 2008 9:40 PM

Kepada semua,

Betul kata Pak Lah, bendera tak salah apa2. Kita pun faham. Dah tu nak protes macam mana lagi? Takkan nak terbalikkan gambar pak lah plak? Anyway, kat Tawau sekarang ni, ada sebiji motorsikal dan beberapa buah basikal jer yang mengibarkan jalur gemilang. Apa ertinya kemerdekaan jika hidup seharian kita terasa dikawal dengan perubahan harga minyak dunia????? Kerajaan pun rasanya dah tak pikir langsung dengan kemerdekaan. Diorang dok busy dengan pencalonan untuk memegang jawatan dalam Umno. Ditambah plak dengan ancaman pembangkang untuk memerintah negara. So, if the government couldnt care less, why should us?

By Anba on August 21, 2008 9:43 PM

Dr. Mahathir,

You mentioned :

"Saya akan sambut Hari Merdeka tetapi tidak seperti 50 sambutan yang terdahulu. Sesuatu sudah hilang daripada makna kemerdekaan. Mulut sudah ditutup dan apa yang ada dalam hati tinggal tertambat, tidak boleh diluahkan. Kita takut berkata apa-apa kerana polis akan digesa bertindak. Kadang-kadang saya berasa yang kita berada dalam sebuah Police State (Negara bawah kawalan polis). Tetapi ini mungkin sifat keterlaluan saya"

1. Yes, finally you are feeling like what non-Malays have been feeling for decades. The Malay supremacy (so called supremacy) actually dampened the spirit of non-Malays.

2. You said everyone's mouth was shut and we could not voice out what we feel. Sir, you just mentioned a few days ago that voicing out or discussing sensitive issues is not suitable for our stability. Are you saying that you should be allowed to say what you want to say, but when it comes to the non-Malays to voice out, you are cautioning it might spark problems in the country? Strange, your biasness is strange but true, perhaps stranger than fiction.

3. You said, "Kita takut berkata apa-apa kerana polis akan digesa bertindak. Kadang-kadang saya berasa yang kita berada dalam sebuah Police State".

Any non-Malays will attest this statement is a sheer BS!. Look who is talking about living under fear! When Hindraf was rallying a peaceful walk protesting the unfairness treatment shown towards Indians including the systematic breaking of some temples, your government combat them with water canon. Now, it's the non-Malays are living in fear or not able to truly voice out their opinion afraid of the police and also fearful of your ISA, a cowardly way of trying to restore peace in this country.

4. You said, "Kita bersyukur kerana kita, samada Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain suku kaum tidak bersifat ganas, tidak suka pada huru-hara, tidak berminat merusuh"

If you're aware of the history of our world, you'd know that when certain races are suppressed, they are bound to retaliate and resort to violence one day. You can suppress a race for some time, but you cannot suppress a race all the time. Don't be too assured of the peace in the country despite your undemocratic treatment towards the minorities in Malaysia. I'm a non-violent person, but understand that one day, when the Malays continue to suppress others, people might resort to violence. So, don't be silly and stupid as usual and let violence erupt one day.

5. I don't care if they place the jalur gemilang upside down. As far as I'm concerned, the Malays get all the gemilang while the non-Malays only get the jalur. As such, the significance of placing the flag in any manner does not affect me in any ways.

Stop speculating that this merdeka is any different from the previous ones. For us non-Malays, we have been feeling like this for 50 years now. Perhaps it's time you are feeling like this now. Please join the agony, as you were the most influential person who brought about this sentiment. Learn to live with it, whether you like it or not.

6. For me, the true merdeka will come when the sons and daughters of people of all races could join hands in walking to the university together without any quota; when the NEP is abolished; when we could voice out our opinion without the fear of apprehension of any kind from anyone. Until then, I feel that the non-Malays are still living under the influence of a 'foreign' invader. In our case, after the British left Malaya, the Malays have invaded this country. For us non-Malays, it's like 'keluar dari mulut buaya, masuk ke mulut rimau'.

God bless.

Anba

By smaenz83Author Profile Page on August 21, 2008 9:49 PM

Salam Tun, merdeka kali ni, saya x lihat apa2 yang istimewa. kalu sebelum ni selalu la jet2 pejuang lalu atas umah untuk raptau, kali ni, mcm xder apa2 jer...

Pok lah sibuk duk kat permatang pauh nih... takut kalah lagi... hahaha..

Bendera terbalik mmg bkn satu perkara salah. Kalu org ckp dia x mao dengar, org bg reaksi, tetiba dia melenting.. Abis tu, dengan apa cara Pok Lah nak dengar luahan rakyat? Tolol ke badigol tuh..

Kalu org luahkan perasaan, toksah la marah balik, tanya la apa masalh kamu...

semoga Malaysia aman dan makmur..

By kicapkilo on August 21, 2008 9:56 PM

Assalamualaikum ayahanda... Semoga senantiasa sihat. Betul apa yang Tun cakapkan.. tak terasa pun ni bulan merdeka... tak nampak pun bendera berkibar.. kat kereta ke or kat bangunan.. huhuhu.. lucu pun ada.. Pak Lah Pak Lah... tak sedar jugak ek...

By JGibot on August 21, 2008 9:56 PM

Merdeka means a lot for us from Sabah,yet still many things to be done,some places are no difference from the colonial era, especially in the remote area such as Ranau, Keningau and Sook.

Selamat menyambut hari merdeka to all Malaysians.

By Semabok on August 21, 2008 9:57 PM

Dear Tun,

I give up!

Why not you form a new parti and take over current ruling? I am sure we all dont mind to count from one again.

Mann.....I feel so hopeless about Malay.....sia.

By acomAuthor Profile Page on August 21, 2008 9:58 PM

Permisi Tun,

Macam mana nak raikan merdeka, rakyat sedang memerhatikan kemelut pilihan raya kecil di permatang pauh. semua nya mengusarkan.

Jika BN menang sudah tentu sambutan tergepar merdeka akan dibuat at the 11 hour. jika BN kecundang lagi suram dan gentar lah orang 2 UMNO kerana menunggu 16 september, saya tidak mahu mengingat pada 911 2001.

Macam mana nak bermegah dengan suasana kemerdekaan .apabila jiwa sedang dilamun perasaan geram fed up ,tertakan ,benci, dendam, kerana ada perkara yang belum selesai.

Kenapa tidak kita sambut hari kemerdekaan ini dengan jiwa yang penuh semangat baru walau apa pun terjadi di Permatang Pauh.

Era 50 tahun pertama sudah berlalu kita rancang pula 50 tahun ke hadapan dengan grandmaster plan.

Hidup mesti diteruskan kita berjuang TUN selagi kita maseh boleh bernafas'

Merdeka. kita sudah merdeka. malaysia merdeka. kita merdeka

By KaiSER on August 21, 2008 10:02 PM

As'salamualaikum Tun,

Buat pertama kalinya saya meninggalkan komen disini walaupun saya kerap menziarah blog Tun.

Tergerak hati untuk meninggalkan komen kerana baru saja 6 komen dan kerana:

Izinkan saya mengambil ayat dari perenggan 13;

"13. Reaksi Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi mudah diramal. "

Ketawa saya ketika membaca ayat diatas. Memang apa yang PM buat mudah diramal, flip-flop, etc,etc,

Insyallah setelah register untuk meninggalkan komen saya akan tinggalkan jika terluang.

Wassalam

By Shaharon Salleh Author Profile Page on August 21, 2008 10:03 PM

Untuk TDM & Semua Pejuang Negara,

Tahun ini terasa sangat berbeza suasananya. Benar-benar sepi.
Sayuuuuu.....

Usia negara yang mencecah masuk 51 tahun dalam beberapa hari lagi macam tidak diperdulikan. Hari Ulangtahun Kemerdekaan sepertikan tidak memberi sebarang sentuhan pada jiwa-jiwa pemimpin dan para pengurus yang mentadbirkan negara.

Pemimpin sibuk dengan sepak dan terajang politik - kempen sana sini untuk mempertahankan kedudukan masing-masing dalam parti, tetapi tidak sibuk untuk mengangkat ekonomi yang meleset yang membelenggu negara hari ini.

Suara dan teriakan 'Merdeka!' belum lagi kedengaran walau tarikh 31 Ogos akan tiba 240 jam lagi.

Jika sepuluh atau 15 tahun dulu semua rakyat berebut-rebut mengibarkan bendera negara minggu-minggu menjelang tibanya Hari Kemerdekaan, tapi kini tidak lagi.

Tidak ada lagi sehingga hari ini kereta-kereta, lori, bas, MPV atau motosikal yang mahu mengibarkan Jalur Gemilang. Sepertikan tidak ada siapa lagi yang sudi mempamirkan rasa patriotik, kebanggaan dan kecintaan kepada negara.

Jika dulu seorang pemandu kereta, lori atau bas akan merasa terlalu janggal seandainya Jalur Gemilang tidak dikibarkan pada kenderaan masing-masing. Tetapi sekarang (gamaknya) si pemandu ini akan terasa demikian asing dan aneh jika bendera negara dikibarkan pada kenderaan mereka.

Demikianlah fenomena dan realiti yang berlaku di Malaysia akhir-akhir ini. Rakyat yang tertekan dengan masalah kenaikan harga barang-barang dan kos sara hidup yang melambung tinggi melahirkan kekecewaan mendalam mereka terhadap kepimpinan yang ada.

Kerajaan dilihat masih terkapai-kapai, kebingungan dan tanpa halatuju yang kukuh untuk mencari formula terbaik dalam menyelesaikan masalah inflasi dan masalah politik negara yang sangat membelenggu ini.

Segala yang terbaik telah dilakukan oleh Pak Lah dan jentera pentadbirannya ke arah meringankan tekanan ekonomi yang membebani rakyat.

Namun rakyat melihat bahawa usaha memerangi tekanan ekonomi ini oleh kepimpinan negara masih lagi lemah dan terlalu rapuh.

Pak Lah mungkin tidak akan sempat melihat Jalur Gemilang berkibaran dan bergerak di setiap lorong, jalan dan lebuh raya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, seperti sepuluh atau 15 tahun dulu, apabila dia membawa bungkusnya keluar dari Putrajaya nanti.

Merdeka untuk Malaysia. Merdeka untuk semua rakyat yang masih terlonta-lonta.

SHAHARON SALLEH

<http://gendangdipalu.blogspot.com/>

By Tea DeanAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:03 PM

Walaikumussalam semua...

Memang betul tu tok det... bukan saja tahun ni, malah dah 2,3 tahun jalur gemilang dah kurang berkibar dimana-mana pun ;(Sedih betul...

Malah tahun ni lagilah suram dengan pelbagai kes yang pelik-pelik berlaku, ditambah dengan kenaikan harga minyak, masalah tol, masalah lebuh raya runtuhlah, masalah belasah beramai-ramai kat PERmatang Pauh lah, macam-macam lagi... membuatkan rakyat sudah hilang selera nak kibarkan jalur gemilang.

Macam mana nak kibar kalau kita masih lagi dijajah dengan minda yang kotor?? Tak merdekalah namanya tu... Orang dulu saja merdeka, orang sekarang dah dijajah kembali.

Namun kita masih patut bersyukur sebab negara kita punya rakyat yang masih tinggi maruahnyanya dan tak berapa suka merusuh dan buat kacau cuma ada yang segelintir tu mungkin terpengaruh dengan anasir-anasir luar kot...

Habis kuat pun kita hanya dapat mengenang kejayaan Malaysia yang dulu sajalah... Alahai~

By farhannaAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:03 PM

Salam Tun..Semoga Tun dan isteri sihat selalu..

Saya yg jauh di perantauan ni sedih sgt dgr mcm2 berita berlaku di Malaysia.. Sedih pun ada, smpi kdg2 menitis air mata bila baca blog Tun ni..

I love Malaysia, and I love you.. You've done a lot for the country.. God bless you..

Saya harap Malaysia akan terus gemilang dan maju, serta di hormati oleh negara2 lain di dunia..

Selamat Hari Kemerdekaan.. :)

Keep on writing Tun.. Stiap hari saya jenguk blog Tun.. :)

By kileman on August 21, 2008 10:05 PM

Salam Tun, hambar!! itu lah gambaran sambutan kemerdekaan ke 51. Apa yang terpancar adalah kerana rakyat tidak dipimpin oleh orang yang berkelayakan. PakLah layak jadi imam masjid di kampung-kampung saja....dulu tun silap menilai antara kaca dan permata..ternyata kaca yg terpilih.. mr.clean sudah jadi mr.cleaner.. habis semua disapunya...

By Capt Azam IsmailAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:06 PM

Assalamualaikum wbt,

Tun,

Walau sesedih mana dan sekecewa mana sekalipun kepada keadaan sekarang di Malaysia, JALUR GEMILANG akan tetap saya kibar....dengan cara yang TERBAIK...bukannya TERBALIK...

Jazakallah Tun, atas segala-galanya.

Tun akan senantiasa disayangi oleh anak-anak Malaysia.

By chefrt on August 21, 2008 10:06 PM

Mereka yang mewakili rakyat atau wakil rakyat BN terutama UMNO lupa bahawa waktu tak akan kembali seperti dahulu. Semoga mereka ini akan sedar yang mereka sudah membazir masa. Harap2 mereka

sedar dan bangun dari mimpi yang indah buat mereka.

Tun, selamat menyambut bulan merdeka dan semoga Allah merahmati dan berkati Tun serta keluarga.
By mattradin on August 21, 2008 10:06 PM

SALAMMM TO U SIR!!!
I WISH I CAN BE THERE TO CELEBRATE
WITH ALL MY MALAYSIAN BROTHERS AND SISTERS,
..
SELAMAT HARI MERDEKA TO U SIR!!! AND TO ALL MALAYSIAN!!!
MAY GOD BLESS US ALL MALAYSIAN!!! THE FUTURE OF OUR BELOVED
LAND IS IN OUR OWN HAND.....

SALAMMM SIR!!!!

By xoxox on August 21, 2008 10:10 PM

Dearest TUN and fellow Malaysian...

Selamat menyambut hari Kemerdekaan yang ke 51. Saya yang berada jauh diperantauan pun dapat rasa sambutan hari Kemerdekaan tahun ini agak muram..
By eugene on August 21, 2008 10:10 PM

Dearest Tun.

Selamat menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-51.

Saya pun dapat rasa apa yang dirasakan oleh Tun. Tiada suasana kemerdekaan yang seperti dialami pada tahun tahun lepas pada tahun ini.

Walau macam mana pun, saya berharap Tun sekeluarga gembira menyambut hari kemerdekaan pada 31 Ogos nanti.

Semoga Tun dan Tun Siti sihat sihat selalu.
By ilmyincAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:13 PM

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang ke 51.

Kurangkan gembira lebihkan dengan mengingati jasa dan pengorbanan pejuang-pejuang Tanah Melayu terhadap penjajah.

Tunjukkan kepada penjajah bahawa setiap kali datangnya Ogos 31, kita rakyat tanah melayu akan terus mengingati sejarah sebelum kemerdekaan.

Keperitan, kesengsaraan, kerumitan yang telah dialami oleh moyang kita sama sekali tidak akan dilupakan.

Selamat Hari Merdeka Persekutuan Tanah Melayu.
By pastikanori on August 21, 2008 10:13 PM

Salam to all...

Tahun-tahun yang lepas, sure dalam minggu pertama bulan ogos saya dah pasang bendera... bendera kecil pada arial keta saya tu.. siap tukar 2-3 kali kerana tercabut atau terkoyak & bendera besar

di depan rumah.
patriotik habis!

Tahun ni saya dah beli bendera baru untuk rumah (6' x 3' ~ RM6.00 je).. tapi entah kenapa tak terasa nak pasang. Macam ada yang tak kena....terasa macam keanak-anakan pulak jika pasang..atau mungkin dah saya dah tua...

Yang pastinya tahun 2008 semangat tu semakin pudar.
By cendanawangi Author Profile Page on August 21, 2008 10:14 PM

~~~~~  
Assalamualaikum Tun,

Saya dapati media massa pun tidak begitu berusaha menyemarakkan semangat menyambut kemerdekaan pada tahun ini. Tidak kedengaran lagi lagu-lagu patriotik seperti biasa menjelang sambutan ulangtahun kemerdekaan.

Bagi sesetengah pihak, mungkin sambutan ulangtahun kemerdekaan sudah tidak penting. Sudah tidak relevan.

Mungkin ada agenda lain yang lebih penting!

~~~~~  
By Resah Author Profile Page on August 21, 2008 10:14 PM

Semoga Berbahagia Tun Dr Mahathir

Saya berasa terharu membaca luahan Tun kali ini. Air mata saya seolah2 ingin berderai bercucuran namun saya tahan jua perasaan ini. Apatah lagi apabila saya mengenangkan di saat ini sedang berjauhan beribu-ribu batu dari tanahair yg tercinta. Saya sebenarnya bangga menjadi rakyat Msia tetapi di kala ini kebanggaan saya telah dirobek oleh pelbagai citrawara yg sedang melanda tanahair kini. Sesungguhnya Tun masyarakat di sini begitu mengagungkan Msia semasa di bawah kepimpinan Tun.

Saya begitu tergamam kebanyakan daripada mereka yg saya jumpa tidak tahu lansung di manakah letaknya atau dimanakah Msia tetapi dengan cepat mengatakan YES apabila saya menyebut nama Dr Mahathir. Begitulah hebatnya nama Tun tersemat kukuh di hati mereka. Sehingga kini apabila saya berjumpa dengan ramai kenalan di sini & apabila saya mengatakan Dr Mahathir sudah TIADA (maksud saya sudah tidak lagi memimpin Msia) ada di antara mereka yg menitiskan airmata. Saya tidak tahu kenapa & saya cuba mencari jawabannya tetapi sehingga kini masih belum terjawab. Mereka mengatakan ketokohan Tun di peringkat antarabangsa sewaktu menerajui Msia pada zaman Tun tiada tolok bandingnya. Di kala ini mereka hanya kenal Dr. Mahathir sahaja.....dan tidak tahu nama Msia
By hijaumuda on August 21, 2008 10:15 PM

Assalamualaikum Tun dan semua @ chedet.

Betul Tun. Tiap2 tahun saya sekeluarga x pernah lupa mengibarkan Jalur Gemilang, biasanya sbil bulan Ogos menjengah lagi kami dah naikkan bendera dah. Tapi tahun ni mmg x de semangat nak gantung.

Mohon sangat akan kebijaksanaan pengundi Permatang Pauh, hancurkanlah angan2 si AI tu. Kalaupun kita susah hati dgn kepimpinan skrg, si PENGKHIANAT BANGSA itu bukanlah jawapan kpd masalah kita. Nanti KELUAR MULUT HARIMAU..MASUK LAK MULUT NAGA!!
X kisah lah, nak undi BN ka..AKIM ka..janji bukan dia.

Saja la nak `highlight' sikit. Bukan ke haritu bila si P.BALASUBRAMANIAM tu bersumpah, si AI&Co. beria-ria menegakkan sumpahnya. Kenapa bila Saiful bersumpah depa dolak-dalik pulak?? Takut ya? X kira la Saiful tu bersumpah cara mana pun..duduk ka, berdiri ka, pegang Quran ka dak ka, dalam masjid ka luaq masjid ka, depan sapa2 pun..yg penting dia telah bersumpah dgn nama ALLAH. Sekiranya dia berbohong laknat keatas dia dan keturunannya. Hanya orang yg tak percayakan rahmat ALLAH saja yg mempertikaikan perkara ini..

Kalau dia menang gak, tak tau lah..mungkin saya tanam je lah Jalur Gemilang saya ni...ye la..ada bendera pun buat apa, negara dah nak tergedai..nauzubillah..

P/s : Nak tanya sikit..apa tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ni ya?
By sam on August 21, 2008 10:16 PM

Salam Tun

Betul Tun. Saya tengok berita di tv saya nak muntah. Saya baca surat khabar saya nak muntah. Macam mana nak celebrate Hari Kemerdekaan macam ni.

Luv U Tun.
sam
By sdahenanAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:16 PM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HI TAALA WABAROKATUH

Yang di hormati lagi di sayangi Ayahanda Tun dan Bonda Siti Hasmah

Arwah datok anakanda akan memasang pelita sekeliling rumah 2 hari sebelum menyambut kemerdekaan seperti malam Lailatul Qadar.

Dia menerangkan kepada kami apa erti nya penderitaan di bawah pemerintahan jepun.

Dia menerangkan kepada kami apa erti nya keresahan di bawah belunggu dan putar belit orang2 inggeris.

Dia menerangkan kepada kami bahawa hanya jasad kita sahaja yang boleh merdeka tetapi jiwa kita orang islam akan tetap menjadi HAMBА.
HAMBА hanya kepada ALLAH SWT. Tidak boleh menjadi hamba kepada sesama manusia.
Kata nya lagi sesiapa yang merdeka LAHIR DAN BATIN MAKA DIA AKAN MENJADI HAMBА KEPADA HARTA KEKAYAAN,WANG RINGGIT,PANGKAT DAN TIDAK MENGHIRAUKAN LAGI AKAN TUNTUTAN AGAMA ISLAM.

Walaubagaimana pun selamat menyambut hari kemerdekaan buat Ayahanda dan Bonda dan semuga Ayahanda dan Bonda selalu berada di dalam limpahan Rahmat AL:LAH SWT.

Alif Lam Mim

WASSALAM
By abramosaAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:16 PM

Salam Tun,

Negara Merdeka, Tapi Jiwa Rakyat Tidak Merdeka Lagi.
Anak2 Kecil Harus Dikawal... Kalau Tidak Kena Culik...
Pihak Yang Bertanggung Jawab, Hanya Menuding Jari Kepada Ibubapa...
Saya Lihat Di Negara epun Contohnya...
Budak2 Kecil Berjalan Bersendirian Di Merata-rata...
Seolah-olah Tidak Takut Pada Penculik...

Bila Kita Hendak Merdeka Kembali...???
By Rumah KebunAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:20 PM

MERDEKA-AKEDREM

Semoga Tun sihat sejahtera.

Merdeka akan kembali bermakna sekiranya Pak Lah melepaskan jawatan dengan segera.

p/s: pengalaman bermakna ikut rombongan Tun di Langkawi baru-baru ini. Bekas Perdana Menteri Malaysia.

By Sheikh on August 21, 2008 10:21 PM

Tun,

Apa erti kemerdekaan kalau fikiran runsing. Perbelanjaan keluarga tidak dapat di atur lagi dengan baik.

Tiap orang akan berfikir mengenai keadaan masing masing. Ini bukan masanya untuk berfikir mengenai hal lain.

Sambutan Kemerdekaan bukan ubat yang boleh melegakan keususan rakyat kini.

Apa yang di banggakan sangat dengan itu. Orang orang yang kenyang atas hasil negara ini tentulah orang yang paling bangga menyambut kemerdekaan.

Kenaikan harga telah membelenggu kemerdekaan kita!

Tiada apa yang perlu di banggakan mengenai kemerdekaan. Malah lebih berasa bangga kerana di lahirkan muslim dan berikhtiar seberapa mungkin menjalani hidup sebagai muslim yang baik.

Saya sendiri lebih merasa menjadi rakyat dunia. Berbangga sebagai orang Islam.

Malaysia? Apa yang perlu di banggakan?

Sekali pun nanti perlu memikul senjata berjuang untuk negara tetapi di dalam hati hanyalah kerana ugama semata mata.

By gd on August 21, 2008 10:26 PM

Selamat menyambut hari kemerdekaan buat...Tun yang berjasa, Kemerdekaan tahun ini disambut muram oleh rakyat kerana mungkin kemerdekaan sebenarnya tidak lagi dinikmati dan dirasakan oleh sebilangan besar rakyat. Kemerdekaan yang ditafsirkan pada era ini tidak lagi bersifat nasionalisme perjuangan untuk mempertahankan tanah air tercinta. Sewajarnya pada era inilah kita memerlukan pemimpin yang bijak membuat jangkaan risiko untuk menghadapi pelbagai masalah yang bakal menimpa negara sepertimana Tun dengan menyediakan wawasan 2020 untuk sasaran negara maju. Mutakhir ini rakyat dihadapkan dengan pelbagai isu yang tidak sepatutnya wujud semata-mata untuk survival politik berkepentingan peribadi. Apakah rakyat sekarang ini terlalu dungu setelah diberi ilmu pengetahuan untuk membuka ruang minda mereka sebaik mungkin....menilai mana baik dan buruknya, "Lu fikirilah sendiri" kata nabil. Meskipun saya rakyat biasa yang kerdil saya letakkan diri saya sebagai pemimpin dan menikmati pelbagai kemudahan dan kesenangan tanpa membebankan fikiran dan buat apa saja dasar asalkan saya dapat untung. Sebagai pemimpin cuba-cubalah jadi rakyat biasa dan tinggal dikawasan luar bandar yang terpinggir pembangunannya seperti kepulauan Buit di Sarawak yang telah dijanjikan pembangunan semasa pemerintahan Tun. Apa masalahnya Tun...?.

By ahmad_syahAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:27 PM

tok det,

no matter what happen... I love Malaysia.. I love living here and being part of it's dream... Oh how I could tell you the love feeling that I felt travelling from the south to the north.. knowing new faces at miri and acquainted with new friends at kuching.

the lovely view at the east coast to the green scenery at the backbone of peninsular, cameeroon and fraser hill and my hometown gua musang.

I love this country and I'm willing to give my life for it.
By fairuzstone on August 21, 2008 10:29 PM

Salam, Tun,

Rakyat semua dah fed up dan bosan, meluat, menyampah dan takda apa yang hendak dimegahkan selagi gandingan Pak Lah Dan Khairy Jamaluddin ni memerintah negara. SUDAH JELAK!!!

tak tau nak cakap apa, kenapa bebal sangat dan tebal sangat muka diorang ni masih tak faham2 lagi yang rakyat tak mahukan kepimpinan ini.

Kepimpinan bacul, yang tiada wawasan, tiada jatidiri dan kepimpinan yang telah meranapkan segala perancangan negara untuk menjadi negara maju. kepimpinan yg telah membatalkan projek jambatan bengkok yang sebenarnya wajib dibina di selat tebrau jika kita ini bangsa yang bermaruah.

Hinggakan ada juga saya kedengaran orang berkata, kalau diorang ni meninggal pun takda siapa yang akan sedih lantaran ketamakan mabuk kuasa mereka ini. Kecuali mereka berhenti turun takhta sekarang juga baru mereka boleh kembali diterima.
By vic on August 21, 2008 10:30 PM

Dear Tun,

I've been reading your blog since the first one. It's been really interesting to know the actual happening in the current government.

However, do you mind commenting on the recent issue of BN's plan on bringing Lee Chong Wei to Permatang Pauh with the Ministry of Defence airplane just to present him the RM 300,000 cheque. I believe this will bring more criticism rather than supports from the people of PP.

Thanks and regards. :)

By muja on August 21, 2008 10:30 PM

Tun,

1. Semasa saya di sekolah dahulu, rakan karib saya ialah seorang berbangsa India bernama Mahendran. Masa kami di sekolah menengah sekitar tahun 1970an, kami berdua pernah pergi ke kuala Lumpur untuk menyaksikan perlawanan bolasepak yang melibatkan pasukan kebangsaan. Apabila perlawanan tamat kami tidur di anak tangga sebuah flet berdekatan stadium merdeka kerana bas untuk pulang ke Port Dickson sudah tiada. Kami pulang keesokan harinya.

2. Bila saya mula bekerja, saya tinggal serumah dengan seorang rakan berbangsa Cina, Kok Kah Seng selama lima tahun. Kami masak, makan dan kongsi segala-galanya bersama. Saya tak pernah rasa ada perbezaan antara kami.

3. saya sering pergi kursus dan rakan sebilik saya selalunya Inthiran, Tay dan Roslan. We are like brothers. Kami berkongsi kisah remaja yang hampir sama kerana kami melalui keperitan hidup yang sama.

4. Hari ini Tun tidak lagi jadi Perdana Menteri lagi. Ketika zaman Pak Lah, sikap perkauman menjadi-jadi. Timbul golongan-golongan pelampau yang mendesak itu dan ini hingga melampaui batas. Nikah kebebasan yang kita inginkan?

5. Saya teringat satu insiden dimana saya terdengar satu perbualan ketika Hindraf bertindak dan Bar Council mengadakan forum memprsoalkan hukum hakam agama Islam. Ramai Melayu yang marah. sebelum itupun Bar council mengadakan forum mempersoalkan hak orang-orang Melayu. Ketika itulah

saya terdengar beberapa remaja Melayu yang berkata " Jika mereka boleh mengadakan Forum terbuka mempersoalkan agama kita, marilah kita mengadakan forum "Orang India di Malaysia yang tidak tahu mengenang budi adalah memang golongan paria." Ini sungguh membahayakan.

6. Saya merasakan bahawa politicians mestilah bertanggungjawab dalam apa jua yang mereka buat. saya percaya sekiranya sesiapa pun menang sesuatu pilihanraya, tetapi negara ini tidak stabil dan berlaku rusuhan kaum, tidak ada gunanya.

7. Saya juga bosan apabila Tun digelar 'racist' oleh mereka yang sebenarnya racist. Jika saya dapat hidup harmoni bersama kaum lain semasa pemerintahan Tun, apakah itu kerana Tun racist?

8. Saya juga berharap saudara kita yang sedang sibuk dengan pilaharaya di Permatang Pauh itu tidak menang kerana saya yakin dia juga terlibat dalam mengapi-apikan isu perkauman kerana cita-citanya yang tinggi itu. Dia tahu bahawa untuk mencapai cita-citanya, dia perlu porak perandakan perpaduan rakyat negara ini.

9. Saya juga tidak mengerti sikap Pak Lah. Dia perlu fikirkan apakah yang lebih penting: Kestabilan dan kemakmuran Malaysia atau jawatan perdana Menteri yang disandangnya? Keadaan akan menjadi lebih buruk lagi. Takut saya memikirkannya. Jika berlaku perumpahan darah antara kaum, berbaloikah jawatan itu?

10. Ramai yang berpendapat bahawa pak Lah masih bertahan kerana anak-anak dan menantunya. Jika Pak Lah di negara lain, sudah lama beliau dihalau dari officenya.

11. Setelah 46 tahun, barulah saya faham apa maksud "Hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong."

Merdeka!

KAHR Port Dickson

By yeop on August 21, 2008 10:31 PM

Our Dearest Tun,

1. Pak Lah has successfully brought Malaysia back to be a Third World Country as its status quo.

2. You are absolutely right in saying that this year we do not look forward to celebrate Merdeka Day. What is there to celebrate?

3. We are enslaved by the sheer stupidity, foolishness, hard-headedness of Pak Lala.

4. Sometimes it is good to have a known traitor (to his agama, bangsa dan negara)cum spin doctor like DSAI. At least we know how to deal with him. Charge him with his favourite past times and put him behind bars.

5. But the like of Pak Lala the dodo head, manyak susah. How to deal with such a bird brain, we do not know.

6. Nak harapkan orang UMNO, they too, most of them put priority to their perut and nafsu.

7. Bumi ini bumi berdaulat. Pemimpin korup tak akan selamat.

By mtjeneym on August 21, 2008 10:32 PM

Ayahanda Tun.

Betul ape yang Tun katakan tu... Dulu sentiasa saya memasang jalur gemilang dikereta. Kesemuanya saya beli tak pernah lagi dapat percuma..... Semuanya kerana kita boleh lihat banyak kereta2 kat Kota Bharu mengibarkannya, rasa bangga pulak bila turut serta memasangnya.... Tapi tahun ni betul2 suram,

rasa tak bersemangat nak beli dan sekiranya diberi percuma pun rasa janggal sebab hanya kereta saya saja yang akan mengibarkannya..... Pikirlah Pak Lah ade sesuatu yang tak kena sekarang ni..

Terima kasih Ayahanda Tun atas segalanya.

By blink4blogAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:33 PM

I wonder how many people will attend this year Merdeka parade? or maybe ministers from BN will watch the parade by their own like a private party? LOL

By pkya on August 21, 2008 10:33 PM

salam Tun....

memang benar apa yang diluahkan oleh Tun...saya duduk di Jitra dan sedang menyaksikan sendiri bahawa suasana kemerdekaan tahun ini sememangnya muram tidak seperti tahun2 sebelumnya...sukar untuk melihat setiap kenderaan memasang jalur gemilang..tidak seperti dahulu di mana ada yang sanggup berbelanja besar semata-mata untuk menghiasi kenderaan mereka dengan jalur gemilang menunjukkan betapa bangganya menjadi rakyat Malaysia....

Apa-apapun, Tun memang di hati kami sebagai rakyat Malaysia yang telah banyak menyumbang terhadap pembangunan negara...

Hidup Tun Mahathir!!!!

By hapib0yAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:34 PM

SALAM TUN DR. MAHATHIR

TOTALLY AGREE WITH THE STATEMENT! HOPE BN TOOK EXTRA NOTICE ABOUT THIS STATEMENT

REGARDS

TAN

By shirohanaAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:36 PM

Dear Tun,

I am saddened by the way the country is now. Even with this glorious event, the rakyat is, like what you have said, gloomy.

I wonder what will the past leaders would think.

Selamat Hari Merdeka kepada Tun dan Keluarga.

My piece of mind...

By mochiAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:36 PM

Dear Tun;

Now I am sure that I am normal like other person. This year MERDEKA is the most memorable for me in a sad way..I dont feel MERDEKA! infact i feel like di jajah semula.

Still remember when fist time i step my feet in Narita airport in 1990s, the custom officer asked me..'where are you from'..i answered..MALAYSIA..and he answer back.."AA...MAHATHIR SAMA..ERAI NO NINGEN DESYO..and i feel..MERDEKA!!! may god bless you sir, thank you for sending me there.

By Din Investor on August 21, 2008 10:38 PM

Salam Tun,

1. Definately true that rakyat is upset, I too have not seen cars in my state flying flag. Unlike before where Merdeka was a sort of celebration, now it seem that the day has turn into something sorrow where people are grieving about sky high inflation not experinced before.
2. The only person that I have seen flying flag on his car is someone I know personally, a die hard supporter of Anwar who is also a PKR member.
3. From my conversation with him, I can conclude that he can't wait for Anwar to win the by-election and become a PM, reduce the fuel price to RM 2, reduce inflation and boost Malaysia's economy [he often says that Anwar is very good at finance, although I doubt what he says, I cannot counter argue as the present government is useless].
4. May God keep guard this country from evil eye.
5. Merdeka.

By mtjeneym on August 21, 2008 10:38 PM

Ayahanda Tun.

Betul ape yang Tun katakan tu... Dulu sentiasa saya memasang jalur gemilang dikereta. Kesemuanya saya beli tak pernah lagi dapat percuma..... Semuanya kerana kita boleh lihat banyak kereta2 kat Kota Bharu mengibarkannya, rasa bangga pulak bila turut serta memasangnya.... Tapi tahun ni betul2 suram, rasa tak bersemangat nak beli dan sekiranya diberi percuma pun rasa janggal sebab hanya kereta saya saja yang akan mengibarkannya..... Pikir2lah Pak Lah ade sesuatu yang tak kena sekarang ni..

Terima kasih Ayahanda Tun atas segalanya.

By hafizans on August 21, 2008 10:39 PM

Salam Tun,

Saya mengerti apa yang Tun maksudkan.Kemerdekaan ke 51 tahun ni cukup muram seolah2 rakyat Malaysia lupa erti kemerdekaan. Sebelum ni,kemerdekaan kita disambut2 dengan begitu meriah, kempen kibarkan jalur GEMILANG dilaksanakan,kini? Dimana jalur GEMILANG..? atau perlu Jalur Gemilang dikibarkan secara terbalik? Atau Jalur Gemilang akan dikibarkan bila BN menang di Permatang Pauh????

Selamat Hari Merdeka ke 51 utk rakyat2 Malaysia yang masih mengerti erti kemerdekaan!

By Ndin on August 21, 2008 10:41 PM

Salam MERDEKA TUN..

Walaupun kebencian yang memuakkan terhadap kepimpinan PM hari ni.. memandangkan kecintaan kepada negara MALAYSIA tercinta.. tanah kelahiranku.. tanah tempat keluargaku.. tanah tempat rezeki makan minumku.. akan kusambut kemerdekaan ini tetapi tidak seperti kemerdekaan sebelum ini..

Kemerdekaan yang dulunya cukup membuat kita tenang menempuh kehidupan seharian, kini telah mula terhakis secara perlahan-lahan. Hari ini, walaupun kita MERDEKA & bebas di negara MALAYSIA Tercinta ini.. tetapi secara perlahan-lahan kita telah dijajah oleh EKONOMI yang menekan kehidupan sehari-harian.. semakin lama kadar inflasi semakin meningkat menyebabkan kuasa beli kita semakin terbatas.. harga barangan bermaharajalela meningkat menyekat kemampuan kita berbelanja. Bilakah pemerintah hari ni akan sedar akan penjajahan ekonomi yang kian menekan rakyat? ya Allah bukankanlah hati pemimpin kami agar menyedari akan kelemahan pemerintahan mereka yang telah menyebabkan penjajahan ekonomi terhadap rakyat semakin lama semakin berkuasa..

PM lepaskanlah jawatan itu secepat mungkin adalah setinggi2 perjuangan yang pernah engkau buat bagi melegakan penjajahan ekonomi terhadap rakyat..

TUN, terima kasih atas KEMERDEKAAN yang TUN berikan sepanjang pemerintahan TUN.

Restu TUN
Sabahan

By IZGAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:41 PM

Salam Tun.

Tepat sekali pemerhatian Tun. Bukan tak syukur tapi apa erti 'merdeka' dalam konteks negara sekarang? Keadaan politik yang tak menentu, ekonomi yang kucar kacir ditambah pula dengan keadaan sosial yang serba tak selesa.

Dari segi politik, saya amat kecewa sekali dengan kerajaan BN yang masih dalam keadaan 'self-denial' dan terus merasakan bahawa mereka masih kuat kerana menang 'dua-pertiga' 8/3/8 lalu. Sedarlah, '2/3' yang ada takde makna..kampung hampir tergadai dan kita masih lagi boleh senyum manis serta mendabik2 dada...rata2 pihak2 tertentu sudah terlalu berani membangkitkan isu2 sensitif secara terbuka dll lagi..cakap lebih2 kena gam diheret ke mahkamah masuk lokap..

Dari segi ekonomi pula, saya rasa seolah2 kita telah kembali kepada zaman 70an dengan polisi2 yang dilaksanakan oleh kerajaan sedia-ada..mananya pendekatan strategik yg kita amalkan sebelum ini? GDP kita sekitar 5% dan peniaga2 kecil yang saya tanya rata2 merungut kerana suasana perniagaan yang tak seranek seperti zaman Tun dahulu.

Dan dari segi sosial pula, saya rasa seolah2 bangsa2 lain menanti2 untuk membelasah bangsa melayu dan hubungan antara kaum adalah tegang sebenarnya..semuanya angkara dasar 'liberal' kerajaan semasa..

Pendekata, kemerdekaan ke51 ini bagi diri saya umpama 'retak menanti belah'. Kestabilan politik, kekuatan ekonomi serta keharmonian antara kaum yang telah dibina dengan penat lelah pahit jerih bertahun-tahun lamanya oleh pemimpin2 yang terdahulu kini diambang kehancuran...malah sebahagian besarnya telah pun hancur!

By RichDad on August 21, 2008 10:43 PM

Dear Tun,

This year I have no mood to celebrate the Merdeka Day because everything is so expensive now. You can see on the highway or town, nobody seems to bother raising flag on their cars. I just don't understand why the Government don't want to lower down the toll rates since it is within our controls.

By M.Huzaifah.MAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:43 PM

Salam Tun.

1) Betul ckp Tun. Time saya belajar di Minnesota US dulu. Nama Tun diagung2kan oleh orang yang saya tak kenali di sebuah warung kedai makan Somali.

2) Sometimes I think they might know Tun better than most people in country. They say Tun is the leader of Islamic world, fear of nothing. and thus, respected by them.

<http://miros-road-safety.blogspot.com>

By KulimHiTech on August 21, 2008 10:44 PM

Salam Tun

Slamat Hari Merdeka yg ke 51..

2 bendera berkibar di rumah saya.

Bagi terbalik bendera?? Rasa koranghajang sangat aih...kalau ya pun stress..

I love Malaysia!

By juicysaucyAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:50 PM

Dear Tun,

You are right that this year's Merdeka celebration is rather modest. Every year, without fail, I will feel proud and gladly raise the Merdeka flag on my car. But this year, I don;t intend to raise it again. Not that I don't love the country but I don't love the present Government. I am sick and tired of they way they are running this country. But I am also helpless because the Government especially the losers are not willing to step down. So rather than taking it to the street to protest,my way of protesting is simple - just wrap the flag away into my drawer - so less flags on the street - to show the Government the rakyat are fed up with them.

In my opinion, turning the flag upside down is not degrading. It is not like we are burning it at all. It's a way to show how we feel at the moment. It's freedom of expression and not disrespecting. If we burn it, then it's different. In many countries, the flag has even been made into costumes! Some even as bikinis and underwears! Some made it into tattoos. So there are all sorts of ways to show the flags. Turning it upside down is just a small suggestion by that blogger and I feel Pak Lah has been over reacting. Why not he see the fact why the blogger suggest this??? No sane person in the right frame of mind would do that UNLESS he is not happy with the going-ons around the place.

In the past, I bought my girlfriend a birthday cake with Merdeka flag. Then both of us eat the cake. By eating it, does it mean we are disrespectful??? Certainly not. We buy the Merdeka cake because we wanted to feel proud of having a slice of freedom and independence in this country...But now, I dont think such cake will ever be sold cos' the police may even arrest the bakers who make this cake!!!!

Malaysia has come a long way to achieve what it achieved today. Thanks to our great leaders in the past. But today, what achievement we have made?? Maybe, except a silver medal in the Olympics...there's nothing great I can mention! Hence, I am wrapping the flag into the drawer until the right time comes again when a new great leader takes over the sleepy one!!!

By WANGAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:51 PM

Jalur Gemilang dah jadi tidak Gemilang tahun ini disebabkan Abdullah Ahmad Badawi. Kita , samada Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain suku kaum tidak sukakan Abdullah Ahmad Badawi. Jangan ditipu olehnya dengan berkata semua rakyat gembira.Semua rakyat hanya akan gembira jika Abdullah Ahmad Badawi dilucutkan jawatan.

Lihat sahaja berapa ramai yang ingin melihat Abdullah Ahmad Badawi dilucutkan jawatan. PM yang tidak mahu faham tentang perasaan rakyat.

By Saleh on August 21, 2008 10:51 PM

Kenapa jadi bagini?

Rakyat Marah? Meluat? Geram?

Jadi apa nak buat....

Suggestion anyone:

1. Make a law to put the flag (premises)in the month of August.

plz add on

By Nazirul HazimAuthor Profile Page on August 21, 2008 10:53 PM

Dearest Tun.

Saya setuju bahawa negara kita kini sedang muram.

Saya juga setuju dgn jawapan 'typical' n 'predictable' n ' shallow' drpd Abdullah.

Namun, saya tidak bersetuju untuk Jalur Gemilang ini dikibarkan terbalik.

Saya menganggap ini satu penghinaan kepada simbol kedaulatan negara.

Bencilah kita kepada pemimpin negara.
Tetapi mereka bukanlah negara ini.

Abdullah is not Malaysia.
The members of parliament is not Malaysia.
Malaysia belongs to the people.
Disrespecting the symbol of Malaysia's sovereignty is a disrespect to the Malaysian people and what Malaysia stands for. Also, for what Malaysia and its people has fought and die for.

I was proud of Malaysia when Sheikh Muszaphar went to space.
I was proud of Malaysia when Lee Chong Wei kissed the Malaysian flag on his shirt during the Olympics.
I was proud of Malaysia when Jalur Gemilang is brought up alongside China's, for Chong Wei's silver.
I was proud of Malaysia when Chong Wei jumped and hugged Misbun Sidek.

I am proud of Malaysia's way of achieving Independence.
I am proud of Malaysia's history.
Always will be proud.

What I am not sure if I will be proud of is Malaysia's future.
It is Abdullah's fault. His faults is accumulated throughout the years.
He made a myriad of 'less than intelligent' decisions and remarks.
I am not so sure if Abdullah is evil but I do agree that he is not smart.
First rule of leadership : Everything is your fault.
Now, it is also Anwar's fault.
He created tensions after tensions in the name of democracy and openness.
The truth is, he has personal conflicts and..oh, he wants the The Seat. So much.

For me, those proud moments are what define Malaysia. Not Abdullah. Not Anwar.

However extreme our difficulties may be, as a citizen, I am against dishonoring our national flag.

But for Abdullah and his team, as leaders, they have to look beyond the action and ponder upon the cause of the action.

Why are Malaysians signaling that our nation is in distress?

Why is there a citizen willing to go to the extreme?

He's the Prime Minister, he should be smart enough to figure that out.

<http://nazirulhazim.blogspot.com/>

By Nazirul Hazim Author Profile Page on August 21, 2008 10:55 PM

Dearest Tun.

Saya setuju bahawa negara kita kini sedang muram.
Saya juga setuju dgn kenyataan bahawa jawapan drpd Abdullah 'typical' n 'predictable' n ' shallow'.
Namun, saya tidak bersetuju untuk Jalur Gemilang ini dikibarkan terbalik.
Saya menganggap ini satu penghinaan kepada simbol kedaulatan negara.
Bencilah kita kepada pemimpin negara.
Tetapi mereka bukanlah negara ini.

Abdullah is not Malaysia.
The members of parliament is not Malaysia.
Malaysia belongs to the people.
Disrespecting the symbol of Malaysia's sovereignty is a disrespect to the Malaysian people and what Malaysia stands for. Also, for what Malaysia and its people has fought and die for.

I was proud of Malaysia when Sheikh Muszaphar went to space.
I was proud of Malaysia when Lee Chong Wei kissed the Malaysian flag on his shirt during the Olympics.
I was proud of Malaysia when Jalur Gemilang is brought up alongside China's, for Chong Wei's silver.
I was proud of Malaysia when Chong Wei jumped and hugged Misbun Sidek.

I am proud of Malaysia's way of achieving Independence.
I am proud of Malaysia's history.
Always will be proud.

What I am not sure if I will be proud of is Malaysia's future.
It is Abdullah's fault. His faults is accumulated throughout the years.
He made a myriad of 'less than intelligent' decisions and remarks.
I am not so sure if Abdullah is evil but I do agree that he is not smart.
First rule of leadership : Everything is your fault.
Now, it is also Anwar's fault.
He created tensions after tensions in the name of democracy and openness.
The truth is, he has personal conflicts and..oh, he wants the The Seat. So much.

For me, those proud moments are what define Malaysia. Not Abdullah. Not Anwar.

However extreme our difficulties may be, as a citizen, I am against dishonoring our national flag.

But for Abdullah and his team, as leaders, they have to look beyond the action and ponder upon the cause of the action.

Why are Malaysians signaling that our nation is in distress?

Why is there a citizen willing to go to the extreme?

He's the Prime Minister, he should be smart enough to figure that out.

<http://nazirulhazim.blogspot.com/>

By jeff hamaz on August 21, 2008 10:55 PM

Assalamualaikum Tun & bloggers,

Setiap kali menyambut kemerdekaan pihak media pasti menyediakan slot khas mengenai sejarah kemerdekaan negara. Lalu media kita mengulang-ngulang kisah Malayan Union diikuti oleh kisah penubuhan UMNO pada tahun 1946. Maka dengan itu ada yang percaya UMNO adalah parti politik Melayu yang pertama ditubuhkan di Malaya. Kita seperti lupa sejarah penubuhan organisasi politik bagi memerdekakan Malaya telah bermula lama sebelum itu. Pada 1938, Ibrahim Yaacob telah menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang begitu lantang menentang imperialis British. Ramai pemimpin KMM keluar masuk penjara kerana menentang penjajah sehingga Perang Dunia Kedua meletus pada 1941.

Selepas perang, penyokong-penyokong KMM menubuhkan Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada Oktober 1945 yang dipimpin oleh Ahmad Boestamam, Ishak Hj Mohammad dan beberapa pemimpin kiri yang lain. Seperti KMM, kelantangan pemimpin PKMM menentang kolonialisme mehyebabkan ramai di kalangan mereka masuk keluar penjara.

Pada 1946, baru UMNO ditubuhkan. Berbeda dengan KMM & PKMM, UMNO kelihatan amat pro-British, menyebabkan British lebih selesa memerdekakan Malaya menerusi UMNO bagi memastikan kepentingan penjajah masih kekal di Malaya selepas merdeka. Sebab itu polisi Malaysia yang dipimpin oleh Perikatan (kini BN) sejak dulu hingga kini adalah pro-British dan pro-kolonial, walaupun ada pemimpinnya sekali sekala bersandiwara seolah-olah anti kolonial, anti-British, anti-Amerika.

Kini selepas 51 tahun merdeka, saya tertanya-tanya mengapa kita enggan mengiktiraf perjuangan pemimpin-pemimpin kiri seperti Ahmad Boestamam, Ishak Hj Mohammad, Dr Burhanudin dll yang menentang kolonial sehingga acapkali keluar masuk penjara? Media seperti melupakan pemimpin-pemimpin kiri ini dan lebih selesa mengulangi kisah perjuangan pemimpin pro-kolonial seperti Dato' Onn & Tunku Abdul Rahman. Begitu juga dalam ucapan kemerdekaan dari dulu hingga kini (termasuk ketika Tun menjadi PM) nama pemimpin anti-kolonial seperti disebut tadi tidak pernah diberi credit. Mereka dilupakan semata-mata kerana teras perjuangan mereka yang anti-imperialis dan kesediaan mereka masuk keluar penjara. Nama Ibrahim Yaacob, Ahmad Boestamam, Ishak Hj Mohammad, Dr Burhanuddin pasti dikenang oleh media jika mereka sanggup bekerjasama dengan imperialis British seperti yang dilakukan oleh Dato' Onn, Tunku, Tun Razak dll.

By najman on August 21, 2008 10:56 PM

what Malaysia has become?

there had never been this chaos when you were still around in the government.

it's quite ironic, this year, very little people really 'preparing' for 31 August..nevertheless Malaysia is still in our heart and proud of being Malaysian, no matter what races we are, despite all the negative things that are going on 'up there'.

By amranaris67Author Profile Page on August 21, 2008 10:59 PM

Salam Tun...

Apa yang Tun luahkan pada posting kali ini amat menyentuh hati dan persaan... walaupun kenyataan yg dibuat dalam bahasa yang mudah tetapi punya makna yang mendalam.... Kemerdekaan yang selama ini kita kecapai...seolah-olah telah diragut nikmatnya... Pemimpin terdahulu sedaya upaya meningkatkan taraf hidup rakyat... Tapi dengan masa yang sesingkat ini kita tidak dapat mempertahankan kenikmatan yang kecapai selama ini. Mudah-mudahan Allah SWT... membuka hati dan mendorong rakyat Malaysia membuat sesuatu agar dikembalikan kenikmatan 'itu'...

Amran

Jasin, Melaka

By WANGAuthor Profile Page on August 21, 2008 11:00 PM

Saya TIDAK akan sambut Hari Merdeka sekiranya Abdullah Ahmad Badawi masih tidak dilucutkan jawatan.Orang yang tidak mahu faham tentang perasaan rakyat.

By jefkim on August 21, 2008 11:00 PM

Assalamualaikum..Trima kasih Tun yg sentiasa diingati.memang benar kata Tun, saya nun juah di Pedalaman Sabah turut merasa dan melihat suasana suram sambutan meredeka tahun ini. kibaran Jalur Gemilang dapat di hitung dengan jari. saya percaya keadaan ini disebabkan 'mood' rakyat terhadap kepimpinan negara sangat rendah. bukan kerana pembangkang berwibawa tetapi kepimpinan kerajaan yang lemah.

By stiletosAuthor Profile Page on August 21, 2008 11:01 PM

Such action is indeed rude for me. I won't do it eventho I don't agree and disappointed with current government.

For me Malaysia is innocent. Malaysia and it's flag got nothing to do will all the chaos that happening now, the people, the citizen, the politicians, the leader are the one who should responsible.

Do not punish Malaysia and Jalur Gemilang.It is unethical.

However, PM and government should look at this protest seriously and not just simply ask the force to put them in jail. PM should evaluate and seek for the answer...why all these people fight against you and country that you lead. There must be something you (current PM) did that just not right.

I sambut merdeka dekat blog Chedet jer la. Lagi happening.

By the way, mmg tk nampak org kibar Jalur Gemilang sgt, but that day I nampak satu kereta penuh dengan berpuluh2 jalur gemilang. It makes me smile.

Malaysia masih ada yang sayang :)

Mr & Mrs Imran
By 2now on August 21, 2008 11:03 PM

Tun
Assalamualaikum

Saya akan kibarkan Jalur Gemilang tahun ini kerana Malaysia terdaulat dan merdeka lebih lebih lagi tahun ini. Mungkin ada anjakan paradigma, kesanggupan dan keberanian untuk bersuara, seperti Tun di sini. Mungkin ramai yang masih terpegun tidak tahu apa hala tuju, seperti orang buta celik semula. Tak pernah terlintas untuk melihata ada bekas pemimpin sebelum ini yang berani bersuara dan menegur kerajaan dan parti mereka. Tun seorang yang berhemat tinggi, berani dan sanggup menegakkan kebenaran. Syabas Tun, dan semoga Malaysia akan melihat kemerdekaan yang unggul untuk selama-lamanya.

By permatasabah on August 21, 2008 11:04 PM

Assallammualaikum Tun dan semua para bloggers..

Sepatah kata nak dikongsikan....

- 1."Penjajah yang paling hina ialah penjajah yang datangnya daripada anak bangsa sendiri"
- 2."Negara yang merdeka itu sebenarnya tidaklah merdeka selagi anak bangsanya belum merdeka"
- 3."Sesebuah negara yang dijajah oleh bangsa asing itu adalah lebih baik daripada negara yang dijajah oleh anak bangsanya sendiri"
4. "persoalannya...adakah kita sudah merdeka sebagai anak bangsa Malaysia...? atau kita sendiri tidak menghayati,menghargaaai dan megenali kemerdekaan yang telah kita kecapi..?"

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan mereka berusaha mengubahnya sendiri.."

Sama-samalah kita renung-renungkan...

ADAKAH ANAK BANGSA KITA MENJAJAH ANAK BANGSANYA SENDIRI????????????????? KITA TANYA PEMIMPIN KITA....?

Wassallam..
By kedah youngster on August 21, 2008 11:04 PM

Memang betul Tun, bagaimana rakyat nak sambut merdeka kalau poket asyik kosong jer?? nak beli barang makanan pun dah mahal!! Harga minyak lagi la mahal, tak turun-turn lagi.

- 1) Sebenarnya Paklah la yang sudah menterbalikkan bendera Malaysia. 2) Paklah sepatutnya sedar diri bahawa beliau telah memusnahkan malaysia.
- 3) paklah sepatutnya sedar diri bahawa beliau sendiri yang KURANG AJAR kepada rakyat.
- 4) Jangan kita terperanjat suatu hari nanti ada rakyat kita yang bakar bendera sendiri kerana marahkan paklah yang mengkhianati negara.

By sue08 on August 21, 2008 11:04 PM

salam Tun Mahathir,

Harap ayahanda sentiasa sihat dan gembira. Saya ucapkan selamat menyambut Kemerdekaan ke 51.

Semoga negara Malaysia ini di rahmatiNya selalu..

Peace alweyzz

By adray on August 21, 2008 11:04 PM

Tun,

Selamat Menyambut Merdeka yg ke 51

By redazunAuthor Profile Page on August 21, 2008 11:05 PM

kemerdekaan yang selalu disambut oleh Rakyat kini mesti lah suram,macam-macam yang meriah dah diberikan kepada rakyat sampai rakyat pun "lupa" nak sambut merdeka,di hentamnya harga minyak,di kuncinya mulut,siapa bersuara kene sumbat dalam lokap,pakcik-pakcik bond kena menjadi tangan yang membuat kerja daripada telunjuk pakcik-pakcik mcm badawi,dalam kelas Malaysian Studies yang saya ambil di Kolej Islam antarabangsa,penyarah siap membawa reprint 5 buah paper tahun 1957 yang bertarikh pada 31 ogos dan 1 september untuk memberikan lebih kefahaman kepada para pelajar akan apa itu merdeka,YA,saya memahami apa itu merdeka dan meneliti akan erti merdeka,tapi untuk hari kemerdekaan ke 51 ni,walaupun diberi keratan akbar,walau membaca berkali-kali buku akan kajian mengenai Malaysia,tahun ini tiada Aura merdeka,dan keghairahan untuk menyambut merdeka pun suam-suam kuku je..salahkan siapa?pemimpin yang sendiri x ada keghairahan untuk menyambut istilah merdeka di dalam negara,mungkin yang ke 51 nombor nya x cantik agaknya..haha..

By ashraffalimun on August 21, 2008 11:05 PM

Salam Merdeka Tun,

Perjuangan yg belum selesai...harap dapat diteruskan. Hidup Tun.

By Syahazzly Izham HamzahAuthor Profile Page on August 21, 2008 11:08 PM

Assalamualaikum Tun and Readers!

This is my first comment on Tun's blog, and I hope it won't be the last.

We all love Malaysia, but some (especially politicians) love what the country can do for them, power-wise and monetary-wise.

Sadly, this country has a bleak future ahead if this continues. Many are leaving the country (regardless of race) because it hurts them to see their beloved country being destroyed by those who care only about themselves.

I have read that in the Roman times, the Roman citizens have an annual vote where they remove those who are causing mischief in their beloved country. The term they use is 'ostraka' which in modern times is translated to 'ostracize'.

We should have a mock vote. We will choose those who we want to remove. Then 'buang negeri' them. It is the citizens will.

Allah save us all.

By sue08 on August 21, 2008 11:08 PM

salam Tun Mahathir,

Harap ayahanda sentiasa sihat dan gembira. Saya ucapkan selamat menyambut Kemerdekaan ke 51. Semoga negara Malaysia ini di rahmatiNya selalu..

Peace alweyzz

By muskom on August 21, 2008 11:10 PM

Assalamualaikum Tun,

Bahang Sambutan Kemerdekaan ke 51 tahun ini tidak terasa sama sekali. Kalau dulu, semangat mengibarkan Jalur Gemilang berkobar-kobar seawal 1 haribulan Ogos.

Tahun ini saya hanya memasang bendera kecil didalam kereta dan satu lagi di luar rumah. Tidak seperti tahun lepas, saya hias kereta dengan Jalur Gemilang pelbagai saiz untuk nampak lebih meriah. Setiap kali memandu kereta di jalan raya, perasaan bangga mengibarkan Jalur Gemilang begitu terasa.

Tapi sekarang, kereta lebih banyak "parking" di rumah. Keluar bila betul-betul perlu sahaja. Maklum sajarah, kenaikan harga minyak @ RM2.70 memberi kesan amat ketara ditambah lagi dengan perbelanjaan isi rumah yang turut meningkat dan ini mendorong kepada pengawalan perbelanjaan untuk keperluan yang penting sahaja.

Maka yang demikian, kereta dah jarang berjalan jadi tak perlulah nak hiasi kereta dengan Jalur Gemilang. Cukuplah dengan memiliki semangat KEMERDEKAAN dalam diri untuk bebas dari belenggu ekonomi.

Walau bagaimana pun, kita tetap berbangga jadi rakyat Malaysia.

Selamat Menyambut HARI KEMERDEKAAN ke 51 buat Tun serta Rakyat Malaysia.

MERDEKA !!!

By Chris on August 21, 2008 11:15 PM

Sir,

I pity the beautiful Jalur Gemilang. It is coming to this that people want to fly the flag upside down to indicate national distress. DSAAB is the one who should be hung, in any direction.

By jaybone on August 21, 2008 11:15 PM

Tun..

Sedih bila melihat CIQ untuk Jembatan Bengkok ni dah jadi Gajah Putih...jikalau jadi, tentunya cantik. Sedih lagi bila memikirkan Pak Lah semakin pekak.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke 51 Yang Muram.

By asam jawa on August 21, 2008 11:15 PM

Assalamualaikum YABhg. Tun

Benar bagai dikata. Zahir menunjukkan batin.

Sebagai orang Islam, kita menyambut dua perayaan kemerdekaan setiap tahun. Kemerdekaan pertama ketika menyambut 1 Syawal setelah berjaya melawan hawa nafsu sepanjang Ramadhan. Perayaan yang kedua disambut bagi mensyukuri kemerdekaan dari belenggu penjajahan didunia.

Biasanya kita amat teruja untuk menyambut ketibaan kedua-dua hari tersebut. Pelbagai persiapan dibuat. Banyak tenaga dicurahkan bagi menzahirkan tanda kesyukuran kita kehadiran Illahi. Wajah keriangian terukir disetiap wajah disegenap pelusuk negara. Kita sanggup berbelanja lebih asalkan hati senang.

Pada tahun ini, segalanya dilihat serba tak kena. Setiap warga tidak seceria dulu. Sikap kerjasama, perihatin, kompromi, beri jalan kepada orang lain, sopan santun, hormat menghormati dan pelbagai sifat murni seolah-olah terhakis.

Kita terhimpit dengan pelbagai masalah yang tidak seharusnya dihadapi. Ramai yang risau dan tertekan menghadapi masalah seharian.

Walaubagaimanapun kehidupan wajib diteruskan. Generasi pewaris kita perlu dimantapkan. Oleh itu perjuangan untuk memartabatkan bangsa dan agama perlu diperkembangkan.

Marilah kita berdoa semoga Allah melindungi kita dari bala yang tidak mampu ditanggung akibat dosa yang dilakukan oleh pemimpin yang dimurkaiNya.

Semoga Allah merahmati YABhg. Tun sekeluarga.
By Create on August 21, 2008 11:16 PM

SEMOGA YANG BAIK BERTERUSAN, SELAMAT HARI MEDERKA KE 51 KEPADA MALAYSIA DAN SARAWAK 45 TAHUN MAJU DALAM MALAYSIA.

PERPADUAN TERAS KEJAYAAN-Acuan malaysia. Walaupun ada ketidakpuashati, rakyat merajuk, rakyat muram, rakyat bosan namun rakyat tetap bersabar sebab rakyat faham acuan malaysia, yang penting perpaduan. Tetapi ada orang yang tak faham hati rakyat, harga minyak dinaikkan, projek banyak dibatalkan, pengangguran dibiarkan, kata malaysia cemerlang, gemilang dan terbilang. Rupa-rupanya kami rakyat sekarang tiada lagi peluang menikmati kebahagiaan, kebebasan, kemampunan, keyakinan dan kesopanan serta kesetiaan.

Betulke Malaysiaku Mederka?. Tetapi kenapa semakin hari, semakin merajuk, bosan, kecewa, terkeliru dalam hati rakyat dengan dihidangkan dengan pelbagai isu menyedihkan. Harga Naik, Banyak Jenayah, Rasuah, Ketidakadilan, Kroni, Pemusnahan alam sekitar, bekerja untuk saya bukan bersama saya.

Malaysia Kebanggaan Ku.
By snizam7 on August 21, 2008 11:18 PM

Assalamualakum TUN.

Saya bangga menjadi Rakyat Malaysia, akan tetapi pada masa ini merasa sedih kerana pemimpin sekarang tidak peka dengan isyarat yang diberikan oleh rakyat umum. Percaturan jawatan hanya untuk memastikan kelangsungan kedudukan diri tanpa memikir secara ikhlas AMANAH UNTUK MEMBELA RAKYAT.

SELAMAT BERJUANG.
By izzaz on August 21, 2008 11:19 PM

MEMASANG LAMPU KENDERAAN DI SIANG HARI

Dear Tun,

Bagi saya cadangan kirkdafella ada tujuan yg baik. Tetapi caranya untuk menyampaikan atau mengekspresikan pandangannya adalah tidak berapa elok. Imej negara akan tercalar dengan tindakan yang dicadangkan. Jalur gemilang merupakan satu identiti negara kita yang perlu kita pelihara.

Saya ingin mengubah suai sedikit idea kirkdafella itu. Mungkin cara ini boleh diterima. Saya ingin cadangkan agar kita tetapkan masa dlm satu minggu/bulan agar semua pengguna jalanraya memasang lampu kenderaan masing2 pada siang hari. Jadi jika ramai yang memasang lampu, mungkin kita dapat menyampaikan mesej yang jelas betapa kita berada dalam kegelapan dan memerlukan perubahan segera. Kerajaan pasti akan dapat melihat betapa ramainya rakyat yang mahukan perubahan. Idea ini tidak melibatkan keganasan ataupun pertumpahan darah. Hanya cuba mahu menyampaikan mesej yang jelas kepada Dato Seri Abdullah supaya berundur, kerana rakyat Malaysia tidak memerlukan lagi khidmat anda.
By 993cc on August 21, 2008 11:19 PM

51 tahun kita merdeka, merdekakan kita sebenarnya?... ya dari pada penjajah yang menjajah tanah tumpah darah kita, merdekakah pemikiran kita?... apa erti kemerdekaan pada kita sedangkan bangsa kita masih lagi ditakuk lama, berapa kerat yang berani untuk keluar dari kepompong penjajah minda?... sampai bila, kenapa? mengapa?... kerana kita mudah lupa, kita lalai, kita alpa, kita asyik, jangan sampai satu hari nanti kita dijajah semula... tidak pada tanah tumpah darah kita bukan pada diri kita tapi pada anak-cucu kita sanggupkah anda habiskan hari-hari tua anda menangi kesilapan masa silam kita?...merdekakah kita?

By sitinur on August 21, 2008 11:25 PM

Asalamualaikum bapak...ye lah tak der semangat lah sejak 4 / 5 menjak nih.....suram muram jer..nak tgk siaran langsung pun menyampah...baik kejer ada gak masukkk....

By mdcdmAuthor Profile Page on August 21, 2008 11:25 PM

Tun,

Amat beruntung Tun dapat melihat Malaysia daripada zaman sebelum merdeka hinggalah ianya akan menyambut ulantahun kemerdekaan yang ke-51.

Semoga Allah memberi rahmat ke atas Tun sekeluarga diatas jasa yang telah ditaburkan.

SELAMAT MENYAMBUT ULANGTAHUN KEMERDEKAAN YANG KE-51.

--

<http://www.mylaa.com.my>

By poyam777 on August 21, 2008 11:27 PM

My dear TDM;

Fakta;

- 1) Sekarang, Malaysia dipimpin oleh seorang yang bebal
- 2) Malaysia tiak mahu pemimpin yang bebal.
- 3) Bebal itu adalah Bedollah

Mari kita merdeka diri & kelurga kita dari Bebalisme Leadership.

By Pasrah on August 21, 2008 11:29 PM

Salam, Tun,

Kadang terfikir ... baik juga kalau kita lantik orang yang nak sangat jadi PM, untuk jadi PM..at least dia dah ada plan apa nak buat masa jadi PM; daripada kita bagi orang tak terfikir nak jadi PM (pasal dia tahu dia tak ada kelayakan), tiba-tiba jadi PM dan bila dia jadi PM, dia jadi blur dan bingung tak tahu nak buat apa-apa. Masalah pulak dua jenis orang macam ni, sama juga...sanggup gadai apa jua untuk jadi atau kekal jadi PM..termasuk negara dan bangsa. Maaf kalau saya kasar, tapi terbuku di dada.

Apakah kemerdekaan perlu dituntut semula oleh rakyat? Malang sekali kalau ianya perlu dituntut dari bangsa sendiri..

My wish for this hari kemerdekaan, harap semua rakyat malaysia, tak kira bangsa, umur dan jantina atau jawatan atau kedudukan samada Perdana Menteri, bekas PM, kerajaan atau pembangkang..agar peroleh kebahagiaan, kesenangan, keamanan dan sejahtera. Yang salah, ign menuding jari pada orang lain, yang benar..bersabarlah...yang bebal tu belajarlh lebih sikit..Yang dituntut jasa..sedekah lah jasa dan perkhidmatan...yang dah tak sudi dek orang tu...berundurlah nanti orang kata hidung tak muncung, pipi tersorong2..

KERANA MU, MALAYSIA!!!

"For he that does good, having the unlimited power to do evil, deserves praise not only for the good which he performs, but for the evil which he forbears"

By meris on August 21, 2008 11:29 PM

Salam sejahtera Tun,

Sambutan kemerdekaan negara kita yang ke 51 nampaknya macam tak bermaya dan keletihan sahaja dan media-media utama kita juga agak sunyi untuk menwawarkan bahawa bulan Ogos ini adalah bulan kemerdekaan. Dalam suasana kemuraman Malaysia di peringkat sekolah sambutan bulan kemerdekaan telah dilancarkan seminggu yang lepas, agak lewat daripada tahun-tahun sebelumnya.

Walau apapun saya mengucapkan Selamat Menyambut kemerdekaan ke 51 kepada seluruh rakyat Malaysia. Moga Allah menjauhkan Malaysia daripada Pemimpin yang tidak ikhlas untuk mentadbir negara ini. Amin...

By Tun Jebat on August 21, 2008 11:32 PM

YABhg Tun,

Saya dah lama sedar, rupa-rupanya hal kibar bendera ini berkaitan dengan emosi rakyat keseluruhan.

Semasa zaman TUN sebagai PM iaitu Zaman 'Malaysia Boleh' semua rakyat mengambil bahagian untuk menyatakan taat setia kepada negara melalui Jalur Gemilang.

Jika difikirkan huraian YABhg Tun, bolehlah kita katakan bahawa kita boleh menilai keberkesanan kepimpinan melalui sejauh mana gembiranya dan dukanya Rakyat menyambut kemerdekaan.

Apa yang akan menyedarkan Pak Lah yang dah mula mabuk dengan kuasa.

PS: Terkini: Apabila sahabat saya diminta membuat surat Mohon Projek secara runding terus kepada YAB Perdana Menteri...Saya terkejut sebab sahabat saya kata kena masukkan sekali semua pingat-pingat di bawah nama YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Yang jumlahnya 16 pingat kebesaran. Jika dimasukkan semua pingat-pingat itu Pak Lah yang akan baca sendiri dan mempertimbangkannya segera...Jika tidak surat itu hanya S'usahanya saja yang layak buka...Wallahualam..dah terlalu mabuk kuasa rupanya Memanda kita ini. Nauzubillah.Hindarlah Malaysia dari Pemimpin-pemimpin yang macam ini.

By pakbelalangAuthor Profile Page on August 21, 2008 11:37 PM

Dear Tun,

Merdeka sudah tidak ada ertinya lagi kepada rakyat. Apa ada kepada Hari Kemerdekaan kalau hanya setakat "melalak" Merdeka! Merdeka! Merdeka!

50 tahun kita berbangga bila menjelamanya Hari Merdeka tetapi kini Pak Lah telah menghampakan rakyat kerana dilihat sebagai Perdana Menteri yang telah gagal membawa Malaysia ke mercu cermerlang, gimilang dan terbilang !! Slogan yang dilaungkan hanyalah slogan TEMBERANG !! Slogan haprak dan HP6 !!

By Chris on August 21, 2008 11:37 PM

Sir,

Even last year, before the GE 2008, the situation was the same. Not many flags was seen on cars and buildings. Even then, the rakyat was already fed-up with the state of affairs in this country. You are spot on, sir, when you say something is missing in the atmosphere this year. After the elections, there was widespread coffee shop talk and everyone had something to say about it. Now, there is an eerie silence among the folks. It seems, they are again fed-up with what's going on. Well, there you are. A bleak

Merdeka is our lot. Happy Merdeka to you, sir. You are the foremost statesman of our times.
By Pasrah on August 21, 2008 11:37 PM

Kadang terfikir ... baik juga kalau kita lantik orang yang nak sangat jadi PM, untuk jadi PM..at least dia dah ada plan apa nak buat masa jadi PM; daripada kita bagi orang tak terfikir nak jadi PM (pasal dia tahu dia tak ada kelayakan), tiba-tiba jadi PM dan bila dia jadi PM, dia jadi blur dan bingung tak tahu nak buat apa-apa. Masalah pulak dua jenis orang macam ni, sama juga...sanggup gadai apa jua untuk jadi atau kekal jadi PM..termasuk negara dan bangsa. Maaf kalau saya kasar, tapi terbuku di dada.

Apakah kemerdekaan perlu dituntut semula oleh rakyat? Malang sekali kalau ianya perlu dituntut dari bangsa sendiri..

My wish for this hari kemerdekaan, harap semua rakyat malaysia, tak kira bangsa, umur dan jantina atau jawatan atau kedudukan samada Perdana Menteri, bekas PM, kerajaan atau pembangkang..agar peroleh kebahagiaan, kesenangan, keamanan dan sejahtera. Yang salah, jgn menuding jari pada orang lain, yang benar..bersabarlah...yang bebal tu belajarlh lebih sikit..Yang dituntut jasa..sedekah lah jasa dan perkhidmatan...yang dah tak sudi dek orang tu...berundurlah nanti orang kata hidung tak muncung, pipi tersorong2..

KERANA MU, MALAYSIA!!!

"For he that does good, having the unlimited power to do evil, deserves praise not only for the good which he performs, but for the evil which he forbears"
By jeff hamaz on August 21, 2008 11:39 PM

Setip kali hampir menyambut ulang tahun kemerdekaan negara, saya acapkali teringat seorang guru saya di Sekolah Menengah dahulu bernama Cikgu Ahmad Che Lan. Setiap kali menghampiri 31 Ogos, Cikgu Ahmad Che Lan akan berdiri di hadapan kelas dengan menggenggam tangan kanan sambil menjerit:

"MERDEKA, MERDEKA
RUMAH BURUK TINGGAL RANGKA
YANG KAYA TETAP KAYA
YANG MISKIN PAPA KEDANA!!!"

Saya tidak tahu di mana guru itu berada kini, tapi kata keramatnya itu selalu saya ulang kepada anak-anak menjelang 31 Ogos setiap tahun. Yang pasti sehingga kini, selepas 51 tahun merdeka 'rumah buruk tinggal rangka' masih menjadi fenomena di beberapa kampung tradisional. Setiap minggu TV3 memaparkan kehidupan keluarga daif dalam program 'Bersamamu'. Ketika kita berbangga dengan kecanggihan KLCC, Twin Tower, Putrajaya dll, nun di luar sana masih ramai keluarga daif yang kais pagi tapi masih tak cukup bekalan untuk makan pagi dan kais petang tapi tak dapat makan petang dan tidurlah mereka dalam kelaparan. Kita bangga dengan pelbagai rekod pencapaian negara tetapi dalam masa yang sama masih ada keluarga yang berharap mereka dapat mencipta rekod untuk makan dengan kenyang, berpakaian selesa dan anak dapat bersekolah diiringi senyuman.

Apa ertinya merdeka jika kemiskinan masih menjadi cerita yang tiada penghujungnya? Apa erti merdeka jika mulut kita masih tidak merdeka, bercakap benar masuk penjara atau sumbat dalam ISA, bercakap dusta pula disanjung sebagai wira hingga timbul pepatah:

SIKAP SENOHONG GELAMA IKAN DURI
BERCAKAP BOHONG LAMA-LAMA JADI MENTERI

Apa erti merdeka jika media masih belum merdeka untuk berkata benar? Media dari dulu hingga kini terus menjadi abdi pemimpin yang hanya menyiarkan berita-berita BN dan membangkul sampahkan berita mengenai bukan-BN, kecuali jika ia berita buruk. Lalu ada yang menggelar TV3 sebagai TV3 Suku

dan RTM sebagai Radio Televisyen Mengarut kerana berita yg disiarkannya sangat berat sebelah.

Apa erti merdeka jika penindasan terus menjadi senjata bagi menyelamatkan pemimpin yang terserlah begitu korup? Jika Menteri BN rasuah, BPR pejam sebelah mata, tapi jika sepucuk surat layang mengenai pemimpin bukan-BN rasuah, BPR bertindak cepat.

Alangkah baiknya jika suatu hari kelak negara tercinta ini mencapai kemerdekaan kedua. Kita telah mencapai kemerdekaan pertama - kemerdekaan dari cengkaman penjajah - pada 31 Ogos 1957. Kini marilah sama-sama kita berjuang untuk mencapai kemerdekaan kedua - merdeka dari kezaliman, merdeka dari penindasan dan merdeka mulut untuk bersuara selagi ia tidak bertentangan dengan keluhuran perlembagaan. Tidaklah payah kita melantik sesiapa sebagai pemimpin untuk mencapai kemerdekaan kedua. Sebaliknya marilah kita bersama-sama menjadi pejuang bagi merealisasikan kemerdekaan kedua!!!

MERDEKA, MERDEKA!!!
TIADA LAGI RUMAH BURUK TINGGAL RANGKA
MERDEKA DARI PENINDASAN & KEZALIMAN
MERDEKA MEDIA
MERDEKA MULUT UNTUK BERSUARA
MERDEKA!!! MERDEKA!!!
By green.blood on August 21, 2008 11:40 PM

A'kum Tun,

Di cermin belakang kereta saya memang sentiasa ditampal dengan bendera Malaysia tak kira merdeka atau tidak. Sudah bertahun. Saya sangat sayangkan negara ini.

Mengenai untuk mengibarkan bendera secara terbalik pada dasarnya mmg saya tidak setuju. Tetapi mengenangkan sikap pemimpin negara masa kini yang bebal, tamak, dan sanggup menggadaikan bangsa serta negara saya sanggup melakukannya. Bukan untuk menghina negara, tetapi untuk memprotes PM kita yg bebal!!!

Mintak maaf sekiranya kasar bahasa tetapi marah didalam hati ini hanya tuhan yang tahu...

Semoga Allah S.W.T selamatkan Malaysiaku yang tercinta...

Tun, we need you....
By rizanam on August 21, 2008 11:42 PM

tak perasan pun ada pelancaran bulan merdeka seperti yang pernah di adakan dahulu...kenapa ek? Adakah pemimpin negara kita sudah terlupa..atau mereka sebuk terhadap urusan LAIN-LAIN sehingga tak perasan HARI Kemerdekaan telah menjelang tiba..Bagi saya, saya tetap mengibar jalur gemilang seperti biasa setiap hari ebagai tanda betapa bahgiannya hidup di bumi bertuah ini...semoga TUN dalam sihat walafiat seerti mana juga ayahda saya yang seusia TUN..wassalam..
By khairulg on August 21, 2008 11:43 PM

Salam Tun,
saya setuju dengan pendapat Tun bahawa rakyat malaysia tidak segembira dahulu menyambut kemerdekaan tahun ini.
Jawapannya mudah..... setiap rakyat malaysia tertekan dan runsing dengan pergolakan politik sekarang,rasuah politik, kenaikan taraf hidup secara mendadak.... jika dulu mereka ada pemimpin yang membela rakyat tapi sekarang mereka ada pemimpin yang perlu dipimpin.
By DJOMANAuthor Profile Page on August 21, 2008 11:45 PM

Asalammualaikum Tun.Semoga Tun dipanjangkan umur hendaknya

ini adalah yang pertama kali saya menulis diruangan blog.Saya cukup bangga dan sentiasa mengikuti tulisan tulisan Tun di ruangan blog ini.Saya pun rasa agak hairan apa sudah jadi pada tahun ini tak nampak bendera Malaysia berkibar seperti tahun yang lepas lepas.Tapi tak apa nanti saya pacak bendera Malaysia bagi tinggi tinggi kat kedai saya supaya nampak juga suasana bulan kemerdekaan. Saya berharap pokok yang rendang, teduh dan cantik kita dapat jaga dengan baik supaya bertambah subur jangan sampai daun yang tengah luruh la ni akan terus luruh daun nya dan boleh menyebabkan mati.Hai risau juga .

Terima kasih banyak banyak Tun yang banyak berjasa...

By rams609 on August 21, 2008 11:45 PM

Dear Tun,

On my visits home around the month of August every year when I was still working in Jakarta 1990 up to 2004; I was proud seeing people of all races flying our flag on their cars and everywhere you can think of. I knew they're proud of the country and I know they're all thankful to you their Prime Minister for putting this nation on the global map.

I've even met Indonesians who're proud of you, being one of Asian's strongest and towering leader. Needless to say, I was standing tall amongst foreigners because of your vision,direction, guts, strategic and creative leadership Tun. We are all so very proud of you. Proud of the country you have helped push forward.

My pride towards the nation gets the better of me that I repatriated home together with my family only to find it was now in the hands of an incapable PM. So incapable and sliding fast we are that it's now a laughing stock for a lot of my foreign business friends.

My family, cousins and friends WILL NOT be flying the flag this year. No matter what the Imam of the re-branded Islam and his boot-lickers say, we are keeping them flags starched-folded in our closets.

Up until we can find someone whom we can be proud of, fit to be a real leader of a Progressive Modern Malaysia. Able to take the country forward from where you left of. Able to pick up the pieces left by this Mr. Incapable and his herd of mammals.

Take care Tun.

By AloQStaQAuthor Profile Page on August 21, 2008 11:46 PM

|

Tun yang sentiasa saya doakan semoga terus sihat walafiat,

JANGAN PULA TUN SOKONG BENDERA TERBALIK, yerrr? ...

(Saya tahu dan faham, Tun tidak sokong jalur gemilang diterbalikkan)

Dan saya, tidak sama sekali sukakan AbDolah - secara total, tetapi saya sama sekali juga tidak suka idea kempen kibar Bendera Terbalik oleh Kickdefella. Ini tidak wajar untuk menyatakan kebencian kepada AbDolah ... Kalau bubuh gambar AbDolah terbalik tu, nampak jugak maksudnya agak tepat. Tapi, kalau bendera Malaysia jalur gemilang diterbalikkan kerana bencikan AbDolah - ianya agak tersasar jauh.

Hmmmm, tinggalkan protes Kickdefella dengan bendera terbaliknya, saya ingin menyentuh bab sambutan kemerdekaan negara Malaysia ke51 tahun ini yang lembab dan murung. SEMUA RAKYAT MERASAI PERASAAN YANG SAMA DENGAN TUN. Saban tahun kita seronok menunggu MERDEKA, kita kibarkan jalur gemilang dengan cara yang betul ... kita gubah pejabat kita dengan kibaran banting/bendera kecil ... tetapi, tahun 2008 lain amat semangat sambutannya.

Benar kata Tun, saya bersetuju 101% dengan apa yang Tun katakan bahawa inilah TANDA RAKYAT

TIDAK GEMBIRA MENYAMBUT MERDEKA (Selain rakyat parti haprak PKR di Permatang Pauh yang cuba mengeksploitasi perkataan MERDEKA dalam kempen Pilihanraya Kecil tersebut). Rakyat seolah-olah sekali lagi memprotes secara terbuka kerajaan AbdDolah dalam memberikan sokongan sambutan kemerdekaan ke 51 kali ini (sepertimana protes rakyat memberi undi swing kepada para calon haprak pembangkang pada PRU12 haritu)

Bagaimana untuk mengembalikan keadaan seperti dahulu (tahun-tahun kegemilangan negara di bawah pemimpin terkenal - Datuk Seri Dr.M sewaktu PM) ??? ... Bagi saya, saya tetap berpegang kepada cara yang cuma ada SATU, the one and only way : iaitu ABDOLAH PERLU TURUN SEKARANG! SEKARANG JUGA! Kepimpinannya telah jelas nampak begitu lemah selemahnya di mata rakyat Malaysia (termasuk ahli partinya sendiri) - MAKA BERHENTILAH, DARI TERUS MEMUSNAHKAN SAKI BAKI YANG TINGGAL KINI ...

Jun 2010? Jangan Harap! Waktu itu adalah masa untuk talqinkan UMNO/BN sahaja. (Jangan biarkan ia ditalqinkan, kerana kini UMNO/BN masih boleh diselamatkan jika AbdDolah berundur) UNDUR SEKARANG ABDOLAH!

AloQStaQ

<http://AloQStaQBlog.blogspot.com>
<http://www.MYKMUtara.net>

|

By Peminat DrM on August 21, 2008 11:46 PM

Salam Tun,

Saya amat bersetuju dengan apa yang Tun nyatakan. Sambutan tahun ini pastinya akan muram. Sehingga ke hari ini walaupun tarikh 31 ogos semakin hampir namun tidak kelihatan pemilik kenderaan yang memasang jalur gemilang pada kenderaan masing-masing. Tapi malangnya ada 'ORANG KAT ATAS' tu yang masih tak faham-faham lagi dengan 'hints' yang cuba diberikan oleh rakyat. Rasanya la kan Tun, dia dah terlalu syok sendiri kot. Perasan orang masih suka kat dia. Semoga Allah cepat-cepatlah sedarkan orang tu dari alam mimpi indahnyanya.

Apa-apa hal pun, Tun la yang terbaik. PM terbaik yang pernah Malaysia miliki. Semoga Allah panjangkan usia Tun dan pelihara kesihatan Tun. Amin.

By saarah hj. ali bashah Author Profile Page on August 21, 2008 11:46 PM

Salam tun,

Melihat komen tun, memperingatkan pada saya zaman tun menjadi perdana menteri dan merdeka disambut dengan meriah. Kemeriahan yang sebenarnya adalah apabila rakyat dapat hidup dalam aman dan ekonomi yang stabil, walaupun tun pada masa itu kurang disenangi kerana begitu vokal, tetapi yang sebenarnya itulah kemeriahan kami rakyat malaysia, pemimpin vokal sudah tidak ada lagi untuk kami lihat didepan tv berdiri megah dengan jalur gemilang dengan keberanian tanpa sangsi membangunkan ekonomi malaysia dan hak hak rakyat malaysia, untuk melambatkan jalur gemilang kami dengan penuh semangat

Selamat menyambut hari Kemerdekaan yang ke 51, kepada seluruh rakyat Malaysia dan jangan lupa kita semua kena bangkit dari tidur untuk sambut merdeka, kalau tidak kita lupa kita terus tidur..maaf ya.

ikhlas seikhlasnya dari saarah hj. ali bashah.

Jangan lupa ke blog saya, ulasan pendek sahaja...wahai permatang pauh.
<http://www.sarahali.blogspot.com>

By strength & honour on August 21, 2008 11:47 PM

Dear Tun,

Yes I agree that we should be thankful for what Malaysia have, a relatively prosperous country and most importantly a peaceful country. While our political situation is not bright at the moment, all Malaysians should continue to remain positive and hopeful and build from what we have. Having a poor PM is something that happens to many countries and not only Malaysia. We should not be dishearten but continue to remain positive and hopeful. If you look at America today, even though they have the most democratic system in the world and strong check and balance system, yet they voted in a president (for 2 terms) whom the general American population feel that he has performed poorly. Even the UK PM is also unpopular. In Malaysia, we have a PM who has also performed poorly and unpopular and has indicated that he will resign in 2 years. This is the best given our system today. I think we should now have to be patient and continue with our daily task with diligence. Continue to love and believe in Malaysia and contribute in whatever small way towards a Malaysia we love no matter how difficult the situation may be today. I believe God will reward us if we do this. This is Our Malaysia, This is Our Home. Whether Sunshine or Rain. Happy Merdeka Everyone.

By Hajar on August 21, 2008 11:48 PM

Salam Yg Amat DiKasihi Tun,

Amat tepat sekali pandangan, saranan dan rumusan yang Tun buat.

DSAAB memang tidak prihatin & tidak mahu ambil tahu tentang kesusahan rakyat Malaysia. DSAAB MASIH LAGI BUTA, PEKAK DAN BISU DALAM SEGALA HAL. Ditambah dengan sikap degil, bodoh sombong & lupa diri yang membuat rakyat bertambah meluat.

Sebab itu ramai yang sudah tidak bersemangat untuk menyambut hari Merdeka.

DSAAB, tolonglah BERUNDUR. Kami mahu merdeka dari kepimpinan yang lemah ini.

Semoga Tun & keluarga diberkati Allah SWT.

By Penyelidik Bebas on August 21, 2008 11:52 PM

Tun,

Setiap kali Tun menyatakan perasaan rakyat, memang betul itulah perasaan yang ada pada saya, walaupun pemimpin lemah, namun saya masih tidak sampai hati lagi untuk terbalikkan Jalur Gemilang, Malaysia tidak bersalah, cuma pemimpinnya saja yang bermasalah. Dahulu saya melihat Perarakan Kemerdekaan, hati saya berasa megah, tetapi sekarang saya akan rasakan itu satu pembaziran wang masyarakat, yang pasti tahun ini Jalur Gemilang saya tidak akan dikibarkan.

By Auta Karut on August 21, 2008 11:54 PM

Assalamualaikum Yg Bhg Tun dan para pembaca sekalian,

Pada hari merdeka nanti maka berduyun-duyunlah pendatang haram akan memenuhi KLCC seperti pendatang haram Myanmar, Bangladesh, Nepal, Vietnam, Filipina, Cambodia, African, India, Republic of China dan tak lupa juga PATI Indonesia. APA NAK JADI DENGAN MALAYSIA NI !!

Kita ada segala-galanya; Imigresen, Rela, Polis, askar dsbnya tetapi masalah pendatang haram semakin hari semakin buruk. Ini menyebabkan kadar jenayah, pengangguran dan inflasi semakin meruncing kerana mereka yang berjumlah jutaan ini memerlukan keperluan makanan asas seperti beras, gula, minyak masak, tepung, ikan dsbnya menyebabkan harga pasaran melambung naik dari hari ke sehari. Bayangkan berapa tan makanan untuk disalurkan ke perut mereka ini setiap hari. Ini tidak termasuk rakyat Singapura (formerly known as Temasik) yang datang membeli bahan keperluan harian di Johor Bahru setiap hari.

Maka ini adalah salah satu sebab mengapa hari Merdeka semakin suram dari tahun ke tahun.

Tindakan memansuhkan visa atau `visa upon arrival` semasa Tahun Melawat Malaysia 2007

menyebabkan pendatang haram mengambil kesempatan memasuki negara ini secara mudah. Saya juga berasa sedih kerana Pusat Konvensyen Putrajaya yang dibina semasa zaman Tun digunakan untuk acara-acara yang sangat tidak berfaedah seperti acara hiburan orang-orang Melayu yang tidak tahu membezakan antara `seni dan perkara mengarut` sedangkan tempat itu sepatutnya digunakan untuk tujuan ilmiah dan perkembangan minda tetapi ini tidaklah menghairankan kerana minda PM sekarang semakin menguncup dan jumud. Sekian, Terima kasih Tun.
By jinglesan on August 21, 2008 11:57 PM

FULL FORCE in Permatang Pauh. BN too busy to set up independence celebration. Patriotisme(Love or loyalty to country) significantly dropped...
By syahir on August 21, 2008 11:57 PM

A'kum Ayahanda Tun!

Sejak saya lahir pada 80an, Tun lah orang yang saya kenali yang menanam semangat kebangsaan dan semangat Malaysia Boleh yang tinggi di hati rakyat jelata! Semangat cintakan negara amat kuat di zaman Tun termasuk saya sendiri.

Meskipun sejak Abdullah memerintah sambutan menjadi suram, namun saya masih kibarkan bendera di rumah saya sebagai mengenang jasa pemimpin lama sehinggalah zaman Tun! Di kawasan saya, amat jarang saya lihat ada bendera kecuali rumah saya dan beberapa tempat saja. Tidak seperti dulu.

Di mana silapnya? Di mana jati diri anak bangsa MALAYSIA yang bangga menjadi anak MALAYSIA??

Bagi saya, kemerdekaan negara ini hanya dinikmati ketika dari 31 Ogos 1957 hinggalah hari terakhir 31 Oktober 2003 setelah Tun melepaskan jawatan. Selepas tarikh ini, kita tunduk kepada kuasa asing. Kita takut pada Singapura dan Amerika Syarikat. Kita mintak kebenaran buat jambatan di wilayah sendiri. Mana daulat kita? Mana keagungan kita???

Semoga sinar Malaysia Boleh akan muncul akhirnya! **SUARA MALAYSIA BOLEH TETAP BERGEMA DI NALURI HATI SAYA TUN! TERIMA KASIH KERANA BANYAK BERJASA KEPADA AGAMA ISLAM, BANGSA DAN NEGARA!!**

<http://www.gunungraya.blogspot.com/>
By rizanam on August 21, 2008 11:57 PM

rasa nya pemmpin sekarang tak perasan sebab seronok dibuai oleh sang pengampu-pengampu yang ada disekeliling nya...macam KOYA, sejenis serangga warna putih pada tanaman yang sentiasa dihurungi oleh semut, kerangga untuk mendapatkan madu dari KOYA tersebut. Semut dan kerangga ini akan berkerja keras untuk memastikan KOYA ini hidup tanpa dianggu gugat oleh sesiapa pun. KOYA ini, selain memberi faedah kepada semut dan kerangga ini juga menjejaskan pertumbuhan pokok kerana rasminya dia akan secara diam menghisap makanan dalam tumbuhan ini..akhirnya tanaman yang subur menjadi kering dan kurang bermaya dan seterusnya, kehidupan semut serta kerangga juga menjadi sukar...akhirnya semua nya (KOYA, semut, kerangga, pokok dan pemilik tanaman) menderita....
By gemukk on August 21, 2008 11:57 PM

Assalamualaikum Tun,

Memang diterima pakai oleh PBB bahawa mengibarkan bendera secara terbalik merupakan satu petanda kecemasan / kesusahan. Namun, bagi saya, sebagai seorang patriot dan datang dari keluarga yang menjaga keamanan dalam negeri "PDRM", perbuatan itu juga merupakan suatu penghinaan kepada Jalur Gemilang.

Walaupun keadaan kini, kurang mengenangkan, teapi kita masih lagi tidak berada dalam keadaan kecemasan. Mana negara yang merdeka tidak dilanda masalah dalaman. Amerika dengan perang

saudaranya, India masih lagi bergolak walaupun selepas perpecahan dengan Pakistan dan banyak lagi negara-negara lain.

Sekiranya Jalur Gemilang kita di kibarkan dengan terbalik, hilanglah Gemilang bendera kita. Sebagai rakyat Malaysia, banyak lagi cara kita boleh lakukan untuk menurunkan Kerajaan 3 Beranak. Jangan putus asa untuk memerangi kezaliman dan kemungkaran kerana sesungguhnya kebenaran akan ditegakan di akhir nanti.

KIBARKAN JALUR GEMILANG DENGAN BANGGA WAHAI RAKYAK MALAYSIA

By pakcik74 on August 21, 2008 11:59 PM

tiada apa yang nak di'celebrate'kan.

di hati kami semangat kecintaan pada negara tidak pernah luntur.

cuma apalah nasib kami rakyat marhaen yang diperintah oleh kerajaan kurang cerdik.

kami mungkin tidak 'berdemonstrasi' di dataran merdeka, tapi mungkin inilah protes senyap kami-'tidak kibarkan jalur gemilang!'

-harap mereka yang diatas mengerti-

By afifa92 on August 21, 2008 11:59 PM

Assalamualaikum Tun,

Tahun ini sambutan kemerdekaan tidak seperti sebelum ini. Bendera memang tidak banyak kelihatan di sekeliling kita. Krisis minyak ini serba sedikit mempengaruhi semangat kemerdekaan negara kita yang ke-51. Walau bagaimanapun, kemerdekaan mestilah diutamakan kerana ianya merupakan simbol negara kita bebas dari penjajah.

Akan tetapi, saya tidak akan terlepas untuk pergi ke Dataran Merdeka seperti tahun sebelum ini! Saya harap Tun dapat menghadiri diri ke sambutan Hari Kemerdekaan negara kita.

*Saya harap saya dapat jumpa Tun di sana!!(^.^)

-budak sekolah-

By melo_r on August 22, 2008 12:00 AM

yang penting pak lah naik train..... tun naik tak?

By linda on August 22, 2008 12:02 AM

salam...

Apalah erti 'MERDEKA"

jika DSAI memecahbelahkan orang melayu....

16 sept menjadi penentu...

ketamakan seorang melayu

yang melalak melulu ..

mengadu... memalu...

di luar mengetawakan....

menjengkilkan....

yang melalak itu tetap bebas...

x tahu malu....

yang melalak itu mengutuk...memaki..

demi kepentingan diri..

yang kononnya...SUCI...

Ruginyer melayu..

yang melalak itu...melanggar sumpah..

kononnyer menjaga segala rahsia negara..

semasa dilantik sebagai menteri...

tetapi bila dah x ader aper-aper...
sibuk membuka rahsia negara..
LUPA KER...RAHSIA TETAP RAHSIA...
YANG BERSUMPAH ITU APER?
BERMAIN KATA?
INGAT....
Dear Tun... i'm not so insolent as to fly the Jalur Gemilang upside down, but I do feel like flying the flag half pole, just to let Pak Lah&co's government know that they are bringing Malaysia down instead of bringing it up and high in the sky. When you were in office, the Jalur Gemilang never failed to fly high in the sky in all of it's glory. But look, what's going on now? People are reluctant to fly it, and why? It's all Pak Lah&co's fault! :-(

God bless you Tun, you earned my respect without even trying, but Pah Lah can't even command respect out of me.

By leadingAuthor Profile Page on August 22, 2008 7:14 AM

Tun,

"The Malaysia We Love". This Youtube Video would instil love and Patriotism... To watch video, <click here>

This Video would also motivate a Malaysian to work harder

And, I recommend this video to all Malaysian, for this year Merdeka Celebration. To watch video, <click here>

Best Regards,

<http://www.leading.com.my>

By threesixtynine on August 22, 2008 7:28 AM

kerana itu kita perlu dididik agar tidak cintakan dunia, tapi kita perlu dididik untuk menegakkan agama, bukan bangsa. keadaan di zaman Nabi s.a.w & para sahabat r.a dengan kita amat jauh berbeza. Nabi s.a.w & para sahabat r.a. berjaya tegakkan agama islam dengan penganutnya yang berbilang bangsa. tapi kita hari ni kita terkial-kial tegakkan negara dengan ideologi berbilang agama & bangsa. sebab tu huru-hara berlaku & kebenaran sukar untuk ditegakkan. pemimpin-pemimpin seharusnya bersikap tidak mencintai dunia tapi pemimpin-pemimpin hari ini yang tamakkan harta & kekayaan bagaikan tuhan. Nabi s.a.w sudah berpesan dunia ini umpama pokok, persinggahan sementara sahaja. tapi umat hari ni tanam pokok, pagar pokok, peluk pokok, tidur atas pokok, beranak pinak keliling pokok & bawa pokok ke lubang kubur.

Sahl ibne Sa'd As-Saidi r.a 'narrates : once a person passed by Rasulullah s.a.w (and) he (s.a.w) asked someone sitting with him : 'what do you think of the passer-by? he replied : he is among the respected of the society; and by Allah! if he proposes to a woman, he wil be married, should he recommend something, his recommendation will be accepted. Rasulullah s.a.w kept his peace. Then, another person passed by, and Rasulullah s.a.w asked (the man sitting with him, again) : what is your opinion about this man? He answered : O Rasulullah! He is a poor muslim. If he proposes (for marriage), it will not be accepted; should he recommend (something), his recommendation will be rejected; and if he speaks, nobody will pay heed. Rasulullah s.a.w said : This man (the poor muslim) is better than a whole world (full) of the like of that (the first one). (Bukhari)

By Alias Author Profile Page on August 22, 2008 7:31 AM

Sambutan Kemerdekaan Negara Tahun 2008 sungguh bermakna.

Setelah lima puluh tahun kita menyambut kemerdekaan di bawah kerajaan BN yang tak mampu untuk dicabar itu akhirnya untuk tahun 2008 ini kita bakal menyambut kemerdekaan negara dengan parti pembangkang yang kuat di mana lima negeri di bawah penguasaan parti pembangkang.

Tahun 2008 merupakan titik peralihan senerio politik yang bersejarah buat rakyat Malaysia. Kalau tahun 1957 merupakan tarikh negara kita merdeka tetapi tahun 2008 ini adalah tarikh rakyat kita merdeka. Pada tahun 2008 ini menampakkan sebahagian besar pemikiran rakyat kita benar-benar telah merdeka. Ini dapat dilihat dengan jelas dari keputusan pilihanraya umum ke 12 yang lalu.

Kalau sebelum ini dengan menggunakan segala jentera kerajaan yang ada, parti BN telah berjaya menanamkan kedalam minda sebahagian besar rakyat negara ini bahawa parti pembangkang tidak ada kemampuan dan tidak mempunyai kebolehan untuk memerintah negara ini. Tetapi tanggapan yang seperti itu kini sudah dapat dilepasi setelah pakatan parti pembangkang telah berjaya mengambil alih kerajan di lima buah negeri dalam pilihanraya umum ke 12 yang lalu.

Ini adalah satu kejayaan yang sangat besar kepada peralihan minda rakyat Malaysia terhadap geopolitik

negara ini, malah tidak keterlaluan ia boleh dianggap sebagai suatu 'revolusi' politik seperti yang pernah dialami oleh negara Indonesia beberapa tahun yang lalu setelah tumbangny regim Suharto. Dan ini akan menjadi titik permulaan untuk negara kita menuju kearah pemerintahan yang benar-benar demokratik, adil dan telus.

Kerajaan yang demokratik, adil dan telus sentiasa menjadi matlamat kita kerana ia adalah prasyarat kepada keamanan, keharmonian dan kemajuan sesebuah negara.

Tentunya sambutan Kemerdekaan Tahun 2008 akan datang ini sungguh bermakna sekali buat rakyat Malaysia setelah 50 tahun minda mereka 'dijajah' oleh parti BN. .
By ezineartikelAuthor Profile Page on August 22, 2008 7:42 AM

I was amazed how many of my business friends have migrated to in order to survive and mostly are Malays. Favourite cities to migrate - Dubai, Bahrain, London, Manchester, Gold Coast, Perth and Jakarta. Few years ago , nobody would think of Jakarta as a good place to settle down BUT now their economy is good and the market there is huge. Even my lawyer friend has migrated there to open up a company secretary firm. What is happening to our country ? Nobody is proud to be Malaysian let alone to celebrate the Merdeka this year. <http://www.ezineartikel.com>
By kie2pacAuthor Profile Page on August 22, 2008 7:45 AM

assalamualaikum ayahanda Tun..saya berasal dari Sandakan Sabah..saya setuju dengan kenyataan ayahanda Tun di atas tu..saya pn berasa hairan kenapa sambutan kemerdekaan tahun ni hambar saja..seperti di sandakan saya melihat kereta yang melekatkan@mengibarkan jalur gemilang sangat sedikit bebanding beberapa tahun dahulu..saya adalah orang yang bangga dengan kemerdekaan yang kita ada..saya selalu mengibarkan jalur gemilang di rumah dan di kereta..tapi tahun ni saya terlupa seketika kerana semangat kemerdekaan pada tahun sangat kurang dari seluruh rakyat Malaysia..saya harap PM kita buka web ni dan baca artikel Tun serta dengar komen semua penyokong2 Tun..mesti ada perubahan drastik dia buat..semoga Tun boleh memimpin Malaysia lagi..Allah sahaja yang boleh membalas jasa Tun dalam membangunkn Malaysia dan menjaga kerharmonian,kebahagian,keselesaian,keriangan dan keselamatan rakyat jelata.semua rakyat sekarang rindu dengan kerajaan yang dulu..kemana hilangnya sudah??we miss u TUN..SEMOGA ALLAH MERAHMATI TUN DAN KELUARGA..HARAP-HARAP MUKHRIZ DAPAT MEWARISI SEMANGAT DAN KEAZAMAN TUN..AMIN,,
By justmy2SEN on August 22, 2008 8:04 AM

Saya secara peribadi tak bersetuju dengan menterbalikkan bendera...jalur gemilang is NOT equal to AAB. Jangan lak kita pukul anak sindir menantu...jalur gemilang harus di protect whatever happens...kalau kita rakyat sendiri sanggup menterbalikkan bendera sendiri, jangan lak melenting kalau orang luar pijak atau ludah bendera kita as we are giving them sign that we don't give a damn about our bendera...

if i'm not mistaken ada satu perang where the pemegang bendera/panji tetap cuba mengibarkan bendera walau pun dipotong tangan, kaki and last dia angkat bendera guna own body...see kalau kerana kita tak puas hati dengan pentadbiran sekarang pun kita sanggup menterbalikkan bendera, i don't know la what happens when things got worse...

and if you say it is internationally recognised sign of distress..what you expect to tell the world? that Malaysia is in distress?.....so USA can intervene just like they did to afghanistan and iraq..and investors won't come to Malaysia, people lose jobs etc etc etc...please don't make things worse as it is

if really you want the whole world to know your distress on Malaysia..write letter to human right activist, UN, ICJ, etc ..i'm sure they will be more than happy to intervene and the consequences?..sama2 la kita rasa nanti

By Ko Yem BinjaiAuthor Profile Page on August 22, 2008 8:07 AM

Selamat Hari Merdeka to Malaysia.

Dear Tun,

Can we focus on the struggle of your former Political Party, rather than diverting the public to your popularity, and indirectly killed the P44 struggles?

<http://wordpress22.wordpress.com/2008/08/22/blogger-umno-blogged/>

Not at all to differ as we fond of you as sometimes, I would rather like to invite a re-negotiate with a senior ex-PSD man as you are Tun, please, I beg you. STOP blogging.

You may have good intentions, but, world out there may turn you around, your ex-party. IF Abdullah is wrong, why not you Tun, issue a report against him with BPR or police?

Tun, I matured too early, I refuse to return back to immaturity.

Tun, An eye for an eye, makes the whole world blind.

Please, have rest.

Cheers !

By rozie on August 22, 2008 8:19 AM

saya amat bersetuju dengan kenyataan ayahanda tun....dan berasa pelik..kenapa pak lah sgt buta utk memahami perasaan rakyat.kami mmg tak de semangat utk menyambut hari kemerdekaan kerana benci kepada pak lah....kebencian kami mmg tak boleh di gambarkan lg...sudah byk makian dan cacian kpd pedana menteri ini...itu sahaja yg boleh kami buat...jika kuasa pemilihan presiden umno di bawah kuasa suara kecil spt kami..sudah lama pak lah di tendang dr menjadi presiden sekaligus menjadi PM m'sia ke 5....

wasalam....

By chesomAuthor Profile Page on August 22, 2008 8:21 AM

Assalamualaikum TUN.

Semoga tanahairku sentiasa dalam lindungan Allah swt. Dijauhi dari mmereka yang mungkar.

Saya faham messege TUN. dan saya tahu rakyat faham message TUN. dan juga saya tahu Pak Lah pun faham message TUN tapi buat-buat tak faham. Tu la yang penat di buatnya.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN KE 51 TAHUN. LONG LIVE MALAYSIA.

Love u always TUN.

chesom

By suszeyoung on August 22, 2008 8:21 AM

kita dah merdeka ke? kalau merdeka setakat bebas dari pemerintahan orang luar dah kira merdeka ke? kalau pemikiran "kita" masih dikongkong dan ditakuk lama dah kira merdeka ke? kalau negara kita merudum dan menjunam reputasinya dalam semua bidang dah kira merdeka ke? afghanistan, zimbabwe, mongolia dah mampu meraih emas di olimpik, "kita" di mana? dah merdeka ke? ya, "kita" dah merdeka, jauh dari istilah merdeka itu dalam erti kata sebenarnya...

By khairi ali on August 22, 2008 8:22 AM

Assalamualaikum Tun,

Sebenarnya, saya tidak terasa muram bila berada di ambang menyambut hari kemerdekaan. Ini kerana saya telah menelaah erti kemerdekaan sebaik saja keputusan 2008 dihebahkan. Apa yang berlaku ialah saya marah, dan hari ini pun masih belum reda. Cuma, saya turut memahami kemuraman ini, tetapi kita tidak boleh muram, tetapi seterusnya berusaha mencari bagaimana kemerdekaan ini disambut dengan gah, bermaruah dan bernilai. Ketika saya marah itu apa yang saya katakan ialah :

1. Melayu tak tahu apa itu Melayu;
2. tanah air Melayu tidak merdeka tetapi Melayu membuat kebaikan dengan bersetuju negaranya dikongsi bersama dengan kaum lain;
3. kenapa pemimpin Kedah tidak menuntut kembali wilayah p.pinang?;
4. kenapa pemimpin tidak minta British hapuskan Crown Agency?;
5. mengapa terima hak istimewa sedangkan keistimewaan yang sebenarnya dirasai oleh kaum lain, sedangkan Melayu hanya memperolehi hak yang sepatutnya menjadi milik mereka;
6. kenapa teruskan demokrasi sedangkan demokrasi yang dilaksanakan adalah demokrasi sub-standard kerana Barat terus mengekalkan penduduk asalnya di lingkungan 80%, parti pembangkang pun dikuasai oleh penduduk asal; dll;
7. agama Islam dijadikan agama resmi, tetapi diperlakukan seperti agama yang tidak berstruktur dan berorganisasi. Kenapa begini?
8. Apakah kemerdekaan itu bermakna wang/harta ummah (zakat) boleh dipungut oleh institusi yang menjadikan golongan asnaf sebagai peminta, bukannya penerima?;
9. Benarkah kita merdeka dari penjajah sedangkan nilai dan sistem kehidupan kita masih diserabuti oleh tatacara penjajah?;
10. jika benar merdeka, ilmu mengenai Islam sudah pun meningkat dan lebih jelas, kenapa Melayu yang beragama Islam itu, tidak membuat tuntutan baru, yakni mengadakan kontrak sosial yang baru?;

Banyak lagi. Cuma kesimpulannya ialah, bak kata ore kelate, lo ni tak dok tok joro... dan sesungguhnya saya amat berharap Tun dapat lakukan sesuatu dalam menegakkan Islam ke tahap yang sebenarnya.

Hari ini kita lihat pemimpin bukan-muslim pun memperkatakan tentang nilai-nilai Islam, dan dikatakan baik, tetapi mereka sendiri tidak pula memeluk Islam! Tapi perkembangan ini bagus, asalkan kita manfaatkannya dengan memberi penjelasan kepada mereka supaya jangan takut pada Islam, ajak Karpal bermuzakarah tentang Islam dan jelaskan kenapa dia tak perlu takut pada negara Islam. Malah muzakarah dengan bukan-muslim ini perlu diadakan di peringkat parlimen (bagi warga dewan), diperingkat intelek (bagi peringkat institusi pengajian tinggi) dan seterusnya.

Sekian. Fokuskan kemerdekaan kepada kemerdekaan Melayu dan wilayahnya! Jangan muram. Teruskan berjuang untuk bangsa dan wilayahnya!

(NOta : sebenarnya saya telah menulis dan disiarkan dalam tajdid dot com mengenai struktur Islam, yang belum diperkatakan selama ini.)

By dev on August 22, 2008 8:23 AM

Dear Dr. M,

Many are feeling this 'queer' emptiness during this 51st Merdeka celebrations!

Normally, the 15th of August will see the start of the month long celebrations. What has happened? Where has all the funds gone too?..Maybe Permatang Pauh?

But then my the gloominess amongst us? Normally we will be 'charged up' with video clips of the 1957 Merdeka celebrations with The Late Tunku's Merdeka shouts! Even that is missing from our teles.? We normally joked that the Late Tunku would come out of his year long vacation to join us for a month! (I know this is disgusting, but it is just a joke)However, for 2008,I guess he's planned to take a real long vacation!

Dr. M,

I celebrate Deepavali, My Malay friends, Hari Raya, My Chinese ones celebrate Chinese New Year and so forth... but Merdeka is celebrated by all! That's unity! That's putting aside differences and enjoying our freedom! Maybe there is no more freedom?

Dr. M,

On the coming by-elections, I believe there is a conspiracy! Why did Pak Lah release Anwar? Why all the 'sandiwara' but Pak Lah was never into 'bashing' up Anwar? All of a sudden Najib was 'attacked'. Then there was all the 'silly mistakes' by Pak Lah! As if preplanned by both PLah and Anwar! U say it and i'll rebut kind of thing! Look at the sodomy case. If it is a set up, then it is a real stupid one by Pak Lah...maybe it was intended so! Anwar becomes the hero, the public knows it's a scam by BN and they will further lend their support to Anwar..hmmm sounds like a well-planned strategy. What happens next? PLah bows down, and his so-called ex-buddy takes over?

Dr. M

Am i the only one having this feeling?
Please enlighten

Cheers

Dev

By asrul on August 22, 2008 8:24 AM

Asalammualaikum Tun Dr. Mahathir,

Saya tertarik dengan cadangan WHY BEE BANGI. Walaupun rakyat menunjukkan rasa tidak puas hati keatas Pk Lah tapi tidak ade "follow up action" selepas PR yang lepas. Mukhriz pula seolah bersendirian di dalam perjuangan. Surat dan "cadangan" Mukhriz seolah tidak berkesan. What can I do to contribute effectively?

By lizaAuthor Profile Page on August 22, 2008 8:25 AM

salam untuk ayahanda TUN sekeluarga.

saya ingin mengucapkan selamat menyambut hari kemerdekaan Malaysia ke 51 Pada Tun serta keluarga dan seluruh peminat blog Tun.

By gohhoehoeAuthor Profile Page on August 22, 2008 8:27 AM

Good Morning Tun

I wish all Malaysian, good health and good luck , may us encounter our problem with wisdom. May our country prosper forever

HOHO

By entrepreneurAuthor Profile Page on August 22, 2008 8:33 AM

Salam Tun, Semoga sihat selalu. Apa yang saya tahu jika sesuatu bendera itu diterbalikkan ianya mempunyai maksud tertentu. Bendera diterbalikkan menunjukkan sesebuah negara itu sedang dilanda wabak penyakit yang banyak membunuh rakyatnya seperti yang berlaku di Eropah pada tahun 1200an.

ADAKAH KITA MERDEKA???

By malan3395 on August 22, 2008 8:34 AM

Dear all..,

PLah mmgnya bw bncana pd negara. Bnyk tnda2 antaranya :

- 1- Ibu PLah meninggal bbrpa blan lps naik PM
- 2- Isteri dia plk tiggln dia

Tuhan syg kt ibu & isteri dia sbb tu dicabutnya nyawa smoga mereka ini tk terlibat dlm kmplot jahat PLah. Lg 1 smasa naik PLah lawat Pejabat Imigresen mengejut. Sy ada ms tu cm tk slam je psl rmai org. Biasela org bru naik kita igtkn ok/Mr. Clean tp rupanya hampeh. La ni apa jdi dgn Pengarah Imigresen, rasuah. Bleh la anggap kmana sj PLah pegi tempat tu mesti bw sial lps tu mesti ada kes rasuah la... Smlam PLah naik komuter lak. Sy igt hbsla komuter/LRT mesti lingkup pasni. NK TAU TK, KWAN SY KTA MS BREBUT NAIK KOMUTER ORG TK RESPEK PN KT PLAH. NSIB ADA B/GUARD KLAU TK PLAH PN JD MCM ASOH JE.
By gd on August 22, 2008 8:45 AM

Salam...Tun yang dikasihi,

Sempena hari kemerdekaan ini rakyat seharusnya rasa megah dan insaf kerana kita tidak lagi dijajah. Oleh yang demikian saya sangat setuju dengan pendapat Permatasabah, sebenarnya kita masih dijajah oleh bangsa sendiri kerana sifat penjajah itu sendiri tidak akan memberi keuntungan kepada orang dijajah melainkan untuk membangun negaranya sehingga kini kita lihat hampir kesemuanya negara penjajah menjadi sebuah negara maju. Penjajahan bangsa sendiri yang saya faham ialah tindakan kepimpinan lebih mirip memperjuangkan kepentingan diri daripada berusaha menyediakan asas ekonomi untuk rakyat. Sebagai contoh kita mahu rakyat menjadi petani sebagai perniagaan tetapi dalam masa sama diperah terutamanya dahulu dengan menaik harga baja, racun, malah saluran peparitan tidak diambil peduli terutamanya petani dikalangan bumiputera di Sarawak. Apa maknanya kemerdekaan bagi rakyat lain yang terpinggir, saya lahirkan kekecewaan ini kerana saya adalah dikalangan mereka. Sebab itulah apabila saya komen tentang pemimpin saya suka meletak kedudukan pemimpin biarlah berada dikalangan rakyat terpinggir. Laungan merdeka hanya dapat dirasai setelah kita menjiwainya jerih perih anakbangsanya yang dijajah oleh bangsa sendiri. Konsep ketuanan Melayu tidak boleh diboleh diguna pakai di Sarawak kerana perkataan tuan menyebabkan orang lain perlu jadi hamba abdi. Zaman demokrasi tiada istilah ketuanan dan ketuanan hanya dijulang sendiri oleh rakyat yang memerlukan kepimpinannya.
By aiza on August 22, 2008 8:47 AM

Assalamualaikum YAB Tun,

Kenapa & mengapalah Pak Lah ni tak paham-2. Bukannya kita cakap bahasa lain... kita cakap bahasa melayu. Bahasa ibunda dia. Tapi kenapalah dia masih buat-2 tak paham kehendak rakyat yang mahukan dia letak jawatan.
Tak malukah dia negeri dia sendiri telah dijajah oleh parti pembangkang.
Pak Lah ni seorang yang betoi-2 tak tau malu!!
Dulu sebelum pilihanraya, sibuknya dok kempen Islam hadhari, koridor sana.. koridor sini...
Aaiiii... la ni awat sengap?? Awat duit untuk projek-2 tu semua dah habih ka pi guna untuk pilihanraya hari tu?
Saya sokong pendapat YAB Tun. Masa dulu time nak sambut merdeka, begitu sibuk kementerian penerangan menggembar-gemburkan tentang sambutan merdeka. Kerana kerajaan mahu rakyat sedar betapa pentingnya nilai kemerdekaan.
Biarlah wang dibelanjakan lebih sedikit pun untuk menyambut hari kemerdekaan, kerana besarnya erti kemerdekaan pada kita semua. Kerana bersatulah kita merdeka, kerana keamanan lah kita merdeka. Tapi nilai-2 murni ini tidak diterapkan lagi sepanjang Pak Lah memerintah. Kacau bilau sering berlaku, rakyat dah tak mau bersatu.
Tak tau la apa contribution Pak Lah untuk membuat rakyat bersatu semula.
Pak Lah, stop being denial. Please wake up & accept the fact the we no longer want you as the Prime Minister of our beloved country. Please step down now. Don't have to wait until 2010.
Haa... ni saya try cakap orang putih. Mana tau kot-2 Pak Lah boleh paham.

God bless you YAB Tun. Salam.

By entrepreneurAuthor Profile Page on August 22, 2008 8:47 AM

Salam Tun, Kita jangan jadi seperti negara China dan India yang pada suatu ketika dijajah dalam jangka masa yang lama oleh bangsa lain, kerana mereka suka bergaduh sesama sendiri. Cina dijajah oleh Mongol lebih seratus tahun kemudian dijajah lagi oleh Manchu 1641 hingga abad ke 20 (1911). Diperkotak katikkan oleh negara barat sejak perang candu oleh British. China juga di tipu oleh Russia sehingga kehilangan wilayah sebesar wilayah Tanah Besar Asia Tenggara iaitu wilayah di utara sungai Amur. Itu belum lagi diperkotak katekkan oleh negara lain seperti Jerman dan British. Kemudian di jajah sebahagian negaranya oleh Jepun pula. Begitu juga dengan negara India yang dijajah dengan waktu yang sangat lama oleh bangsa Hun Turki dan akhir sekali bangsa Monggol. Ini kena pemerintah dan rakyatnya yang suka bergaduh dan mempunyai sifat buruk yang suka jatuh menjatuhkan bangsanya sendiri. Akhirnya kedua bangsa tersebut terpaksa merantau ke seluruh dunia. Namun akibat kesilapan lampau kedua bangsa tersebut ramai yang lebih berjaya berbanding bangsanya yang ada di nagara asal mereka.

<http://history-of-empire.blogspot.com/2008/07/insult-of-china.html>
By ajnasutionAuthor Profile Page on August 22, 2008 8:50 AM

Most people know that you're simply the best!
-aj-
By wakmes on August 22, 2008 8:57 AM

Assalamualaikum TDM. Semuga sihat sekeluarga.

Memang benar terasa begitu hambar menjelang hari kemerdekaan yang tinggal beberapa hari lagi. Seolah-olah rakyat telah hilang arah dan harapan.

Wassalam.
By caturistAuthor Profile Page on August 22, 2008 9:01 AM

Salam Tun and Bloggers.

MUST watch this videos:

<http://www.youtube.com/watch?v=sNZzZIVgWxY&feature=related>
(Part 01)

<http://www.youtube.com/watch?v=fo9fOS7VNus&feature=related>
(Part 02)

<http://www.youtube.com/watch?v=mtMPNJ38E1M&feature=related>
(Part 03)

<http://www.youtube.com/watch?v=DwGgBkQxT-4&feature=related>
(Part 04)

Good documentary, 10 Tahun Sebelum Merdeka.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN KE-51

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

By jdy on August 22, 2008 9:01 AM

Dear Tun,

Saya bersetuju dengan Tun tentang cara kemerdekaan pada tahun ini mungkin agak muram..Tetapi Tun..pagi ini saya terlihat di sebuah akhbar dimana PM sekarang tengah berdiri di dalam komuter dan melihat sendiri permasalahan rakyat..Tanpa saya sedari seolah-olah ingin menitis airmata saya melihat orang nombor satu negara sanggup bersusah payah berdiri (walau dipelawa duduk oleh rakyat yang prihatin..tetapi beliau tolak) untuk melihat dan mengalami sendiri kesusahan rakyat. Ini satu kejadian yang agak ganjil juga pada saya berlaku yang jarang dibuat oleh pemimpin lain. SEMOGA SETIAP KESUSAHAN INI ADA HIKMAH DISEBALIKNYA mungkin esok..lusa..atau marilah kita tunggu....

By atok kosas on August 22, 2008 9:01 AM

Salam Tun / bloggers;

'Because men suffer, they fight and kill one another. The innocent, who begin the fighting to defend themselves against robbers and murderers become robbers and murderers themselves. Someone must protect them, both from what happen to them and from what they become. It is our hope that we can take upon ourselves the duty of necessary fighting and killing. We think we can be trusted".

MERDEKA.... (yg tak merdeka - minda)

By localborn63 on August 22, 2008 9:02 AM

Salam hormat Tun,

Saya akan tetap menyambut Hari keMerdekaan dan Lahir Malaysia! Jalur Gemilang adalah simbol perpaduan Negara Malaysia. Apa yng ada lagi? To basikal biru ,i like ur sense of humour! I wil hang Aab pic ths way and tht! To that so calld 'godfather'; whadaya know abt running Malaysia, share ur ideas kalau ada othertwise just zip it man! Thank you n Salam Muhibbah to you TUN M OUR TRUE LEADER N all MALAYSIANS WHEREVA YOU ARE.

O!

By atok kosas on August 22, 2008 9:02 AM

Salam Tun / bloggers;

'Because men suffer, they fight and kill one another. The innocent, who begin the fighting to defend themselves against robbers and murderers become robbers and murderers themselves. Someone must protect them, both from what happen to them and from what they become. It is our hope that we can take upon ourselves the duty of necessary fighting and killing. We think we can be trusted".

MERDEKA.... (yg tak merdeka - minda)

By K-peng Da Gretto on August 22, 2008 9:03 AM

Salam Ayahanda Tun,

Memang benar apa yg Tun katakan bahawa sambutan kemerdekaan tahun ini suram. Jalur gemilang tidak dikibarkan oleh rakyat spt tahun2 sebelumnya. Pun begita, Pak Lah masih lagi tidak faham mesej2 tersurat dan tersirat yg ditunjukkan oleh rakyat Malaysia.

Namun saya berdoa rakyat Malaysia masih bersatu padu dan hidup harmoni berbilang bangsa walaupun

ada sesetengah pihak telah dan sedang mencuba meniup api perkauman sejak kebelakangan ini.

K-peng Da Gretto

KSAH '96

By hijaumuda on August 22, 2008 9:03 AM

Salam Tun & semua.

Saya org Ipoh. Kat kawasan tempat tinggal saya ni belum ternampak lagi ada yg naikkan Jalur Gemilang.

Tapi kat sebuah SRJK (CINA) kat sini, nampaknya tahun ni penuh sekeliling sekolah tu dihias dgn Jalur Gemilang..besar2 plak tu. Wah!! Happy betul diorang sambut MERDEKA tahun ni ya. Ngeh Koo Ham & Kit Siang yg support kot.. :(

By aiwguy on August 22, 2008 9:06 AM

Salam Tun, semuga tuan dan keluarga sentiasa dilindungi Allah awt.

Saya setuju benar dengan kata hati yang Tun luahkan.

Dari penelitian saya banyak tanda-tanda kemuraman rakyat yang ditunjukkan menjelang sambutan hari kemerdekaan kali ini. Ini merupakan protes secara senyap yang ditunjukkan oleh mereka dengan mesej jelas ianya perlu ditangani segera oleh kerajaan. Kita melihat:

1. Tidak ramai rakyat yang sudi mengebarkan jalur gemilang samada di kereta atau di premis mereka. Berbeza dengan tahun2 lepas.
2. Sambutan terhadap MAHA jauh merosot daripada yang dijangkakan walaupun tempohnya dipanjangkan. Menteri meramalkan 2 juta pengunjung tetapi yang hadir tidak sampai 1 juta. Walaupun tempohnya pameran dipanjangkan sekali ganda dari tahun lalu.
3. Tidak ramai rakyat yang mengunjungi pertunjukkan bunga api tahun ini. Mereka lebih senang duduk dirumah atau pergi lain tempat membawa keluarga.
4. Lebih malang lagi semakin ramai rakyat yang telah meninggalkan UMNO samada menyertai parti lain atau pun tidak.
5. Banyak majlis-majlis yang dianjurkan UMNO sudah tidak mendapat sambutan. Kedatangan wakil rakyat sudah tidak dipedulikan kecuali mereka yang ada kepentingan.
6. Ahli-ahli UMNO sudah hilang jati diri. Kalau dulu suara mereka lantang menegakkan dan memperjuangkan sesuatu isu untuk kebaikan rakyat tetapi kini suara mereka sepi, suara mereka sudah suram dan tenggelam, kewibawaan mereka sudah diperlekehkan.
7. Sekarang ahli-ahli parti pembangkang lebih berani dan lebih lantang. Mereka lebih menonjol dan kedepan untuk menunjukkan mereka juara.

Ini merupakan petanda buruk kepada UMNO. Suatu tindakan yang drastik walaupun tidak popular mesti dilakukan untuk menyelamatkan UMNO dan orang Melayu khususnya. Rakyat sudah hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap UMNO. Cuma mereka masih belum menunjukkan sokongan jelas kepada parti pembangkang. Andainya pemimpin sekarang masih leka dengan mimpi mereka dan tidak melakukan sesuatu perubahan segera saya menjangkakan kekuatan dan keutuhan bangsa Melayu sedang menuju kehancuran.

Saya yakin Tun menyedari keadaan ini. Saya yakin Tun masih sayangkan UMNO dan tidak mahu Melayu tewas dengan cara begini. Tun boleh melakukan sesuatu berdasarkan maklumbalas ramai kami sangat memerlukan kepimpinan Tun.

Teruskan berjuang Tun.

By hajiman ibrahimAuthor Profile Page on August 22, 2008 9:11 AM

Ybgh Tun,

ialah, kita dah merdeka ke ? Ada segolongan rakyat yang dipelawa menjadi warganegara memang boleh merasakan dan merayakan merdeka tapi segolongan lagi yang pernah memiliki negara ini , tidak sepenohnya merasa merdeka, sebaliknya terancam adalah.

Jadi enau dalam belukar, kalau itu prinsip kita mungkin kita boleh lah merdeka.....tapi kalau kerana bangsa, ugama dan negara mungkin tak sangat rasa merdeka kot ??????

Doakan kesejahteraan dan kebahagiaan Tun.

By lebaikudin on August 22, 2008 9:15 AM

Salam Tun fellow bloggers,

To Anba,

1.To which country are you comparing Malaysia with?You name me a country where you build temple anywhere ie under tree,on roads,caves,government land and retaliated when given another land for relocation.I believe not even in India my friend.

2.Tell your fellow HINDRAF use the same energy to gather all the gangsters to educate,plan,seminar,courses or organise loan for business

Keep in touch

Wassalam

By Carl Heinze on August 22, 2008 9:16 AM

Dear Tun,

Berita tergepar yang baruku terima mengatakan bahawa:

Hatiku ini telah hampir mati
kerana bila kupanggil tidak bersahut lagi
dan hatiku ini juga telah tiada rasa
kerana bila kuucap tidak menjawab

Oh!

Alangkah siksanya badan
menjadi tidak keruan
membuatku penasaran
kerana tiada lagi berperasaan
untuk menjadi pedoman
lantas tak tersuluh lagi jalan di hadapan

Kacau!

Semuanya gawat
bila kutahu akan hakikat
bahawa hatiku ini telah pergi
meninggalkan jiwaku tanpa kata-kata
membiarkan ragaku terus tertanya-tanya

Aduhai!

betapa kosongnya watanku tanpamu
laksana kapal tanpa layar
umpama pistol tanpa peluru
seperti harimau tanpa taring
membuatku sering sakit dan pening

Maafkanku wahai hati
maafkanlah diriku yang hina ini
kerana kini baru kumengerti mengapa kau pergi
kau telah kecewa denganku
yang membiarkan nafsu beraja dimata, bersultan dihati
yang membuat kau jadi busuk hati
yang menyebabkan kau dicaci tiada berhati perut dan buta hati
maafkanku

Oh hati!
pulanglah kau kepadaku
hiduplah kembali disisiku
sesungguhnya aku amat merinduimu
dan tertunggu-tunggu akan kepulanganmu
akan kusambut kau dengan kewarasan
akan kusalut kau dengan keharuman
akan kusiram kau dengan keimanan
agar hidupku tidak lagi menurut kata hati
tetapi lebih berhati-hati
dengan rasa hati yang berilmu
dan di awasi mata hati yang penuh kebijaksanaan.
By RMANAuthor Profile Page on August 22, 2008 9:16 AM

Salam Tun,

Saya saya sekeluarga menyambut hari merdeka yang ke-51 tahun ini.. dengan bermacam2 ragam dan karenah politik dan arus kegawatan ekonomi, tapi yang pelik, kenapa harga minyak kejap kata akan diturunkan pada 1 Sept seperti kata pak lah, balik2 menteri yang terlibat harga minyak akan dikekalkan sehingga penghujung tahun ini? yang mana satu yang betul ni Tun?

Lepas tu kita semua tertunggu2 belanjawan yang akan di bentangkan pada 29 Ogos ni... hmm turun ka tak turun ni? kan lebih senang baik dia saja yang turun.. kalau susah sangat nak buat keputusan.. betul tak? Delima menyambut medeka kali ni kerana kami keliru sama ada patutkah kami mengisi minya pada 30-31 Ogos ni.. memandangkan harga minya dijangka turun pada 1 sept?

Harap2 belanjawan kali ini ada lah sikit buat kami sebagai buah tangan untuk menyambut bulan ramadan ni.. Dan bagi pengusaha minya mereka juga sendang keliru dan dijangka stok minya mereka akan kehabisan menjelang 1 sept kerana orang ramai akan sekali lagi berpusu-pusu pengisi minyak bila kerajaan mengumumkan harga minyak turun dan kemungkinan menjelang 31 Ogos orang ramai akan berhenti dari mengisi minyak kerana berharap dan menjangkakan pada 1 sept harga minyak akan turun. Dan ini membuatkan perayaan menyambut hari kebangsaan yang ke-51 tidak akan semeriah seperti 50 tahun dahulu seperti yang Tun katakan.

Harapan kami sebagai rakyat mahu melihat Malaysia seperti pada zaman-zaman era kegemilangan di mana ada saja projek Mega yang menjadi kebanggaan di serata dunia.. bukan projek mega yang menjadi beban dan membawa keuntungan pada sesetengah pihak dan negara sahaja..

Akhir sekali saya sekeluarga ingat mengucapkan jutaan terima kasih buat Tun atas jasa dan usaha Tun selama ini yang membawa Malaysia maju seperti sekarang. Kami sememangnya berharap agar PakLah dapat melakukan sesuatu yang lebih dari apa yang Tun lakukan, Tetapi sayang seribu kali sayang selepas ini kami rasa tidak akan berpeluang untuk melihat pemimpin agung seperti Tun dan perdana menteri yang lepas muncul dan membawa Malaysia semula ke arah kemajuan dan kemakmuran.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-51...

Salam mesra,

By kamarul on August 22, 2008 9:18 AM

Salam Tun and fellow bloggers,

Pada saya, terbalikkan bendera malaysia tu, memang tak patut. Sebab Malaysia tak salah ape2.

Yang patut kita terbalikkan adalah bendera BN or UMNO. Baru betul. Sebab puak2 dalam BN and UMNO yang buat "cempeta" negara.

Hangin betul aku....

Thanks.

Ex-UMNO member.

By mredz on August 22, 2008 9:24 AM

MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!

SELAMAT MENYAMBUT HARI MERDEKA RAKYAT MALAYSIA!!!

SEMOGA ALLAH SWT MEMBERIKAN KEKUATAN DAN SINAR HARAPAN DARIPADA BELENGGU KEKUSUTAN YANG DI ALAMI DI NEGARA BUMI BERTUAH INI...AMIN

TUN, YOU'RE THE BEST LEADER FOREVER...

By atisamsudin on August 22, 2008 9:28 AM

Tun and Bloggers,

Let s do something big.Enough said, it s time to act. For the sake of our children.

By danielsdb on August 22, 2008 9:29 AM

Tun, if Tun didn't mention we all still don't know Hari Kebangsaan is approaching....Thankyou Tun for reminding us. This morning on my way to work from Klang to Dsara, I really swear that I didn't see a single car with Jalur Gemilang. What occupying our minds nowadays no more on celebration & festivals, but merely whether we will trap again in heavy traffic jam due to police blocks, our vehicle fuel indicator hoping it erect as long as it can, where to get cheaper food for lunch and dinner, where to park our cars this weekend when we are out somewhere, which shortcut to take to avoid jam, how to make extra cash, all about \$\$\$\$.

My friend told me a joke on what will happen to Malaysia if our current PM still maintain and do damage to our country, FUNNY but truthful in a sense :

3 PMs pass awayed.....Malasia PM, Britain PM, Australia PM....so all of them go to HELL.....upon arrival, 3 of them at once ask for the same request, all of them want to make urgent call to their respective countries.....

(i) Britain PM....1st to make the call, he called his deputy and tell him to immediately burn all his personal files in his office. The hell administrator charge him USD1,000 per minute

(ii) Australia PM....worry about the cost, and ask how much, the hell administrator said Australia more expensive, USD10,000 per minute. This doesn't stop him from calling his family as he miss them so much, so he call and spend 10 minutes on the phone

(iii) Malaysia PM....without asking straight away make a call back to Malaysia to talk to his son in

law.....for 45 minutes.....after the call he ask "How much my government owe you? I will ask them to direct transfer to you !"....the hell administrator answer, "No Need To Pay, We Don't Charge For Local Call !! ".....

By pujangga7Author Profile Page on August 22, 2008 9:33 AM

A'kum Tun & pembaca2 blog Chedet,

SELAMAT HARI KEMERDEKAAN SEMUA!

Pada tahun 2000 saya telah dihantar ke Beppu city di Jepun untuk tugas rasmi syarikat. Beppu City adalah satelite city kepada Oita dan berada di pulau paling selatan negara Jepun iaitu Pulau Kyushu. Walaupun dalam kategori "remote" tetapi Beppu city terkenal sebagai pusat air panas negara matahari terbit tersebut. Yang saya rasa terharu adalah ketika saya makan malam disebuah kedai makan "samurai restoran". Ada seorang pelanggan tempatan yang bertanyakan negara asal saya kerana jarang melihat warga asing di situ. Kerana masalah bahasa, lelaki itu bertanyakan hos saya yang menjadi penterjemah "tidak rasmi". Apabila mendengar saya dari Malaysia, terus terdengar lelaki itu menyebut Mahathir. Saya hairan bagaimana seorang pemimpin dunia ke3 boleh terkenal di pedalaman Jepun?. Mereka cukup kagumi Tun sebagai pemimpin yang dinamik.

Saya sedih kerana Malaysia hari ini sudah hilang momentum untuk maju ke depan. Rakyat tidak lagi memberi kepercayaan kepada pemimpin sedia ada kerana pentadbiran yang lemah. Wujud unsur2 lain yang mengambil kesempatan memainkan hal2 berkaitan melayu dan islam. Mood rakyat juga telah dirosakkan oleh isu2 politik yang tidak reda, harga minyak & harga barang. Hala tuju ekonomi negara juga tidak diketahui kerana tidak kedengaran lagi pelbagai koridor dan projek2 yang dibatalkan.

Pada hari kemerdekaan ke 51 nanti sama2 lah kita sebagai rakyat Malaysia beriktizam menjadikan Malaysia lebih baik lagi. Seperti kata Tun kita kena "stand up and be counted". Ajaklah kawan2, keluarga dan saudara mara bersuara supaya pendapat dan masalah dapat didengar oleh orang2 politik.

Regards,

<http://www.my-security-at-home.com>

By babwahid on August 22, 2008 9:35 AM

Salam hormat Tun,

Jauh di sudut hati saya berkata , untuk apa lah nak mengebar jalur gemilang , kalau kehidupan rakyat di bendung dengan harga barang barang yang mahal . Dimana kegemilangan nya...

Walau pun ia di kata menyambut ulang tahun kemerdekaan negara, alhamdulillah negara kita tidak lagi terjebak dalam kanca peperangan. Cuma kita berperang dengan harga bahan bakar yang tinggi, kita di belenggu dengan harga barangan keperluan harian yang mahal. Kerajaan konon akan menyimak semula harga minyak 1hb.Sept nie.

berikutan harga minyak mintah di pasaran dunia sudah turun. Apakah jika kerajaan dapat menurunkan harga minyak, harga barangan keperluan harian turut di turunkan. harga roti 400gr untuk sarapan pagi bulan lalu RM2.30 sekarang dah naik RM2.70, yang berharga RM2.90 kini dan RM3.60 . Harga Ikan temenung sekilu RM6.00 sekarang dah jadi RM10.00 hingga RM12.00 . Boleh kah kerajaan turunkan kembali harga harga gila seperti ni . Makna nya nanti kalau harga minyak di turunkan, para peniaga akan mengaut keuntungan yang berlipat ganda.

Sekian..

By men_eater on August 22, 2008 9:35 AM

Salam Tun.Saya merupakan salah seorang rakyat malaysia yang amat mengagumi TUN.lahir pada 1980,saya membesar semasa dalam kepimpinan TUN.Saya sentiasa memndang tinggi TUN sehingga lah baru-baru ini di mana perasaan tersebut seperti berkurangan. Saya bersetuju PM sekarang patut letak jawatan, atas sebab ketidakupayaan menjadi pemimpin yg berkaliber. Walaubagaimanapun, saya

tidak bersetuju dengan cara tun menyerang PM, sejak akhir-akhir ini dimana nampak seperti tidak seperti TUN yang saya sanjungi dulu. Hujahnya tidak jitu dan bernas. Hinggakan blogger yg ingin terbalikkan bendera pun, TUN salahkan PM. Bagi saya, samada saya sokong PM atau TUN, perbuatan blogger tersebut memang tidak patut walau apa jua alasan. Diharap TUN akan sentiasa seperti tun yang saya sanjungi dimana setiap kata-kata bernas, kerana jika tidak, usaha TUN untuk mendesak PM letak jawatan (yg mana saya sokong) sama tak ubah seperti usaha DSAI untuk menjadi PM.

By ir.miringila on August 22, 2008 9:38 AM

Assalamualaikum Tun,

Saya merasa berbangga dapat mengenali seorang Melayu yang macam Tun. Saya berpendapat segala tulisan Tun di dalam blog Tun seharusnya di cetak dan diedarkan kepada orang ramai yang buta IT dan tidak mampu memiliki komputer apalagi internet jalur lebar. Ini adalah penting dalam usaha untuk menyemarakkan pemikiran rakyat dgn membaca pendapat-pendapat Tun dalam segala hal yang timbul. Saya harap perkara untuk menyebarkan risalah blog Tun dalam versi bercetak mendapat perhatian Tun. Saya sendiri terfikir kadang-kadang untuk mencetak dan menjualnya di kedai-kedai, gerai-gerai dan lain-lain lagi tanpa ada agenda untuk mengambil untung cuma untuk meluaskan lagi penyampaian idea-idea Tun kepada masyarakat. Namun saya mengharapkan persetujuan Tun. Tun boleh menghubungi saya.. bila-bila masa 24/7

By reimy on August 22, 2008 9:43 AM

Assalamualaikum

1. Pada saya tindakan menterbalikkan Jalur Gemilang mmg tindakan biadap dan tidak menghormati negara.
2. Malaysia bukan seperti Pakistan atau lain2 negara yang bergolak hingga perlu protes atau tunjuk perasaan. Jalur Gemilang diterbalikkan pada waktu negara akan menyambut ulangtahun kemerdekaan yg ke 51 amatlah memalukan.
3. Bendera kita adalah maruah kita, jatidiri kita. Kita marah bila Jalur Gemilang dibakar oleh penunjuk perasaan di Indonesia beberapa tahun lalu. Tapi kini kita ingin mengibarkannya terbalik pada waktu sambutan ulang tahun kemerdekaan.
4. Jangan cemarkan kemuliaan Jalur Gemilang hanya kerana perasaan tidak puas hati. Anak2 kecil akan bertanya kenapa ianya terbalik, dan apa yang perlu dijawab? adakah kita akan beritahu ianya tanda protes!
5. secara peribadi saya akan merasa amat malu jika perkara ini memang berlaku.
6. Ramai atlit akan menangis bila bendera mereka dinaikkan dan lagu kebangsaan dimainkan sewaktu sukan Olimpik walau apa pun negara yang mereka wakili dan keadaan dalaman negara mereka. Pasti kejayaan mereka diserahkan pada negara dan bukan hanya utk diri sendiri.
7. Adakah ramai rakyat telah putus harapan, merasakan mereka akan terseksa atau mati dgn keadaan negara sekarang. Inikah yang dikatakan merdeka? Mana jatidiri?
8. Marilah kita melihat sambutan kemerdekaan dengan perspektif yang lebih luas. Matangkan fikiran dan jgn ikut perasaan. Tolonglah jaga kemuliaan Jalur Gemilang.

By petunjuk on August 22, 2008 9:48 AM

Dear Tun,

I agree with you that the "Merdeka Spirit" is not in the air at this time of the year unlike previous years. Most people have lost the joy of celebrating "merdeka" due to the overwhelming incidences and challenges that surrounds their daily life. Malaysia is a matured nation and Malaysians from various backgrounds should understand the needs and challenges of a multi-racial country and avoid creating tension amongst different races. Read our lips and listen to the whispers of the heart and souls of the majority of the Malaysian population. Give us a break and return the norm that we are used to. May ALLAH bless Malaysia with a righteous leader to lead this country as stated in the following verse of the Quran :

"Allah has promised, to those among you who believe and work righteous deeds, that He will, of a surety, grant them in the land, inheritance (of power), as He granted it to those before them; that He will establish in authority their religion, the one which He has chosen for them; and that He will change (their state),

after the fear in which they (lived), to one of security and peace: `They will worship Me (alone) and not associate aught with Me.' If any do reject Faith after this, they are rebellious and wicked". (Surah An-Nur, verse 55).

By hafidzr on August 22, 2008 9:48 AM

Salam Tun,

Saya bersetuju dengan Tun. tak nampak langsung kemeriahan bulan kemerdekaan pada tahun ni. Muram. Lesu. Tak bermaya.

apa apa pun,

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke 51 kepada Tun dan keluarga dan kepada seluruh rakyat Malaysia yang masih mencintai negara ini dan tahu menilai erti kemerdekaan.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

By penukulAuthor Profile Page on August 22, 2008 9:49 AM

assalamualaikum,

Merdeka!!! satu kata keramat yg ada semangatnya..tapi apa maknanya merdeka jika jiwa kita terbelenggu tidak happy,resah gelisah memikirkan utk meneruskan kehidupan.

Setuju th 2008 sambutan kemerdekaan ke 51 mmg suram.Hanya 1-3 buah rumah saja yg memasang bendera jalur gemilang.Semangat dh hilang,macam ada sesuatu yg terbuku di jiwa.

Harus di ingat merdeka bukan bermakna merdeka selamanya.la harus di pertahankan hingga kiamat.Kalau kita kaji senario politik negara ,ada cubaan utk memecahkan perpaduan kaum.Fikirkanlah.

wassalam.

paklah mcm gusdur-pemimpin yg harus di pimpim utk turun.

By annasamat on August 22, 2008 9:50 AM

TUN YANG DIKASIHI...

SELAMAT MENYAMBUT HARI MERDEKA :-)

By warisan melayu on August 22, 2008 9:51 AM

Salam Tun..

Happy Merdeka Days!

Marilah kita ramai-ramai menghayati, mengamati dan menghalusi setiap detik dan erti kemerdekaan.

By Iffie.Che.IdrisAuthor Profile Page on August 22, 2008 9:52 AM

Assalamualaikum Tun,

Kami (rakyat Malaysia) amat-amat menderita ketika ini dalam menghadapi kenaikan harga barang-barang keperluan yang melampau, harga bahan bakar yang tak munasabah, cubaan mencabuli persefahaman dalam hal-hal beragama oleh segelintir pihak yang merasakan kumpulan mereka itu sangat arif dalam selok-belok undang-undang, jenayah yang berleluasa, PM yang tidak peka, dan berbagai segala macam kegilaan kehidupan. Sukar untuk meluahkan semuanya, ianya terbuku di hati setiap rakyat Malaysia. Sebab itu kami tidak sempat teringat akan ketibaan hari kemerdekaan 31 Ogos ini. Mungkin juga pemimpin-pemimpin sedang sibuk membuat persiapan pemilihan parti masing-masing dan mungkin juga kerajaan hendak berjimat wang. Kalau kerajaan terlalu berjimat wang, maka kuncuplah

ekonomi.

Tun,

Seolah-olahnya, ekonomi kita seakan-akan terhenti pengembangannya. Industrial Master Plan tidak bergerak lagi, malah kita kembali ke belakang semula di mana kita berhasrat untuk menjadi pengeluar komoditi sahaja. Pelaburan asing semakin berkurangan. Kita semakin tidak berdaya maju.

Kami terlalu sibuk memikirkan cara menghadapi kesukaran hidup. Nak pasang bendera di kereta pun tak teringat. Rasa-rasanya cuti kali ini baik duduk di rumah sahaja, tak perlu membawa keluarga ke mana-mana dataran untuk menyaksikan detik-detik 31 Ogos lagi. Bukan kami tidak patriotik, tapi kerajaan rasa-rasanya sudah tidak pedulikan kami lagi.

Buat kerajaan, kalau kamu semua hendak berkuasa lagi, teruskanlah, biarkan kami menderita....pandai-pandailah kami menguruskan hidup sendiri. Belilah Mercedes, mainlah golf, lepaklah di hotel-hotel mewah, melanconglah ke luar negara, sambutlah kemerdekaan negara lain...biarkan kami susah.....

By Tanahtumpah on August 22, 2008 9:54 AM

> Kenapa kerajaan sekarang ini telah membuat tindakan untuk menyusahkan hidup saya.

> Nak ambil rebat RM625 perlu pergi Pejabat Pos. Sampai sana terpaksa pula ambil nombor giliran, dan hampir ke nombor giliran komputer off-line!!!!

> Kenapa saya perlu mengharungi semua ini? Saya berasa seperti berada disatu zaman yang serba kepayahan yang teramat.

> Saya lihat diri saya serta mereka yang beratur bersama seperti didalam satu barisan orang-orang susah atau seperti tawanan perang yang tiada daya-upaya untuk mengubah nasib dan sangat berharap simpati dari pekerja-pekerja Pejabat Pos supaya dapat memberi sedikit-sebanyak pertolongan untuk meneruskan kehidupan saya serta anak-anak saya.

> Sungguh malang keadaan ini diwujudkan secara paksa oleh pihak pemerintah yang ada sekarang.
By WHY BEE BANGI on August 22, 2008 9:55 AM

Salam Tun,

Dah pasang 2 jalur gemilang kat rumah. Semalam janji nak terbalikkan salah satu darinya. Tak jadi. Isteri marah. No no no..... bukan takut bini, bukan takut polis. Pak lah? jauh sekali. Diorang tak takut kat saya. Ada yang cadangkan kita gantung saja PakLah. Saya setuju. Tak kiralah gantung kaki ke, tangan ke, ketiak ke, misai ke. Gantung gambar dia terbalik pun bisa.

Merdek..... apasal sunyi jek?

Wassalam.

By aiwguy on August 22, 2008 9:58 AM

Salam Tun, semoga tuan dan keluarga sentiasa dilindungi Allah awt.

Saya setuju benar dengan kata hati yang Tun luahkan.

Dari penelitian saya banyak tanda-tanda kemuraman rakyat yang ditunjukkan menjelang sambutan hari kemerdekaan kali ini. Ini merupakan protes secara senyap yang ditunjukkan oleh mereka dengan mesej jelas ianya perlu ditangani segera oleh kerajaan. Kita melihat:

1. Tidak ramai rakyat yang sudi mengebarkan jalur gemilang samada di kereta atau di premis mereka. Berbeza dengan tahun2 lepas.

2. Sambutan terhadap MAHA jauh merosot daripada yang dijangkakan walaupun tempohnya

dipanjangkan. Menteri meramalkan 2 juta pengunjung tetapi yang hadir tidak sampai 1 juta. Walaupun tempohnya pameran dipanjangkan sekali ganda dari tahun lalu.

3. Tidak ramai rakyat yang mengunjungi pertunjukkan bunga api tahun ini. Mereka lebih senang duduk dirumah atau pergi lain tempat membawa keluarga.

4. Lebih malang lagi semakin ramai rakyat yang telah meninggalkan UMNO samada menyertai parti lain atau pun tidak.

5. Banyak majlis-majlis yang dianjurkan UMNO sudah tidak mendapat sambutan. Kedatangan wakil rakyat sudah tidak dipedulikan kecuali mereka yang ada kepentingan.

6. Ahli-ahli UMNO sudah hilang jati diri. Kalau dulu suara mereka lantang menegakkan dan memperjuangkan sesuatu isu untuk kebaikan rakyat tetapi kini suara mereka sepi, suara mereka sudah suram dan tenggelam, kewibawaan mereka sudah diperlekehkan.

7. Sekarang ahli-ahli parti pembangkang lebih berani dan lebih lantang. Mereka lebih menonjol dan kedepan untuk menunjukkan mereka juara.

Ini merupakan petanda buruk kepada UMNO. Suatu tindakan yang drastik walaupun tidak popular mesti dilakukan untuk menyelamatkan UMNO dan orang Melayu khususnya. Rakyat sudah hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap UMNO. Cuma mereka masih belum menunjukkan sokongan jelas kepada parti pembangkang. Andainya pemimpin sekarang masih leka dengan mimpi mereka dan tidak melakukan sesuatu perubahan segera saya menjangkakan kekuatan dan keutuhan bangsa Melayu sedang menuju kehancuran.

Saya yakin Tun menyedari keadaan ini. Saya yakin Tun masih sayangkan UMNO dan tidak mahu Melayu tewas dengan cara begini. Tun boleh melakukan sesuatu berdasarkan maklumbalas ramai kami sangat memerlukan kepimpinan Tun.

Teruskan berjuang Tun.

By revolutionist on August 22, 2008 9:59 AM

Ku kini tidak rasakan hari kemerdekaan kita seperti yang lalu.

Jika dulu sungguh tak sabar ku menanti.

Tapi kini ku lebih rela cuti aidilfitri.

Apa erti hari merdeka jika rakyat tidak merdeka hak-hak mereka?

Ingin saja ku gunakan ilmu-ilmu larangan jika mereka ini buta jiwa, buta mata, buta hati.

Buta Kayu!

By DETFOREVER on August 22, 2008 10:02 AM

Salam Sejahtera buat Tun,

kata-kata Tun semuanya benar belaka, Pak Lah tidak pernah muhasabah diri dan tidak peka atas apa jua yang berlaku, semuanya dijawab sambil lewa, tidak serius, semuanya tak pa dan bak kata orang utara lama-lama tinggal cerpa! Adakah rakyat akan menanggung semua ini hingga tahun 2010? (Tahun dimana Pak Lah akan step down, kununnya la)

Saya amat risau pada generasi akan datang, kepada anak dan cucu saya nanti jika perkara ini tiada kesudahannya. Apa-apa pun, salam sejahtera dari saya sekeluarga buat Tun, moga Allah panjangkan umur Tun dan moga sihat selalu, AMIN...

By putera81 on August 22, 2008 10:07 AM

Assalamualaikum Yang Amat Dikasihi Ayahanda Tun serta bonda Siti

Benar seperti yang ayahanda jelaskan, negara kita sekarang dilanda suram tiada lagi sinar cahaya

KEBEBASAN dan KEMERDEKAAN pada setiap hari-hari yang dilalui. Anakanda melihat ini disebabkan oleh beberapa aspek yang mungkin tidak dipersetujui oleh sesetengah orang. Ada alasannya kenapa suasana kemerdekaan samasiah lagi tidak dirasai walaupun hanya tinggal 9hari sahaja lagi. Jika wanita mengandung, memang sudah sarat benar ketika ini!

1. Kebebasan tapi bukan bebas berdemokrasi

Negara kita sekarang amat terikat dengan konsep Kedaulatan Undang-Undang. Memang tidak pernah saya nafikan kita sebagai rakyat perlu patuh kepada segala peraturan yang dibina demi kemakmuran negara dan masyarakat. Tapi bagaimana pula dengan peraturan yang dibina atas pengabaian terhadap konsep Demokrasi. Tiada lagi kebebasan untuk bersuara di umum. Kita tidak bebas untuk menegur hatta lagi mengutuk kepimpinan tetinggi negara. Semuanya kerana kedaulatan undang-undang ISA. Benar seperti kata ayahanda Tun, kita diibaratkan berada di negara Polis. Takutkan polis. Nampak polis terus tarik tali pinggang atau pakai topi keledar. Ini kerana kita lebih takutkan polis dari undang-undang itu sendiri. Jadi apalah maknanya kedaulatan undang-undang? Lebih baik ditukarkan kepada kedaulatan polis! Jika anakanda luahkan pernyataan ini di kaca televisyen dan bukan di blog ini, anakanda pasti, paling lewat esok anakanda sudah ditahan polis kononnya kerana menghasut. Pemerintah sekarang pantang ditegur. Mereka maksum apatah lagi latar belakang keluarga mereka merupakan ulama besar dan alim. Tapi bukankah Islam sendiri menyatakan bahawa lman dan Takwa tidak sboleh diwarisi!

2. Kenaikan harga barang - termasuk bendera Malaysia

Rakyat sekarang diajar oleh media-media elektronik supaya berkebut di laman rumah supaya dapat menjimatkan sedikit perbelanjaan (mungkin 0.5%) jadi lebih baik lagi kalau mereka tidak membeli bendera kebangsaan yang semakin mahal. Mereka lebih rela tidak bersikap patriotik daripada perut mereka terpaksa diikat kerana belanja bulan Ogos sudah terbabas kerana membeli bendera. Lagipun apalah yang mereka dapat dengan mengibarkan bendera. Rakyat sudah diajar setiap pengorbanan mereka akan mendapat ganjaran tapi apa ganjaran jika membeli bendera. Dapat penat menggantung adalah! Tidakkah boleh kerajaan sekarang masukkan perbelanjaan membeli bendera sebagai salah satu pelepasan cukai pendapatan tahunan, sepertimana yang dilakukan atas perbelanjaan membeli buku ketika menggalakkan rakyat membaca. Anakanda percaya rakyat akan berkoyan-koyan pergi mencari dan menggantung bendera di tempat mereka kerana pelepasan cukai atau lebih tepat pengurangan cukai amat sensitif terhadap mereka. Dengan ini kita akan menikmati situasi menang-menang. Rakyat dapat pelepasan cukai yang amat membahagiakan dan negara akan "kelihatan" makmur dan bersatu, setidak-tidaknya pada zahir.

3. Pemimpin Atasan Pun Sudah Terlupa Ini Bulan Kemerdekaan

Amat jarang nuansa ini melihatkan ada iklan-iklan dari syarikat GLC tentang kemerdekaan disiarkan di kaca televisyen. Apa yang dihidangkan oleh kotak segiempat hikmat itu hanyalah konspirasi politik yang memuahkan dan kesungguhan Pak Lah untuk merampas kembali Permatang Pauh. Jadi, rakyat lebih menghayati suasana bulan Ogos ini sebagai bulan yang bakal menentukan kembalinya "dia" ke Parlimen atas belas ehsan si isteri yang turun takhta atau terlangsungnya kesinambungan politik Pak Lah & the gang! Saban hari kita dihidangkan oleh kibarang bendera parti-parti yang bertanding, bukan Jalur Gemilang.

4. Rakyat Lebih Menghargai 31Ogos Sebagai Cuti Umum

Anakanda percaya lebih 70% rakyat Malaysia kini lebih menghargai 31Ogos sebagai hari untuk mereka berehat dan berjalan-jalan. Lihatlah perbandingan ketika forum atau ceramah kemerdekaan diadakan. Berapa kerat yang hadir. Tapi apabila diadakan bunga api dan konsert, berduyun-duyun manusia dari segenap pelusuk datang. Itukan yang kerajaan kini cuba tampilkan. Bagaimana pula dengan didikan jiwa agar penghayatan tentang erti kemerdekaan sebenar benar-benar dapat diperhalusi dan dirasai oleh semua jiwa rakyat negara ini. Kalau pada tahun 2008 ini rakyat sudah tidak begitu memperdulikan tentang pengertian kemerdekaan, apakah didikan yang mereka akan warisi kepada anak cucu mereka sebagai pelapis kepimpinan negara? Bagaimana pula suasana sambutan kemerdekaan pada tahun 2020 nanti. Adakan akan ada budak-budak punk dan gothic yang akan duduk di rumah sambil menonton dokumentari sebenar tentang kemerdekaan. Rasanya mereka ini lebih suka bermain "bunga api" di lorong-lorong belakang juga di rumah-rumah tinggal. Sedihnya melihatkan tiada langsung usaha menerapkan nilai ini dalam sanubari rakyat Malaysia. Saya menyalahkan kegagalan Jabatan Penerangan

yang tidak lagi secergas dan seaktif semasa zaman pemerintahan ayahanda Tun. Apa yang mereka terangkan hanyalah berjimat dan kempen tanam sayur di laman rumah!

Ada lagi yang ingin anakanda tambah tetapi biarlah 4 perkara pokok ini yang dipateri di sini. Yang lain tu kemudianlah kerana anakanda percaya jika kerajaan memandang serius 4 perkara ini, mungkin suasana kemerdekaan dapat dikembalikan, tapi bukan pada tahun ini kerana sudah terlambat!

By RyscheClyde on August 22, 2008 10:11 AM

Bersyukur terhadap ALLAH SWT kerana MALAYSIA telah pun mencapai umur kemerdekaannya yang ke 50. Bersyukur terhadap ALLAH SWT juga kerana MALAYSIA akan mencapai umur kemerdekaannya yang ke 51 pada 31 Ogos 2008. Selama 50 tahun merdeka, negara MALAYSIA telah mencapai pelbagai peringkat yang memberangsangkan. Dalam tempoh 50 tahun itu juga MALAYSIA telah dapat menjulang namanya keantarabangsa dan kini telah pun diketahui umum oleh masyarakat antarabangsa mengenai pembangunan dan kemajuan MALAYSIA.

Kini MALAYSIA sudah hendak masuk umur yang ke 51 kemerdekaannya. Tetapi ada sedikit keistimewaan dalam mengecapi umur yg ke 51 ini. Apakah keistimewaannya?

Keistimewaannya ialah negara MALAYSIA telah dilanda oleh KORUPSI besar besaran.

Keistimewaannya ialah MALAYSIA dilihat sebagai negara yang mengamalkan "draconian law".

Keistimewaannya ialah rakyat TIDAK PERCAYA dengan kerajaan yang telah menerajui selama 50 tahun.

Keistimewaannya ialah harga barangan runcit dan keperluan NAIK mendadak, begitu juga harga PETROL.

Keistimewaannya ialah sistem pembelajaran MALAYSIA dipersoalkan, iaitu sistem KUOTA bumi putra-terutamanya kemasukan Universiti pelajar MELAYU.

Article 153 dipersoalkan. Hak hak bumiputra dan orang miskin melayu dipersoalkan.

Keistimewaannya ialah kaum bukan bumi sudah nampak perasaan dengki dan benci mereka terhadap orang melayu.

Keistimewaannya ialah semangat perkauman sudah berleluasa.

Keistimewaannya ialah orang MELAYU sendiri membenci akan orang MELAYU lain.

Keistimewaannya ialah AGAMA ISLAM sudah tidak dihormati dan dianggap sebagai penyebab utama kemunduran masyarakat orang MELAYU. Ramai muslim melayu "confuse" dengan ISLAM. Pelbagai andaian diperbuat dgn sendirinya, termasuklah pentafsiran AL-QURAN. ISLAM diguna pakai sehingga dipermain-mainkan dalam politik untuk kepentingan individu.

Keistimewaannya ialah masyarakat bukan bumiputra mempersoalkan pembahagian ekonomi-terutamanya bahagian orang melayu. Ramai diantara mereka TIDAK MAHU orang melayu "merasa" pembahagian ekonomi Malaysia. Mereka percaya ianya akan menyebabkan satu kerugian besar.

Kemerdekaan yang ke51 ini akan menjadi titik sejarah- iaitu PERUBAHAN BESAR UNTUK ORANG MELAYU- dari segi pembelajaran (sekolah hingga universiti), pekerjaan (Kerajaan/Swasta), ekonomi (gaji, perniagaan, perkilangan, import/eksport, pembinaan, dan sebgainya), tanah rizab, pertanian, perikanan, peringkat professional yang harus diberi, agama yang dianut, perlembagaan, sektor pendudukan (rumah/flat/pangsapuri/dan sebgainya yang berkaitan), khazanah negara seperti PETRONAS, FELDA, FELCRA, PROTON dan sebgainya juga.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE 51, MOGA MOGA NEGARA KITA

MERDEKA DENGAN CEMERLANG.

By bunga api on August 22, 2008 10:12 AM

apa kata kita boikot sambutan kemerdekaan kali ni?
tak payah keluar rumah, x payah pergi assembly apa2..
duduk rumah diam2..
camtu polis xleh tangkap!

By Sang KelembaiAuthor Profile Page on August 22, 2008 10:14 AM

YABhg Tun,

Saya sekadar hendak mengingatkan bahawa Hari Kemerdekaan sebenarnya sudah tidak digunakan selepas peristiwa berdarah 13Mei 1969 sebaliknya bertukar nama kepada Hari Kebangsaan atau Nasional Day dan itulah ayat yang diwartakan dan disebut dalam senarai cuti am sehingga hari ini., dia bertukar menjadi Hari Kemerdekaan semula dizaman YABhg Tun menjadi Perdana Menteri. Bolehkah YABhg Tun menerangkan kenapa YABhg Tun menukarkannya. Terima Kasih.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN@Nasional Day ke 51 tahun. Al Fatiha kepada perjuang Kemerdekaan yang beragama Islam.

By ubi kayu on August 22, 2008 10:17 AM

Salam ayahanda Tun

Saya amat sebak dan terharu apabila membaca tulisan ayahanda tentang MERDEKA ni.

Apa yang ayahanda luahkan benar-benar saya rasai ditempat saya. Kemeriahannya macam hilang dan tak terasa!

Anak perempuan saya yang berumur 3 tahun belum fasih nak sebut nama bendera kita "Jalur Gemilang" jadi dia selalu sebut "Merdeka" apabila melihat bendera Malaysia.

Mungkin dia terlalu kecil nak faham namun bagi nya Bendera kita melambangkan Kemerdekaan!

Saya sedih, adakah masa depannya akan terjamin dengan apa yang berlaku sekarang!

Untuk ayahanda tun, keluarga ayahanda dan seluruh rakyat Malaysia, saya ucapkan Selamat Menghayati Kemerdekaan Malaysia yang ke-51!

Wassalam

p/s: kat halaman rumah masih lagi tegak berdiri Jalur Gemilang yang dipasangkan tahun lepas utk menyambut Merdeka ke-50!

By azrein on August 22, 2008 10:17 AM

Salam Ayahanda Tun dan blogger semua,

Pagi tadi saya dan isteri melalui Dataran Merdeka. Saya tertanya-tanya kepada isteri kenapa tahun nie walaupun hanya tinggal 10 hari lagi sebelum sambutan hari kemerdekaan tidak terlihat semangat kemerdekaan dikalangan rakyat Malaysia. DiTV pun tidak nampak iklan-iklan kemerdekaan ditayangkan, mungkin mereka rasa masih terlalu awal.

Adakan kita sanggup mengetepikan semangat kemerdekaan kerana berlainan pahaman politik, atau kerana kita benci kepada kerajaan "Flip-Flop"? , atau mungkin setengah kita termakan janji dan cakap kosong (berkata memperjuangkan rakyat tetapi sebenarnya mengejar cita-cita sendiri dan sanggup lakukan apa saja bagi mencapai matlamat termasuk bermuka-muka dan memburukkan Negara sendiri bagi mendapat sokongan asing) "Master of Spin", atau mungkin kita pikir kita golongan "intellectuals" yg terlalu sombong untuk menunjukkan semangat kemerdekaan kerana merasakan Negara tidak berada ditahap dimana keadaannya "open society".

Adakah kita sanggup mengetepikan sambutan yg selalunya dinanti dan dihayati dengan rasa patriotic hanya kerana isu-isu politik?

Sebenarnya masih ada antara kita yg tidak ada perasaan patriotic. Masih ada antara kita yg bergelar rakyat Malaysia tetapi masih mengatakan tinggal di Negara lain lebih baik. Mengapa ada diantara kita masih mempersoalkan kesetiaan kepada Raja Melayu, Islam sebagai agama rasmi, hak bumiputera dan Melayu. Berapa ramai antara kita yg bangga dengan lagu "Negara Ku"?

Benar hari ini Negara dilanda inflasi kerana kenaikan harga minyak dunia dan kerajaan AAB dilihat sebagai lemah pentadbirannya sehingga pihak pembangkang dilihat menyokong tidakannya (umum tahu bila pembangkang menyokong tidakan kerajaan walaupun ianya ditolak rakyat maka melihatkan kerajaan itu lemah dan mudah ditawan pembangkang).

Sungguh pun kita kecewa kerana kerajaan AAB banyak tunduk kepada sesetengah pihak dan "bagi muka" untuk mendapat sokongan mereka, tetapi berdegil tidak mahu bagi muka pada kehendak rakyat (yg hendak AAB letak jawatan bagi memulih BN) malah ugut sesiapa yg megkritik, tetapi janganlah kita lupakan sambutan kemerdekaan kerana kita mesti ingat kepada pengorbanan pejuang kemerdekaan terdahulu.

Kita seharusnya meghayati erti kemerdekaan itu sendiri. Jika rakyat tidak bersatu, tiada rasa patriotic, kerajaan lemah, maka tidak mustahil kita boleh dijajah kembali.

Hujan emas dinegeri orang, hujan batu dinegeri sendiri, lebih baik dinegeri sendiri.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-51.

Wassalam.

By Chuck68 on August 22, 2008 10:19 AM

Good Morning Honorable Tun,

God bless Tun & Family shower with many many Happiness.

Kepada semua "Rakyat" Malaysia (To all fellow Malaysian).

Jangan lupa Rukun Negara kita.

Kepercayaan Kepada Tuhan
Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang Undang
Kesopanan dan Kesusilaan

Malaysia kita Rumah Kita. Walaupun ada di kalangan "Rakyat" memang tidak puas hati dengan kerajaan sekarang, 4 tahun sekali Malaysia amalkan PRU, "Rakyat" yang intellect tinggi, masa inilah kita semua membuat undi masing masing, menaruh kepercayaan kita kepada siapa yang kita undi.

Tibalah hari untuk semua "Rakyat" menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia. Janganlah menghina diri sendiri, Janganlah hina Malaysia. Kita mesti tahankan Maruah Malaysia. Buktikan kepada Orang Putih, bilangan kaum "Rakyat" Malaysia akan hidup aman - damai sekarang, esok, tahun depan & selama lama nya...Inilah Perjuangan Melayu ataupun Perjuangan "Rakyat" Malaysia...Kita semua patut bersyukur, kita semua tinggal di dalam Malaysia yang aman dan damai. Kita patut Terima Kasih kepada Tokoh tokoh pejuang Kemerdekaan Malaysia!!!!

Perpaduaan amalan "Rakyat" Malaysia Yeah....Merdeka! Merdeka!! Merdeka!!!

Terima kasih

Chuck68

By azari on August 22, 2008 10:29 AM

TDM Negarawan,

saya tidak akan terbalikkan bendera..

krn yg salah bukan negara tapi yg tadbir negara..

(saya tidak akan ludah makanan yg tidak sedap...)

tapi untuk tahun ini sy tidak dapat kibar jalur gemilang tanda protes....

sedih TDM..anak abah tanya nape tak bendera tahun ni...

saya jawab tahun ni kita protes...

...apa itu protes...abah ...

...nanti dah besar ...kamu tahu...

buat TDM...

selamat menyambut merdeka....

By d'soul on August 22, 2008 10:31 AM

Salam Tun n chedet.com fan...

Merdeka???

Merdeka ke kita tahun ni??? Macam tak je...

Sebenarnya kita baru dijajah...

Dijajah oleh Pak LahAP, anak menantu & kroni2nya...

Tiada suasana kemerdekaan untuk rakyat Malaysia...

Sambutan Kemerdekaan tahun ni elok je ditukar kepada Sambutan Penjajahan oleh Pak LahAP...

Hampeh!!!!

Kibarkan...

Kibarkan...

Kibarkan... White Flag...

By aizi on August 22, 2008 10:31 AM

Assalamualaikum TUN,

Doa saya dan keluarga agar TUN Sekeluarga sentiasa dilindungi dan dirahmati ALLAH.

Berbagai-bagai protes dibuat untuk menunjukkan rasa tak puas hati pada Kerajaan dan terutamanya Pak Lah.

1) Kempen terbalikkan bendera! tak pernah ada org buat sebelum ni.

2) Debat secara langsung antara Pembangkang dan Kerajaan? saya rasa ini lebih banyak keburukkan kepada rakyat Malaysia apabila banyak perkara-perkara yang sepatutnya tidak diketahui rakyat dihebahkan. Saya solute pada Bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh yang dapat menepis segala tuduhan-tuduhan Lim Guan Eng.

Lim Guan Eng menyebut kerajaan UMNO (sakit betul hati saya). Tak ada mana-mana Menteri pun tegur. kalau dengan TUN dulu...sampai nak bersilat jadi pendekar. Lebih teruk lagi, Pak Lah diam saja.

TUN, rakyat dah tak sanggup tunggu sampai 2010. Memang betul kata TUN, pilihanraya 2008 bukannya Pembangkang menang sebab mereka layak menang tapi lebih kepada protes rakyat tak mahukan kepimpinan Pak Lah lagi. Pak Lah inperson mungkin org yang baik tapi tak bertokoh untuk jadi pemimpin. (itu pandangan sebilangan besar rakyat Malaysia).

Semalam berita TV3 menyiarkan Paklah buat spot check kat komuter! dalam keadaan Malaysia yang kelam kabut dengan Debat terbuka, BAR council yang dah naik tochang, Anwar Ibrahim yang semakin

huru-hara..benda remeh-temeh macam tu yang jadi issue buat Paklah.

TUN, please do something. Saya dan ramai kawan-kawan sentiasa akan support apa saja tindakan TUN.

YA ALLAH selamat kan lah Malaysia.
By sktan on August 22, 2008 10:34 AM

Salam Ayahanda Tun.

For this Merdeka Celebration, The best gift to all Malaysians is the REGSIGNATION OF DOLL-LAH and CRONIES.

SACRIFIES SOLUTION: PEOPLE OF PERMATANG PAUH VOTE ANWAR IN WITH A BIG MAJORITY.
OR BETTER STILL LET BN LOSSES IT DEPOSIT, TO SHOW THAT JOKER HOW MUCH HE AND HIS
JOKERS ARE HATED BY THE RAKYAT.
(WE THINK THIS SHOULD DO THE TRICK)

Ayahanda, I know you will not agree to this, but still this is unavoidable. BN is going to lose.

Take Good Care Ayahanda, and Dont get upset.
By angelinajolie on August 22, 2008 10:39 AM

In my opinion all of us should look back at the history of Malaya. The British Rule Malaya with iron fist. During independence Tunku has no choice but to accept "The Frim" agreement towards independence. However I simply call it the agreement for the establishment of the British business enterprises. One of the deals is that if anyone of these races Malay, Chinese or Indian fight against each other all in the name of racism then the British Emperor will send in the British troops to attack any terrorist who starts the racist war of terror. To all CheDet.com bloggers the only way to understand history is to look back at the struggles of the Malaya leaders both before and after independence. The British Emperor already win the war of independence in 1957. Unfortunately the British just can't fix the mess that it has inflicted Malaya way back before gaining independence. That struggle has been left to us the new generation to fix it. However, this September 2008 I am kind of worry about the Wolfowitz Doctorine. It is a warning sign that after the British left, the American will start a new war. This war is simply called The Wolfowitz Doctorine and he is the puppetmaster of Anwar Ibrahim. To all CheDet.com bloggers be careful to cast your vote.
By Danilla on August 22, 2008 10:41 AM

Assalamualaikum Tun,
Semoga Tun dan keluarga sihat sentiasa hendaknya.

Through what I read in this Merdeka blog, all the things you said were true. But there still few things that I doubt in mind.

Sambutan kemerdekaan pada tahun ni memang ternyata muram dan memang tak ada rakyat malaysia yang berbangga untuk mengibarkan jalur gemilang pada situasi negara yang sebegini.

But there is few things that I can't agree with you.

If the people in Malaysia wants to blame the raised of petrol price for this matters, it's not worthy at all. Try to imagine what happen if the petrol get raise again next year, are we still go to do the same thing to our independece spirit next year?

But if all the Malaysian people wants to blame this to the politic people, oh yeah! I agree it so much. It's not that I'm pointing my finger to all politicians in Malaysia. Only a few of them which the people already aware of it, right? Seriously la, Pak Lah just get lost of the Malaysia Hot Chait will you? I am tired with all the gimik you showed to the malaysia people.

Yang paling saya pelik sekali, kenapa pilihan raya untuk Permatang Pauh tu di buat dalam bulan ni??? Takde bulan lain dah ke? Serabut kan kepala rakyat Malaysia je!

But Tun, mungkin juga sambutan merdeka tahun ni tak meriah dulu kerana kita sambut pada 31 Ogos dan 1 September tu dah bulan ramadhan. Mungkin rakyat Malaysia tak nak kepenatan bagi menyambut puasa pertama mereka? Ada kemungkinan ke?

Apa yang sheikh Kickdefella cadangkan tu memang saya langsung tak setuju. walaupun kita sakit hati, mata dan jiwa melihat pemerintahan kerajaan sekarang tak bermakna kita tak perlu menghormati negara dan bendera kita sendiri. Kalau perkara itu berlaku keadaannya sama dengan pengkhianat negara. walau apa pun yang berlaku dalam negara kita, tak perlulah kita untuk tunjukkan perasaan kita sebegitu rupa. Tak elok dipandang oleh rakyat asing di negara kita. Kalau kita sendiri rakyat Malaysia dah tak hormatkan negara kita sendiri macam mana dengan pelancong asing atau rakyat lain yang bermastautin ni di negara ni nak hormatkan negara kita? kita sebagai rakyat Malaysia kena ingat apa jua yang kita buat pada negara akan dinilai oleh anasir luar yang ingin menjajah kembali negara maju ni.

Anyway Tun,
Take a good care for your health Tun,
walaupun Tun bukan Perdana Menteri di Malaysia lagi namun jasa-jasa dan semangat Tun tak mungkin akan dluapkan oleh Rakyat Malaysia sendiri Tun.

You are my FAVOURITE WORLD LEADER IN PAST, PRESENT AND FUTURE, TUN DR MAHATHIR MOHAMMAD.

Salam.
By blessnation on August 22, 2008 10:43 AM

Dear Tun,

Dulu masa Tun nak lepaskan tugas, jawatan & pemerintahan pada DSAB saya, keluarga & ramai kawan2 rasa ragu2, keciwa, takut, & tak confident dengan DSAB..

Sebab pertamanya ialah kami sudah lama merasai nikmat, kesenangan & bangga jadi rakyat Malaysia dan tahu tak ada orang yang sebaik pemerintahan & leadership Tun Dr Mahathir.. Tak ada sesiapa di Malaysia ni pada masa tu & masa akan datang.. DSAI pula asyik buat perangai dan nampak banyak putar belitnya..

Tapi apa nak buat, Tun terpaksa juga lepaskan jawatan sebab Tun rasa sudah lama memegang jawatan.. Dan pada masa tu ramai orang yang tak sedar diri & rasa tak sabar nak memerintah pula dok kutuk Tun.. Walhal majority senang lenang & negara aman damai, makmur dan di hormati di seluruh dunia..

Biasalah Tun.. Dah jadi adat.. Bila sesuatu bagus, ramai orang nak pegang.. Tapi bila dah pegang habis di 'ronyeh'(orang utara kata).. Dok elok-elok jadi semua tunggang langgang.. Sekarang semuanya jadi messy & susah di control atau perbetulkan..

Yang menteri2 pula semua mana? semua sunyi sepi.. Agaknya asyik nak betulkan bahagian masing2 masing aje supaya menang.. Itu yang penting untuk periuk nasi.. Atau semua dah takut dan rasa bersalah.. Itulah.. Nak jadi Yes Man sangat...

Di rumah pula suami isteri pun sudah gaduh.. Rasa tertekan.. Budget tak cukup. Isteri kata suami bagi tak cukup, Suami kata isteri tak pandai control kewangan.. Mana nak aman? Macam mana nak makmur?..

Anak2 pula rasa sedih dan runsing.. Lama2 lari keluar hang around dengan kawan2.. Tersilap campur gang, mula berjinak dengan rokok, dadah, mat rempit & sex... Itulah banyak yang terjadi kepada remaja Melayu sekarang..

Hancur masadepan hancur negara..

Inikah Merdeka?

By mrtalang on August 22, 2008 10:44 AM

Tun,

Tahun 2008 nampaknya suram semuanya.

1. Namun, saya tetap akan mengibarkan Jalur Gemilang di pejabat dan Rumah. Saya tidak peduli apa yang dikatakan oleh sebilangan orang.

2. Walaupun kemeriahan tidak terasa berbanding sepuluh atau lima belas tahun yang lalu, saya berpendapat walau apapun yang terjadi jangan sesekali kita menidakkan sumbangan kita kepada negara.

3. Ibarat kata pepatah, marahkan nyamuk, kelambu dibakar. Tidakkah itu merugikan.

5. Negara ini memerlukan kita untuk dipertahankan. Jangan tunggu sehingga negara ini ditelanjangkan dan dimalukan lalu runtuh dan roboh baru pada masa itu sibuk pula kita untuk menegakkan bendera. Pada masa ia tegak berdiri, harus kita mempertahankan kedudukannya. Yang perlu kita lakukan, kita perlu menegur dan membetulkan kesilapan yang berlaku.

6. Cuma yang berlaku agak terbatas daya kita bilamana orang yang kita berikan amanah untuk meneruskan kepimpinan dan kemakmuran negara ini nampaknya gagal melakukan malah kelihatan mempunyai agenda yang berlainan. Maka kita sebagai rakyat biasa perlu bersuara dan terus bersuara walaupun kita terasa kita kian tidak mampu bersuara.

7. Mungkin ada cara yang lebih mudah, bilamana Tun kembali mengetuai suara-suara kecil yang berhajat besar beserta harapan yang menggunung tinggi. Suara kami tidak mungkin didengari, namun suara kami salurkan kepada TUN, dan kami menyakini kredibiliti TUN tidak pernah kurang sedikit pun dari dahulu.

8. Maka sokongan kepada TUN merupakan satu amanah dari kami kepada TUN untuk terus memastikan negara yang kita cintai ini terus bertahan.

9. Dan saya rasa TUN tidak perlu khuatir untuk mengetahui bahawa sokongan kepada TUN tidak pernah berkurangan atau sekadar bersifat membodek dan bertopengkan kepentingan peribadi.

10. Ayuh TUN dan semua.... TEGAKKAN BENDERA KITA!!!!

By Sir Taek Boon on August 22, 2008 10:48 AM

Salam,

Selepas kemerdekaan 50 tahun, kini Malaysia telah di jajah kembali, kehormatan kepada Jalur Gemilang diterbalikkan sekadar utk memberikan protes kepada pihak pemerintah yang sekarang ini kurang memberikan tumpuan kepada mereka tetapi mula bermegah2 dengan sedikit kejayaan yang di kecapi. Saya masih ingat di sergah oleh seorang guru ketika masih belajar kerana membiarkan Jalur Gemilang mencecah tanah ketika upacara menaikkan bendera perhimpunan mingguan sekolah.

Tahun ini kurang meriah, kurang dirasakan keinginan utk menyambut kemerdekaan akibat perasaan dijajah oleh pihak Kerajaan yang merupakan bangsa kaum sendiri.

Mungkin jua kerana bulan hadapan, umat Islam akan menyambut Ramadhan. Kerajaan tidak terlalu bersedia dan menyambut bulan kemerdekaan ke-51 ini. Tetapi permit-permit hiburan masih di keluarkan utk pesta sambutan dan hiburan di beberapa kelab2 malam utk sambutan malam kemerdekaan.

Merdekakah kita di bawah pentadbiran sekarang? Meminta dari kerajaan sekarang seolah-olah meminta dari pihak British dahulu, kerana perlu menubuhkan persatuan-persatuan utk mendesak kerajaan melaksanakan sesuatu. Rakyat sudah tidak bermakna?

By nizam on August 22, 2008 11:00 AM

Assalamualaikum Ayahnda Tun yang di kasihi,

saya amat terharu dengan kenyataan Ayahnda kali ni, MERDEKA MERDEKA MERDEKA....."Down pak lah"..... semoga Ayahnda sekeluarga senantiasa dalam keadaan sihat sejahtera, salam kasi dari kami sekeluarga

By truthseeker on August 22, 2008 11:03 AM

Salam kepada YAB Tun dan rakan2 bloggers,

1. Tun, apa yang menyedihkan saya adalah pengikut2 Dollah yang tidak memerdekakan fikiran mereka. Dollah dan suku-sakatnya memang ada keuntungan dengan apa yang mereka lakukan sekarang...tetapi pengikut2 tu kenapa menjadi seperti hamba abdi? Pemikiran masih tidak merdeka. Setakat makan kulit kacang sisa Dollah, lebih baik hidup bermaruah.

2. Salah seorang yang nampak macam merdeka tetapi tidak merdeka adalah menteri si shahrir tu. Dia sudah ada soalan bocor, iaitu kerajaan Malaysia akan naikan harga petrol, maka sudah tentu harga barang2 lain akan naik. Kenapa dia tidak mengambil tindakan seperti Dato Shafie Afdal dulu? Akibat daripada dia tido juga, maka pekedai betul2 main harga, walhal barang2 itu barang dalam stok, dibeli pada harga lama...tetapi kerana tidak dikawal, maka oportunis (yang tiru PM mereka) ini naikan harga sewenang2nya.

3. Saya berpendapat Dollah sengaja naikan harga minyak (dia sudah menjangka Anwar akan bertanding) dan semasa berkempen di permatang pauh berjalan rancak, Dollah akan umumkan harga turun...untuk tarik pengundi!

NEGARA MERDEKA TETAPI PEMIMPIN2 MASIH TIDAK MERDEKA...MALANGNYA NASIB RAKYAT NEGARA INI.

MERDEKA ADALAH KAYA DENGAN BUDI BAHASA, PERASAAN AMAN TENTERAM DALAM HATI, BUKANNYA KAYA HARTA BENDA...LEPAS TU TIDAK TENTERAM TAKUT KENA CULIK, KENA ROMPAK...

Tun, saya bersyukur pemikiran saya sudah merdeka, walaupun tidak sepenuhnya. Tun pun saya yakin sudah merdeka dari segi hati dan fikiran, itu sebabnya Tun selamba je melahirkan perasaan dan buah fikiran, tanpa takut apa orang lain berkata. Tetapi Tun tidak 'tembak' sesuka hati kerana semuanya berlandaskan fakta.

By Nazirul HazimAuthor Profile Page on August 22, 2008 11:06 AM

Dearest Tun,

Saya baru balik dr kampung saya di Pekan, Pahang.

Pekan meriah dgn Jalur Gemilang.

Begitu juga dgn bandar jiran, Kuantan.

By osrieAuthor Profile Page on August 22, 2008 11:11 AM

Kesejahteraan buat Tun..
(dan seluruh warga blog)

Seperti yang di katakan oleh sdr Mohamed Ismail on August 21, 2008 6:40 PM
"Terbalikkan bendera tanda distress bukannya menghina...
Simbol ini diterima oleh seluruh dunia...."

Sekian..
By C-bOkAuthor Profile Page on August 22, 2008 11:15 AM

Salam Tun,

Memang nampak muram sahaja sambutan tahun ini. Kat office saya ada pasang bendera, tetapi kat row office saya tu nampaknya setakat hari ini hanya office saya sahaja yang pasang.

<http://c-bok.blogspot.com>
By double_hz87 on August 22, 2008 11:19 AM

assalamualaikum tun...

Saya sangat tersentuh tatkala membaca rentetan tun pada hari ini. Saya berasa amat sedih dan pilu memikirkan masa depan negara kita pada masa kini. Tun, saya amat berharap dengan sepenuh hati sekiranya tun dapat melakukan sesuatu demi untuk menyelamatkan negara tercinta ini daripada terus digenggam oleh pemimin yang langsung tidak berjiwa rakyat, pemimpin yang tidak tahu keperitan yang ditanggung oleh rakyat dan pemimpin yang hanya mementingkan "orang-orang" tertentu. Tun, tidakkah boleh sekiranya tun membentuk sebuah parti baru dibawah pimpinan tun, walaupun tidak lama cukuplah jika tun dapat menjadi pemimpin untuk parti ini walaupun untuk hanya seketika. Kemudian tun dapat memilih pemimpin yang betul-betul memahami rakyat, dan saya yakin tun tidak akan "tersilap" membuat pilihan lagi pada kali ini. Saya amatlah yakin rakyat akan menyokong tun kerana pada masa kini, hanya tun dapat merubah nasib Malaysia. Tolonglah Tun....

By zaidi suhaimi gilongAuthor Profile Page on August 22, 2008 11:24 AM

Salam Tun.

MERDEKA 2008

Salam Tun.
By Kimtaei on August 22, 2008 11:32 AM

to my most respectable Tun,
thank you for your writing about 'Merdeka ke 51 tahun' and it is a very touching indeed. we're all rakyat indeed feel sad and no mood to celebrate as because our present gov not doing enough for us and our gov was blinded and act deaf for what we rakyat going through. our sorrows and bitters! they just blank talk and lies...(a leader that always lied)... can we trust them again?? i doubt that... our present gov not even want to take measures to help and to advance... (still remember Tun took us through the financial crisis) but what they have done... a very sad 'Merdeka' indeed to remember and to go through... as for me i'll still celebrate Merdeka with my children and family happily because celebrating 'Hari Kemerdekaan' is to remember what great things that our beloved previous leaders of Malaysia had contributed for us and the fights that fight for us before and not to our present leader! he and only leader can never to deserve this celebration... (special thanks Tun for the great things you have done for us and for Malaysia...with your wisdom, Tun you have made Malaysia a prosperous and success developing country ...You will be remembered forever in our brain and heart...Tun you are one greatest leader that Malaysia had...)
i feel like crying to see what is Malaysia now, our beloved country... we are heading backward under governance by DSAB...we are now very instability...what he done to Malaysia...why he won't wake up and admit his inabilities and incapables...??? why he willing to become a big black dot in Malaysia history?? why can't he just let go??? why he want to pull Malaysia down??

i still have no answers to these...??

Selamat menyambut 'Hari Kemerdekaan ke 51' dan semoga Tun sentiasa sihat. Long Live Tun...God bless you always...

By sjankanAuthor Profile Page on August 22, 2008 11:34 AM

Mudah Tun melepaskan kesalahan Tun kat orang lain, kenapa Malaysia menjadi polis state? Bukankah pada Zaman Tun jadikannya Polis state dengan meletakkan badan kehakiman dibawah Parlimen dan kemudian memberi kuasa yang tidak terhingga kepada Peguam Negara dan kemudian Tun mengawal semua orang ini.

Zaman Tun ramai tidak boleh bersuara malangnya zaman Tun reaksi tidak sehebat mana sebab media massa di bawah telunjuk Tun. Itulah yang akan berlaku sekiranya kita tamak, dan lakukan pemusatan kuasa. Kini orang yang gantikan Tun cuma ikut jejak langkah 22 tahun apa yang Tun lakukan. Kenapa Tun rasa tidak puas hati pula? Rasa diri Tun tertindas? Bayangkan berapa ramai rakyat merasakan perkara yang sama. Yang sokong Tun dalam Blog ini tidak kurang atau Bukan kaki ampu. Sebab mereka pernah mengecapi kemakmuran ekonomi , paling tidak pun mereka derita Zaman Pak Lah , jadi depa bandingkan dan katakan Tun bagus dan hebat... Pada hal mereka tidak tahu memali, operasi lalang, pemecatan Tun Salleh Abas, Pengharaman UMNO, pemecatan DSAI dan juga penaguhan pemilihan Orang NO1 dan 2 dalam UMNO dengan alasan nak jaga parti tidak berpecah.

Kini Tun cakap dengan mudah. Grow Up! dan mengaku bertanggungjawab. Saya sebenarnya sedang melihat bagaimana BN akan terkubur dalam 2 atau 3 tahun lagi. Saya yakin dan percaya Anwar tidak akan jadi PM dan BN tidak akan tumbang melainkan ombak rakyat merusuh dan menamatkan rejim BN . Exco Perak ditahan begitu cepat sahaja. Tapi indeks rasuah dan laporan morgon stanley nyatakan banyak sangat rasuah. BPR di beri kuasa untuk menahan pembangkang sahaja?

Apa-apa pun negara kena meneruskan perjuangan. Kesilapan rakyat mmilih TUN telah menyebabkan kini negara menderita dan diharap penderitaan ini tidak berpanjangan.

Tun Tak Layak sambut Merdeka kerana Tun ini penjajah yang bunuh demokrasi, mencemarkan perlembagaan, dan juga orang yang menodai hak asasi.

Arikel ini boleh dikomen di:-

sjankan

www.chedet-unlimited.blogspot.com

By ANAK-DAMIT on August 22, 2008 11:39 AM

WALAU PUN MULUT TELAH DI TUTUP DAN APA YANG TERDAPAT DI DALAM HATI TERTAMBAT...TAPI TANGAN KITA MASIH BELUM DI IKAT..TUNJUKKAN PAK LAH PATUT MELETAK JAWAPAN..SEKARANG SAYA TELAH MENGUMPUL SEBERAPA UNDI YANG BOLEH..

www.afundi-paklah.blogspot.com

By madam rAuthor Profile Page on August 22, 2008 11:41 AM

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yg ke 51 buat Tun dan semua rakyat Malaysia.

By cucujebat on August 22, 2008 11:42 AM

Saya adalah kakitangan disebuah jabatan yang menyemarakkan pengibaran JG.Tapi tahun ni memang malap sambutannya.JG tidak lagi berkibar megah.Kita tidak lagi berbangga untuk melihat kibaran JG dibandar-bandar.Ini kerana kedai-kedai tidak dihiasai dengan JG seperti tahun-tahun terdahulu.Mana kesedaran masyarakat bandar?Mana peranan PBT?Walau apa sekalipun kempen memasang JG terbalik memang keterlaluan dan KURANG AJAR.Patriotisme,Nasionalisme lebih bermakna jika ketepikan soal politik.Jangan jadi masyarakat yang tidak bertamadun dan KURANG AJAR.... Salam Kemerdekaan untuk SOHOCA sesi 1978-1987.

By JuneAuthor Profile Page on August 22, 2008 11:44 AM

Tun,

You absolutely right. This year Merdeka is drawing near but I still didn't see much Malaysians put up their Jalur Gemilang. Sigh!

<http://sebang-kopitiam.blogspot.com/>

By m-faizal-san on August 22, 2008 11:47 AM

Tun, kami dah geram sgt nih..

berbulan-bulan kita semua tunggu nak tukar PM, makin hari makin geram.

Tgk berita smlm pun bertambah geram..mana la tak penuh Komuter & LRT kalau dah bodyguard2 dia pun berpuluh org. Buat kacau je org nak pergi kerja.

Tun, oh Tun..bila Dolah nak turun?????

By Anba on August 22, 2008 11:47 AM

Reply to Lebaikudin:

Dear Lebaikudin,

You wrote :

1.To which country are you comparing Malaysia with?You name me a country where you build temple anywhere ie under tree,on roads,caves,government land and retaliated when given another land for relocation.I believe not even in India my friend.

2.Tell your fellow HINDRAF use the same energy to gather all the gangsters to educate,plan,seminar,courses or organise loan for business

Anba's reply to Lebai:

Lebai,

Hi there.

1. The temple issue is only one of the many issue the Hindraf was fighting for. Please do not speak like the Malays have been angels in treating other races in a just manner. You continue talking like this, there will be some who will resort to violence, like whats happening in Sri Lanka and the Tamil Tigers. I do NOT agree with the violence shown by the guerilla group in Sri Lanka, but that is what will happen when a race is tormented and tortured and discriminated for years. Because of arrogant person like you, you might be feeding the anger in certain people. I pray to God that such things will never happen in Malaysia, but will the Malays change their ways for such things not to happen?

2. Lebai, once again you are talking nonsense. How will an average educated non-Malay do after finishing SPM? Have the Malaysian government thought about the problem faced by the youth migrating from the estates and upon seeing that not much opportunities are laid out for them, they resort to violence. This is an issue that even MIC have not thought about until now. So, to be hearing such suggestion from you is quite an ignorant act.

See around you, look at your race and touch your heart and ask yourself," Have the Malays actually contributed to the suffering of many other non-Malays?"

God bless.

Anba

By AzlanAuthor Profile Page on August 22, 2008 11:47 AM

Assalamualaikum Tun Sekeluarga.

Benar apa yang Tun dan saudara saudara chedet semua perhatikan keadaan pada bulan kemerdekaan pada tahun ini. Seperti tiada apa apa yang berlaku.

Keadaan ini berlaku sudah tentu kerana hati dan semangat rakyat sudah luntur dek isu-isu dan permasalahan yang timbul dalam negara ini.

Ada yang mengatakan rakyat malaysia sudah tidak patriotik lagi dimana semangat tersebut. Pada saya semangat tersebut tak pernah luntur dihati kami cuma semangat tersebut ditunjukkan dengan cara lain.

Kami generasi baru ada perjuangan baru rakyat telah dijajah semula bukan dengan british tapi dengan bangsanya sendiri.

Saya risau dengan adanya pihak tertentu yang telah pun memanipulasi kan keadaan yang tidak stabil ini untuk kepentingan diri sendiri.

Pemimpin seolah olah mahu melihat negara ini kacau bilau, huru-hara lah pulak.

Pada pendapat saya Kerajaan DSAB ingin membiarkan rakyat merana kerana tidak mengundi BN dengan memberi menyusahkan kepada rakyat, mereka tidak sedar strategi bergini akan mengundang bahaya.

MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!
By ANAK-DAMIT on August 22, 2008 11:48 AM

kemerdekaan tahun ni, di sabah saya hanya ternampak 2 buah kereta memasang jalur gemilang..sebuah kereta tu adalah milik seorang berbangsa india..sedih sedih sedih...
By wokyoh on August 22, 2008 11:49 AM

SALAM PERJUANGAN BUAT TUN YANG DIKASIHI.

1)perasaan seorang pengarah filem tidak sama dengan pelakon filem dan perasaan pelakon utama tidak sama dengan perasaan pelakon tambahan.pelakon antagonist atau stuntman pula akan berlakon jarang-jarang tetapi masih mempunyai perasaan dan ada yang perasan.

2)biasanya seorang pengarah filem akan dinaungi oleh syarikat penerbitan dan produser yang hebat..oleh itu mereka mampu membeli seorang pelakon yang hebat.pelakon yang hebat tidak semestinya pelakon yang popular,tapi biasanya jika syarikat perfileman itu berorientasikan keuntungan mereka akan mengambil pelakon popular iaitu seorang pelakon yang ada pakej= cantik/hansome dan ramai peminat serta telah terbukti dengan undian sms seluruh negara.

3)dulu tun adalah pengarah filem yang hebat,tetapi sekarang tun menjadi penonton biasa.Tun bersara bukan dipaksa.malah tun pun dihalang sekali sekala masuk pawagam kerana pihak pengarah dan syarikat penerbitan lama tun takut komen-komen tun yang masih berbisa.sudah pasti...Perasaan tun dulu mestilah berbeza dari sekarang.biasanya komen penonton ramai tidak diendahkan oleh pelakon popular atau pengarah box office.tidak dinafikan masih ada pelakon sejati yang menerima kritikan penonton secara terbuka dan sentiasa memperbaiki diri seperti mukhriz.tapi malangnya mukhriz masih ingin menjadi pelakon tambahan dibawah naungan syarikat penerbitan yang berorientasikan keuntungan tanpa memikirkan mutu dan kualiti filem walaupun tun telah menunjukkan jalan keluar dulu.
Ada juga pelakon bertaraf teater atau pentomim saja seperti zaid,kj,nazri,adnan dll yang dapat peluang berlakon dengan cara membodek pengarah.Ada juga pelakon yang terkenal dengan watak antagonis atau penjahat yang hebat seperti anwar,karpal,guan eng,kit siang,hadi,nik aziz..tapi tak berapa serius dalam lakonan dan hanya berlakon untuk sesuap nasi sahaja walaupun bakat mereka masih boleh lagi digilap.tapi mereka ini mempunyai peminat dan penonton yang tersendiri...jasa mereka tidak boleh dipersiapkan oleh pengarah kerana tanpa mereka sesebuah filem akan hambar dan tidak menarik.

4)sekarang tun adalah penonton biasa..mungkin ada hikmahnya...kerana sewaktu tun dibangku pengarah dulu tun hanya mengarah filem ciptaan tun sahaja mengikut citarasa sendiri tanpa memikirkan perasaan pelakon dan penonton.penonton biasa adalah rakyat biasa...jadi sekarang tun sudah banyak

menyelami hati dan perasaan penonton biasa. Tun dulu marah sebab banyak lanun cetakrompak menjadikan syarikat penerbitan Tun tidak mendapat keuntungan yang disasarkan, tapi bila Tun jadi penonton atau rakyat biasa Tun akan mencari cd cetakrompak sahaja berbanding yang original kerana duit yang selebihnya boleh dibelanjakan untuk membeli keperluan rumah atau anak isteri pula. Mungkin Tun sekarang telah menjadi makin kreatif dan dalam diam-diam menyimpan semakin banyak karya bermutu untuk difilemkan semula.

5) Oleh itu saranan saya dipagi jumaat yang mulia ini.. agar Tun kembalilah semula kearena perfileman dengan menjadi mengarah filem-filem yang berorientasikan mutu dan keunggulan....supaya anak cucu kita tidak merasa rugi menyimpan koleksi atau membeli cd/filem arahan Tun biarpun dengan harga yang mahal.

Mungkin kalau Tun jadi pengarah...waktu ini...bulan kemerdekaan.. Tun sudah giat mempromosikan filem Tun yang bertemakan semangat perjuangan dan patriotisme sebagai wadah perjuangan sempena menyambut kemerdekaan yang ke-51.

6) Akhir kata, Tun bukanlah sebuah syarikat penerbitan baru, mengambil semula pelakon berbakat yang masih boleh digilap seperti Mukhriz, Sapie Afdal, Husam Musa, Tun Daim, Prof Ungku Aziz, Dr Asri @drmaza, ezam dll...dan saya juga doakan semoga saudara Saifuddin dan Zulkifli Nordin juga akan menyongsang arus menjadi pelakon utama yang berbakat dibawah syarikat Tun yang baru. Tun, apa salahnya membuat sebuah filem yang hebat dengan bajet yang sedikit dan berhemat. Penonton sekarang walaupun rakyat biasa adalah semakin bijak....mereka yang sentiasa berketuhanan ke chedet.com ini dengan komen masing-masing bagi saya adalah mereka yang bijak....saya tengok ramai yang masih mengharapkan Tun kembali semula ke kerusi pengarah filem negara....kerana sudah terbukti Tun masih yang terhebat dan koleksi anugerah dan trofi kemenangan Tun di kebanyakan festival filem baik didalam mahupun luar negara adalah sebagai buktinya. Ini tidak boleh dinafikan oleh pengarah muda dan masih mentah. Karya dan mutu filem Tun dulu masih hebat.

7) Apapun cerita yang akan Tun persembahkan nanti, harapan saya agar jalan ceritanya lebih Islamic sedikit kerana apa yang penonton mahukan ialah sebuah filem yang mampu mengangkat martabat agama pelakonnya, bangsanya dan boleh memecah sempadan budaya dan kaum majmuk di Malaysia ini. Semoga mesej filem yang akan disampaikan nanti akan memberi kesan yang mendalam kedalam hati setiap penggiat seni di tanahair yang tercinta ini. Semoga kesan mesej filem itu akan meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya keharmonian, keamanan, kemakmuran perlu dijaga dan dikekalkan. Supaya nantinya kebahagiaan akan terasa jauh kedalam hati sanubari penonton biarpun dipelusuk desa atau dimanapun mereka berada.

8) Tun..teruskan perjuangan ini....sebab saya amat berkeyakinan Tun akan kembali kepangkuan kami dengan sebuah parti baru setelah usaha demi usaha untuk menyelamatkan UMNO dari luar dan dalam tidak membuahakan kejayaan seperti yang kita idamkan...malah UMNO (syarikat penerbitan lama Tun) dibawah paklah (pengarah sensasi @ box office aka Zzzzz's new director) bersama pemimpinnya (pelakon-pelakon popular) sudah tidak lagi memukau apatah lagi mendorong penonton membanjiri atau memecahkan panggung di seluruh Malaysia!!!

9) Buat pengetahuan semua...promosi filem bajet tinggi dengan pelakon sensasinya walaupun sudah dianggap hero tua dan sudah tamat tempoh luputnya, tapi masih berbisa sedang rancak berjalan di permatang pauh sekarang ini. Khabarnya pelakon ini namanya agak popular diluar negara malah sebaris dengan beberapa pelakon Amerika dan zionis setelah sekian lama menyepi dan menyambung pengajian lakonan peringkat tinggi di 3 buah universiti seni terkenal disamping menjadi pensyarah pula disitu setelah lari dari gossip liar dan panas dunia hiburan tanahair seketika dulu. Nama beliau khabarnya disebut-sebut akan memenangi Oscar the best actor of the year...malah sudah ada ura-ura bahawa patung lilinnya akan disemadikan sebaris dengan artis-artis yang sudah menjadi lilin...yang kononnya merelakan dirinya terbakar untuk menerangi orang lain...memberi kebahagiaan kepada orang biarpun terpaksa mengorbankan maruah diri...oleh itu ramai yang sudah terpedaya dengan patung lilin buatan atau ciptaan barat itu...padahal mereka akan mengalami musibah musim kegelapan semula bila lilin padam dan habis terbakar. Waktu itu baru mereka tahu apa sebenarnya...tapi sayang...sudah terlambat.

selamat menyambut hari kemerdekaan buat semua.saya akan mengibarkan bendera dengan cara biasa ,bukan terbalik...bendera tidak salah..orang yang salah...banyak lagi cara untuk protes tetapi cara terbalikkan bendera adalah tidak bijak.maafkan saya.ini pendapat sahaja

WOKYOH

wokyohmektot@yahoo.com

By suzain on August 22, 2008 11:49 AM

AYAHANDA TUN,

SAYA INGAT LAGI DULU MASA ZAMAN PEMERINTAHAN AYAHANDA,KALAU NAMPAK ORANG KIBAR JALUR GEMILANG SAKITNYA HATI SAYA, DENGKI PUN ADA. AYAHANDA NAK TAU KENAPA, SEBAB DIA KIBAR DULU SEBELUM SAYA. LEPAS TU SAYA TERUS BELI DUA, TIGA UNTUK SPARE SEBAB SAYA TAU IA MUDAH TERKOYAK DAN TERCABUT BILA KERETA LAJU. LEPAS TU SIAP HON KAWAN2 SEBAB NAK EKSYEN DENGAN DIAORANG. TAPI SEKARANG DAH LAMA SAYA TAK KIBAR. BENDERA ADA TAPI MACAM MALASLAH. TAPI APAPUN KEADAAN MALAYSIA TETAP DIHATI SAYA. SAYA TETAP HORMATKAN BENDERA KITA. YANG SAYA TAK HORMAT YOU KNOW WHO LAH.....BY THE WAY SAYA PUN MACAM SALAH SORANG BLOGGERS KAT ATAS TERTANYA2 APA TEMA HARI KEBANGSAAN TAHUN NI. BUKAN TAK PRIHATIN TAPI MALAS NAK AMIK POT, TAKDE MOODLAH

LUV U ALWAYS AYAHANDA. BYE

By sititanjungAuthor Profile Page on August 22, 2008 11:52 AM

Salam hormat Tun,

1.Your observation and comments is so true.I think the present govt. spend so much time on politics that they never stop to ponder and ask themselves what are the real needs and wants of us the ordinary citizens.

2. Ybhg. Tun this is off topics but being the mother of a son working in MISC I feel the pains faced by 39 crew members of Bunga Melati 2 being hijacked by pirates off the coast Gulf of Aeden.

I did not hear any condolences or words of sympathy from our PM to the families and love ones affected by this tragedy.

3.Dont he realize how much money that MISC has paid to the govt? The tax being paid through the sweat and tears of those crewman that sail the wideseas for at least 6 months at one go and 2 months break after each voyage.

To the family members affected my heartfelt sympathy Berdoa lah Kepada Allah hanya kepadanya kita pohon pertolongan selain MISC beriktir untuk menyelesaikan musibah yang sedang dihadapi.

4. Pada zaman Tun dulu Tun akan turun padang semasa Tragedi Highland Tower

Salam hormat dan selamat meyambut Hari Kemerdekaan.

By blessnation on August 22, 2008 11:58 AM

Dear Tun,

DSAB dan konco2 nya nampak sangat cuba untuk menidakkan kejayaan & kemakmuran yang Tun Dr Mahathir dah capai..

Nak tunjuk dia lebih bagus, lebih baik, lebih popular dan lebih di sanjungi.. Macam2 yang dia orang buat dan kata untuk menjatuhkan nama Tun Dr Mahathir.. Tapi akhirnya rakyat terutamanya orang2 Melayu dan negara yang jadi mangsa..

Aruah ibu saya yang meniggal 4 tahun sudah, hanya seorang pendidik, tapi sudah nampak & pernah berkata..

'Orang Melayu kalau tak senang dan tak kaya masa zaman pemerintahan Dr Mahathir, jangan ingat nak

senang masa pemerintahan orang lain. Dah tidak mudah.. Kerana Dr Mahathir banyak bantu orang Melayu, dan buat segala2nya supaya orang Melayu sedar dan senang'.. Jangan lupa itu..'

Adakah kita akan dapat merasai kesenangan, kemakmuran, dan penghormatan seperti 5-15 tahun sudah??..

Dalam keadaan kacau bilau & tidak tentu arah hala-tuju seperti sekarang, nampaknya kelam & kabur..
By anakmalaysia on August 22, 2008 11:58 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun

Saya tidak bersetuju dengan cara Godfather yang bersikap kasar. Inilah yang diwarisi oleh jenerasi kita sekarang. Kurang ajar, biadap dan tiada tata susila. Pegawai2 di pejabat yang saya bekerja kebanyakannya tidak tahu macam mana nak menghormati orang yang lebih tua walaupun pangkat lebih rendah. Mereka boleh bercakap dengan kasar dan susah untuk mengucapkan terima kasih. Selain itu mereka sombong dengan kedudukan mereka sebagai seorang pegawai. Sikap inilah yang akan menghancurkan bangsa melayu. Segelintir dari isteri-isteri mereka pula lebih sudu dari kuah. Oleh kerana suami orang berpangkat, mereka susah untuk senyum kepada pegawai bawahan walaupun dia lebih tua daripada mereka.

Kita telah merdeka selama 51 tahun tapi keadaan, sikap dan moral anak-anak kita lebih teruk dari sebelum merdeka. Jadi, tak hairanlah kita mendapat pemimpin yang ada sekarang. Banyak Tok-tok Guru yang mengajar supaya menjadi kurang ajar. Saya, sebagai anak Malaysia amat sedih akan keadaan kita sekarang. Bukan sahaja keadaan ekonomi yang terjejas malah moral dan tingkah laku kita juga turut terjejas.

Harap kita dapat menyambut Hari Kemerdekaan ini dengan lebih bersopan santun dan harmoni walaupun memang sebetulnya saya sendiri tiada hati untuk menyambutnya memandangkan dengan keadaan sekarang.

Salam merdeka untuk semua terutama untuk Ayahanda Tun Sekeluarga.
By Melayu Lenggong on August 22, 2008 11:58 AM

Salam Bahagia Tun..Semoga Tun Dan Keluarga Berada Dalam lindungan Allah.

Saya baru saja memasuki ruangan che det ini dan saya dapati semua tulisan Tun amat bernas dan bertepatan dengan kehendak rakyat.

Saya akan terus menyokong Tun dan membaca semua tulisan Tun.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Walaupun Dalam Keadaan Yang Suram Dan Muram Seperti Sebelum Ini.

Di sini pun macam tu juga tun, suram dan muram.....

Semoga tun sihat dan dapat terus memberi tulisan yang bernas dan tepat.
By yuri on August 22, 2008 12:00 PM

sedihnya...
bulan ni mmg x terasa langsung sambutan kemerdekaan...
biasanya 15 Ogos da lancar bulan kemerdekaan...
BTW, why can people simply curse UMNO (as what they "perceived" & TWIST it); while one cannot even say FACT/S about who/what dap is (as WE the majority Rakyat "saw" them)???

Hope you could please clarify & REPLY TO MY e-mail.

Thank you.

Wassalam/Salam sejahtera.

By sobhi on August 25, 2008 8:06 AM

Assalamualaikum Tun,

Benarlah kata Tun.. rakyat Malaysia kini benar-benar rasa tertekan. tidak tahu lagi apa yang benar. apakah yang dilihat benar, didengar benar. Kita telah lama merdeka tetapi rasa merdeka itu semakin hilang dari hati kita. Kenapakah pemimpin negara hari ini tidak mahu mempedulikan suara dan pandangan rakyat.... Kedaulatan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan negara melambangkan kebijaksanaan kepimpinan negara.

Tun...Saya sangat rindukan sentuhan kepimpinan Tun. walau segelintir yang tak suka .. tapi Tun selalu 'menyedia' kehendak rakyat sebelum rakyat 'meminta'...alhamdulillah. terima kasih, Tun.

By dinturtle on August 25, 2008 8:06 AM

Salam TUN,

Saya sendiri malas nak kibarkan Jalur Gemilang, bukan kerana tidak patriotik tetapi seperti kata DSAI ... takut di manipulasikan ! yalah, kalah ramai2 pasang bendera kan tampak meriah jadi nanti takut PM kita mendabik dada mengaku rakyat semua bersatu di bawah pemerintahan beliau, walau di landa bermacam krisis. Nak kibar terbalik... tak tergamak pulak.Bendera melambangkan negara.

Jadi disini saya ingin mencadangkan sesuatu,apakata kita pakat ramai2 kibarkan bendera, atau memasang pelekat di kereta sesuatu yang sama. satu design yang punya warna bendera kita untuk menunjukkan yang kita semua masih patriotik, sayangkan negara kita ..DAN di atasnya satu caption, mungkin 'PERUBAHAN SEGERA!' / 'URGENT ! CHANGE NEEDED !' untuk meluahkan perasaan kita. Logo atau design harus sama.

Mungkin para sahabat di sini mana2 yang kreatif boleh mereka satu bentuk logo atau design dan kirimkan pada TUN dan TUN boleh pilih satu yang terbaik. Dan kita ramai2 boleh mencetaknya sendiri. Yang penting design mesti sama supaya message dapat di baca. Atau mungkin ada di antara sahabat disini yang punya syarikat percetakan yang mampu mencetaknya dan kita pakat order saja dari beliau. lebih murah dan sama. Macamana? Sekurang2nya bagi diri saya, saya dapat melakukan sesuatu, meluahkan ketidakpuasan hati walau sekadar pelekat kereta. Dan kalau jutaan rakyat turut melakukan yang sama..pasti terdapat satu impak maksimum !

By Penyokong on August 25, 2008 8:19 AM

Salam Tun,

Menyentuh pasal kemerdekaan pada tahun ini memang agak suram. Betul pendapat Tun.

Saya ada satu persoalan, mengapa pada zaman pemerintahan DSAAB ni, golongan PTD mendapat kedudukan yang terlalu istimewa. Berkhidmat 2-3 tahun dah dapat naik pangkat. Tidak seperti nasib kami golongan professional yang lain, sehingga 10 tahun berkhidmat pun belum tentu dapat naik pangkat? Semua jawatan tinggi dalam kerajaan di 'takluk' oleh golongan PTD, golongan yang dikatakan mahir dalam segala bidang.

Harap Tun dapat memberikan ulasan mengenai golongan PTD ini dalam pentadbiran Kerajaan.

By nookvillage on August 25, 2008 9:06 AM

Tun,

Saya masih berharap PKR berkubur di Pematang Pauh besok. Sama-samalah kita menunggu keputusan.

By pkAuthor Profile Page on August 25, 2008 9:21 AM

Dear Dr M,

Celebrating "MERDEKA" should be proceeded with greater awareness for what we achieved on this day 51 years ago there should not be a let down whether we like or dislike the present government. When it's time to act, RAKYAT needs to showup!

My sons will demand for the flags (Johor & Malaysia) to be up in the balcony every year around this period with my elder's celebrating his birthday the very next day great time for us but hopefully for all MALAYSIAN too - Happy Merdeka Day and God Bless!

By Ahmad Zaki Ismail on August 25, 2008 9:38 AM

Tun,

Saya sebagai rakyat Malaysia bukan sahaja telah hilang kepercayaan kepada BN tetapi terhadap semua parti politik yang saya lihat hanya ingin memajukan agenda masing2 tanpa memikirkan rakyat. Memang kita sudah di ambang 'police state'. Sifat hipokrasi pemimpin negara juga amat memalukan. Jika tiada pemimpin baru yang muncul dalam masa terdekat akan hancurlah Malaysia dan keadaan mungkin akan seperti di sesetengah negara di Amerika Latin di mana jurang antara yang kaya dan miskin sangat-sangat luas. Yang kaya adalah setanding yang kaya di Eropah tetapi yang miskin adalah setaraf yang termiskin di Afrika. Rakyat sebenarnya telah sedia untuk bertindak tetapi tiada pemimpin yang boleh dipercayai atau diharapkan, apalagi pemimpin dari UMNO yang dulunya berkaliber tetapi sekarang sibuk menjaga periuk atau kawah nasi sendiri. Tiada pemimpin yang berjuang atas dasar prinsip atau wawasan. Pada saya, hanya Tun sahaja yang boleh menyelamatkan negara. Saya meminta Tun kembalilah pada politik untuk menyelamatkan negara. Saya bimbang nanti akhirnya rakyat terpaksa turun ke jalan2 dan huru hara akan terjadi. Wallahualam.

By Mohamed Azmi bin Mohd Rasheed KhanAuthor Profile Page on August 25, 2008 9:45 AM

i hate to say this, but i had been celebrating merdeka for the past few years by putting up flags in my house and cars..

this year, i am not in that mood at all.

seeing all the idiots in putrajaya talk like they own this country makes me question whether or not i am in malaysia..

it never used to be like this..

hope 2010 comes faster!!!!!!!!!!!!

By fapp on August 25, 2008 9:46 AM

Tun, would be grateful if you could comment on the basic controlled economics of Malaysia since the earlier days until the day when Shahrir took over and fouled up what the forefathers did on our economy. I think we have never experience such a high inflationary rate ever.. even when the economy was down. Ini Shahrir ni is too much orang putih to follow the free market economy and so inebriated in his own verbosity sampai lupa what our economy is like.. Fuel has always been on the increase throughout time but our earlier leaders/economist has always been careful and prudent on controlling the economy and its expansion as well as the well being of rakyat. Maybe it has been a wish for Johoreans for Shahrir to be a Minister but now, it may be a mistake for the Johoreans to even pick shahrir to be their politician. Saya sebagai rakyat Johor berasa malu sangat sebab yang foul up our economy is a Johorean and sekarang baru saya tahu kenapa kerajaan yang dulunya tidak pernah pun nak mengangkat dia sebagai Menteri setelah beberapa lama. Saya berharap sangat agar our Khalid Nordin performs better and be a champion of rakyat Johor and rakyat Malaysia keseluruhannya.

By ayozzhero on August 25, 2008 9:48 AM

Nenda Tun,

DSAAB saje main psycho. Kibar bendera terbalik adalah tanda protes peribadi setiap rakyat kepada peribadi DSAAB yang gagal membawa rahmat dan kesenangan kepada rakyat. Namun untuk mengelak serangan, selain ugutan menggunakan polis, DSAAB membawa isu ini sebagai penghinaan kepada negara dan kemerdekaan... Pak Lah.. Pak Lah..

By life on August 25, 2008 9:50 AM

A'kum Tun dan semua bloggers,

Pertama sekali saya ingin memohon maaf sekiranya apa yang ingin saya katakan ini akan menyinggung perasaan orang yang membacanya.

Saya agak bersetuju dengan komen AJM terutama sekali tentang perlunya sikap bertolak ansur antara kaum kerana percayalah saudara-saudaraku di luar sana mungkin ada rasa ketidakadilan dlm diri anda kerana anda masih belum melihat apa yang telah berlaku di tempat2 yang lain. saya tidak katakan yang negara kita terlampau hebat cuma dalam setiap komen saya, akan saya tegaskan yang Malaysia adalah negara yang muda dan sedang belajar.

Mungkin apa yang terjadi kepada kita dlm bidang politik dan ekonomi ini adalah satu proses pembelajaran untuk mendewasakan Malaysia. Mungkin ini adalah masa SURAM kita, masa JATUH kita.

walaubagaimanapun, saya amat tidak bersetuju jika kita jadikan ini alasan untuk tidak mahu menyambut merdeka kerana mungkin inilah satu-satunya peluang kita untuk menyatukan semua penduduk malaysia dan dalam masa yang sama mengingatkan kita kembali apa yang kita perjuangkan, dengan siapa harus kita berjuang dan untuk siapa perjuangan ini. Jika penjajah pun boleh kita halau, apa salahnya kita ambil semangat merdeka ini, lupakan perjuangan sendiri sama ada kuasa atau wang dan cuba satukan semula perjuangan kita kerana inilah CARA KITA MEMBALAS BUDI PAHLAWAN-PAHLAWAN KITA YANG TELAH BERJUANG UNTUK MEMERDEKAKAN KITA.

Terima kasih.

Regards,

Living Malay

By eagle on August 25, 2008 9:52 AM

Dear Dr M,

Baru baru ini anak saya pun ada meluahkan perasaan sedih kenapa tahun ini di sekolah sudah tiada lagi sambutan bulan kemerdekaan. Jika dulu ada aktiviti mencerikan kelas dengan tema hari merdeka, ada pertandingan melukis, mewarna, ada aktiviti bersajak dan pidato dll.. tapi pada tahun ini, tiada apa apa aktiviti atau acara yang menunjukkan bulan ogos adalah bulan merdeka.. Saya pun terkejut bila mendengar luahan dari anak saya yang masih bersekolah di sekolah menengah di PJ ini. Tidakkah pak lah sedar, budak sekolah pun terasa kelainan yang berlaku semenjak pak lah mentadbir negara..

Saya doakan Tun DrM sihat sejahtera selalu..amin.

By wakz Author Profile Page on August 25, 2008 9:52 AM

Ass'kum YAB Tun..

Tun. terlebih dahulu saya memohon maaf sekiranya apa yang saya katakan ini keterlaluan dan ini kali pertama saya memasuki blog ini mungkin ayat-ayat saya tidak sehebat seperti penulis2 lain...saya sebagai rakyat malaysia memang terasa amat sedih dengan apa yang berlaku sekarang ini..walaupun saya tidak berapa cedik bercerita mengenai politik ini...tetapi tun saya masih boleh membezakan antara seorang pemimpin yang tegas, berwibawa dan cerdik serta bertanggungjawab..., terus terang saya katakan ..semasa tun menjadi pemimpin, memang ada perkara-perkara yang saya tidak setuju..tetapi hati saya masih tidak terbakar ..tetapi sekarang hati saya sentiasa terbakar kerana apa yang saya

rasakan...malaysia mempunyai seorang pemimpin yang tidak ada rasa perasaan tanggungjawab keatas rakyatnya dan negaranya..terutama sekali bulan ogos tahun ini dan tahun sebelumnya..saya tak nampak macam bulan kemerdekaan...tiada bendera berkibar disana-sini...kebiasanya saya akan mengibarkan bendera malaysia dirumah flat saya serta jiran2 yg lain dan saya akan meletakkan bendera malaysia pada motor saya...tetapi tun semuanya disimpan tun...disebabkan kekecewaan yang teramat sangat...semasa tun memimpin saya rasa satu kemerdekaan yang amat dirasai...saya sentiasa tersenyum.....tetapi sekarang ini sentiasa mengeluh tun....mungkin semuanya terlalu mahal...dan mungkin nak beli bendera tak mampu ...sebab..sekarang zaman harga barang yang mahal..tetapi jauh disudut hati ini hari kemerdekaan ada didalam jiwa saya..walaupun saya tidak mengibarkan bendera tahun ini...saya sayangkan negara malaysia yang dicintai...dan saya memerlukan seorang tokoh pemimpin yang berwibawa serta bertanggungjawab terhadap negaranya dan rakyatnya..supaya negara malaysia ini dijulang dan dimegahi seperti tun memerintah dahulu....saya amat merindunya tun.....TUN.....SIAPA LAGI YANG BOLEH DIHARAPKAN....saya amat menghargai pengorbanan tun selama ini serta menjaga malaysia dengan amat bijaksana..

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku,
Rakyat hidup
bersatu dan maju,

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan,
Raja kita
selamat bertakhta,

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan.
Raja kita
selamat bertakhta
By TK on August 25, 2008 9:56 AM

One of the main reasons why there is dissatisfaction with BN is there is too much "greed" there. Everything is done with selfish reasons, either personal monetary reasons or populist political reasons, whether or not it is for the general good of the country. When the cake was bigger, the rakyat was satisfied with the crumbs on the floor. Now, even the crumbs are not being shared.

TK
By Patek1472Author Profile Page on August 25, 2008 10:03 AM

Malaysiakini Bloggers Headlines on 27 September 2008.

"Man of Honour" won Landslide Victory in P44 Permatang Pauh!

Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka!

A defining moment in Malaysian History was achieved when DSAI won the by-election in Permatang Pauh yesterday with a landslide victory over his opponent just 3 days prior to Parliament presenting it's 2009 Budget (29 August 2008) and 5 days prior to Malaysians celebrating it's 51st Anniversary of Merdeka (Liberty Day) on 31st August 2008.

Sit tight for the next episode on 29 September 2008, the preview to 16 September 2008 when Malaysia celebrates "Freedom Day".

More Prophecies at Nostradamus Quatrains on "Wag the Dog" and Nostradamus Quatrains on Malaysia.

<http://patek1472.wordpress.com>

By tmoz on August 25, 2008 10:05 AM

6. Rakyat Malaysia yang pergi ke negara asing berasa bangga kerana Malaysia dikagumi dan dihormati oleh siapa sahaja yang mereka bertemu apabila sahaja orang asing mengetahui yang mereka dari Malaysia.

Ayat di atas mengandungi sedikit kesalahan kata, iaitu :-
Sepatutnya hendaklah ditulis seperti berikut.

6. Rakyat Malaysia yang pergi ke negara asing berasa bangga kerana Malaysia dikagumi dan dihormati oleh siapa sahaja yang mereka temui apabila sahaja orang asing mengetahui yang mereka dari Malaysia.

By Anba on August 25, 2008 10:13 AM

Dear jeng3, kalyanee, lebaikudin, truthseeker, tunnusantara, adamjohari, kingbrutal, truth/benar, mohd sivakumar art pilay and nadim,

Hi there. I was glad to see so many replies to the article I wrote on the merdeka issue.

1. There were so many of them who were angry with my article. Well, looks like Malaysians are beginning to wake up. Thank you for waking up to the reality. I do NOT hate Dr. Mahathir, as suggested by some contributors here, in fact I have always given credit that it was him that felt deeply about the conditions of the Malay and wrote the book, Dilemma Melayu. He was the architect who engineered the path for the Malays to progress. I am ashamed with the Indian and Chinese leaders who ignored the plight of the minorities and allowed the NEP and many nonsensical policies to be practiced in Malaysia. If only we have a leader who could be just to all races, then and only then, we can enjoy the independence.

2. The comments by some contributors suggest the mentality and thinking of many Malaysians that have not evolved and although we may be celebrating our independence day on 31st August, we can see how independent Malaysians truly are in their thinking and see their lack in their ability to see the truth as the truth, lack in their ability to see a lie as a lie and their lack to see the truth in a lie. As far as I'm concerned, we are still far away from independence. So, stop the pretence!

3. Sivakumar, thank you for your sincere comments. It's individuals like you who will be instrumental in the real changes in Malaysia one day.

4. Some suggested that I leave Malaysia. Well, sorry to say that you're stuck with me. We are like isi dengan kuku. I'm the thorn who will always be among you to prick you, only to make you aware that there needs to be justice in this world for all races. I'm hoping that you're aware about Barack Obama, an African American, a minority in the United States of America who was nominated as the Presidential candidate for the highest office in the world, the President of the United States of America. Do you know what it means for the minorities all over the world? If he wins, it's an indicator that the minorities everywhere will have the chance to be the leader in their respective countries. Yes, I hope and believe that one day, a minority will become the Prime Minister in Malaysia. This is my hope for a muhibbah Malaysia. Until then, you will hear from me, either from this blog or through your deepest God given conscience.

God bless.

Anba

By autaman on August 25, 2008 10:44 AM

What is the meaning of Merdeka if we don't have a sense of direction?

Talking about the 15 cents reduction in fuel, this was another flip flop decision by our beloved PM. Although it favours the rakyat, nevertheless it's still a flip flop action by him when announcing just a day earlier that he will not announce any fuel review before 1st of September. I am getting sick of his inability to lead the country. This clearly shows that he does not know what is his direction.

The revision was more on a political based rather than genuine effort to help the rakyat.

And now , our Dato Shahril said that biggest component in the CPI at 45% was transportation costs and we would like to see the CPI come down . That's why they are bringing forward the price reduction.If he know this earlier , why the drastic increase in the first place .What happen to the so called fleet card system which he said will keep inflation in check when the fuel price was increased by 70 cents . This kind of statement clearly reflect the ineffectiveness of our current cabinet to handle our economy. The whole cabinet shall be sacked for they all agreed on the price increased motion tabled earlier in parliament.

With the price reduction now , damaged have already been done and there is no way prices will come down.

It's true that I have lost my mood to celebrate Merdeka this year as Malaysia are certainly lost now . Where are we heading to ? It's such a sorry state we are in now.Vision 2020 are now no longer achievable as the the road towards there have been totally cut off or even worst , being diverted back and moving against the traffic back to the past.All this are what we get from our current crop of cabinet members lead by a lost leader still dreaming in his sleep.zzzzzzzzz. Malaysia is good ,zzzzz people still support me zzzzzzzz, we are given mandate by the public zzzzzz ... , all UMNO members like my gula gula and will support me..... zzzzzz . ACA are independent by not having to report to AG ,,zzzz but will only report directly to me.....zzzzz.Yes I am in bodohland....zzzzz
By AZIF on August 25, 2008 10:44 AM

Tun,

Rakyat Malaysia akan menyambut Merdeka dengan gembira nya apabila AAB letak jawatan PM dan President UMNO dengan sergara nya. UMNO & BN dah hampir lelah dan tinggal nyawa ikan buat masa ini.UMNO dah tak relevan buat masa ini.Saya telah difahamkan bahawa pada peringkat Cawangan, Bahagian stretegi telah disusun untok memilih mereka yang ada kepentingan diri sendiri dan keluarga.Ramai yang dah tak yakin lagi pada UMNO. Hidup Tun & Salam kepada semua.
By rosea on August 25, 2008 10:48 AM

Salam TUN,

Terima kasih TUN & semua para pejuang bangsa, agama & negara..
Terima kasih,
Terima kasih,
Terima kasih,

Selamat Menyambut MERDEKA ke 51..
MERDEKA!MERDEKA! MERDEKA!

Al-fatihah buat semua para pejuang yang gugur dan yang telah kembali ke rahmatullah..

Amin.
By gohhoehoeAuthor Profile Page on August 25, 2008 10:49 AM

Salam Tun

Very sorry I have to used Tun blog to give important message to
PERMATANG PAUH VOTERS.

How can people forget so easily or they just ignored that at one

instance, a member of PKR mentioned in a seminar held in Selangor Chinese Assembly Hall that ,our national anthem Negara Ku is not an authentic one ,an athem with romantic tuneetc, are the anthem which originated from PERAK STATE ever protected us from disgraceHow can we let a Party without dignity to lead our country.....Kepada pengundi pengundi Permatang Pauh .

Ingat baik baik sebelum masukan undi awak ke dalam PETI UNDI ESOK.

Hargailah Kemerdekaan

Thank you and Best Regard HOHO
By samuraimelayu on August 25, 2008 11:00 AM

Salam AYAHANDA RAKYAT TUN,
Izinkan,
Kepada para pengundi Permatang Pauh (P44),
Kami rasakan tuan/puan dalam kedudukan serba salah kerna jika undi calon BN, pucuk pemimpin depa SUDAH TENTU kata kehilangan 2/3 majoriti dan hilang kuasa di 5 DUN dan 1P bukan ankara pemimpin2 BN tetapi anasir2 'sabotaj' oleh mereka yang tidak bertanggung jawab dan cara tak langsung mengaitkan para rakyat pengundi dan bahawasanya rakyat kini telah sedar bahawa segala tindak tanduk kerajaan termasuk kenaikan harga minyak adalah bijak dan direstui rakyat.

Undi PR, BELUM TENTU Anwar Ibrahim boleh mengambil alih kerajaan pusat dan mengembalikan zaman kegemilangan negara tercinta kita ini.
Yang sudah TENTU, menang atau kalah Anwar Ibrahim akan berdepan pendakwaan dan pembicaraan kes liwat dimahkamah.

Yang boleh MENENTUKAN pemulihan Kerajaan BN dan mengembalikan maruah dan kegemilangan bangsa dan rakyat Malaysia adalah 'dikorbankan' sahaja PAK LAH dan kaum perosaknya secepat mungkin oleh ahli2 dan pemimpin2 UMNO yang sayangkan UMNO dan BN dan mahu terus menerajui negara selepas PRU 13.

KALAU MEREKA MASIH 'MENAFIKAN' PUNCA KELEMAHAN DAN KEMOROSOTAN PENTADBIRAN KERAJAAN BN KETIKA INI ADALAH PERDANA MENTERINYA MAKA BERSEDIALAH BERPINDAH DARI RUMAH KERAMAT UMNO YANG AKAN TERBAKAR HANGUS MENJADI ABU DAN AKAN DITIUP ANGIN TAUFAN YANG LEBIH DAHSYAT PUKULANNYA TEPAT PADA HARI PENGUNDIAN PRU 13.

Persoalan nya,
SUDAH TENTU ATAU BELUM TENTU?
SUDAH TERGADAI ATAU MUNGKIN TERGADAI?
SUDAH TERJAJAH ATAU MUNGKIN TERJAJAH?

Kita mahu makan 'panadol' pun takut.
Mahu telan itu ubat takut appak mati
Mahu kasi 'muntah', kepla nanti lagi pusing.

Ayoyo!Pak Lah kasi senang dekat rakyat mahu pilih lah. INI MALAM PAK LAH LETAK JAWATAN, ESOK CALON BN GARANTI CIPTA SEJARAH.

SELAMAT MENJALANKAN TANGGUNG JAWAB DAN SELAMAT MENYAMBUT HARI MERDEKA KE 51.

By autaman on August 25, 2008 11:17 AM

Hi Tun ,

Comment on Pak Lah taking the LRT.

This is just another public stunt by him to garner popularity. As the leader of the country , I am dissapointed that he does not know the state of our public transportation system. Worse of all , he have promised to improve the country transportation system when he increase our fuel price by 30 cents back then. Have we all forgotten? This prove that he is not sincere and does not keep to his words as we all know now with his flip flop decision. No effort are being done back then and now he try to use this tactic again for his permatang pauh campaign.

During your era , I can see that efforts are continuing be done to improve our LRT , the double railway track , our monorel and so fort. However , one thing that I am a bit dissapointed in your era is the high toll rate on the highways. Hope TUN can give some lights on how does the rate being set and the procedure involved . As of I now , I do have the opinion that a lot of the highway toll concessionaires contracts are quite loopsided and it's been classified confidential. I smell some stench in this whole contract and I know some have accused TUN is this matter.

By hamdanTeluk Intan on August 25, 2008 11:22 AM

Salam

Tun...saya dah berapa tahun tak rayakan merdeka. Semua nya apabila selepas 2004...!! Kalau dulu..kereta dan juga rumah saya kibarkan bendera. Sama2 menyanyi lagu patriotik dgn anak2. Kali terakhir saya sambut beberapa tahun dulu..anak bongsu masa tu umur2 tahun..nampak bendera dia kata merdeka..tak panggil bendera malaysia tetapi panggil merdeka. Bebudak Tun...

Apapun memang semangat nak sambut merdeka zaman pak lah saya rasa dah tak ada dah. Pada saya pemimpin mesti ada aura pemimpin. Soal disukai atau tak dasarnya itu cerita lain tetapi aura itu kena ada. Paklah..pada saya aura dah tak ada. Dia menjawab jawatan PM pun sebab sokongan institusi itu sendiri..bersendirian. Saya dah langsung tak menganggap beliau layak sebagai pemimpin....

Saya menunggu hari dimana paklah akan berhenti dan penggantinya mempunyai semangat cintakan negara seperti PM dulu2....terutama di zaman Tun..

By sofian87 on August 25, 2008 11:30 AM

Assalamualaikum Tun...

alhamdulillah..

sudah 51 tahun kita merdeka..

semoga kemerdekaan yang kita kecapai skrg ni berkekalan selama-lamanya..

insyaALLAH..

By greatpanglima on August 25, 2008 11:39 AM

My 2nd attempt Tun sending this comment. Hope to be published to share my feeling to my fellow bloggers. Whether my writing is too sensitive I wonder.

Assalamua'laikum YBhg Tun The Mahaguru,

I have given a brief reasoning and senses behind 51 years of Merdeka celebration coming soon this month ,much earlier, on the backdrop of our current political uncertainties and scenarios.

I believe that we have taken for granted comes to good governance and style of leadership of a leader. I thought, perhaps other Malaysian fellow of positive mind, might share the same since during your premiership, you made it look as if it was so easy and nothing was above the Malaysian Boleh Spirit. Every single problem had its solution and you managed to resolve and had been able to cure it. Not all but I'm not able to recall any major crisis caused by your lack of capability and inexperience. You came out strong while your hand kept holding firmly the steering of the country. That kind of net result to the country is definitely a statement of 'Merdeka' that had been for 22 years. What an achievement! To Malaysia. A signature and a clear statement to the world as well.

I would like to avoid very much in praising you too much as if you are a prophet, but a saint perhaps, since I see so many Malaysian do praise you generously. You are able to create your own brand that is bigger than life, a phrase that the American used to say for either their idol or iconic person.

The Mahathirism! The Malaysia! Is synonym that equals to Merdeka! With respect to Tun of course.

By that our expectation is high on you Tun. You carry a big weight and responsibility on your shoulder to keep contributing to the nation crucially and especially now when every piece of puzzle in the government machineries just waiting to crumble if no specific and concrete action taken. What a nightmare! I have never imagined this would happen even to my wildest dream but this is happening. Could I blame you Tun on this. You were so detail and specific and exact yet you missed reading Pak La.

You drive like a formula 1 with speed limit above 200km/h while Pak La only able to drive lesser speed. Not only that he is damaging the Ferrari so that he could replace it to a much inferior car that he could handle it manually cut the automatic crap nonsense and computerized controlled system. Pak La has no time to study. Get the picture guys. I seem not able to stop writing!

Merdeka!

My pray to Tun & Family and us always. Amin.

p.s I like what u wrote youhardy yahaya. Its thought provoking to the has been sleepy head. Many more well written comments from the good heads i.e wokyoh, nor, apanama, kamal, truthseeker etc juz to be able to name a few., too many. Thank you for sharing.

By juicysaucyAuthor Profile Page on August 25, 2008 11:55 AM

Dear all,

It is interesting to read all your comments on Tun's blog here. Some of you debated on issues like Ketuanan Melayu, non-Malay right etc. Nevertheless, I like to put this aside and share with you the differences between Tun and Pak Lah way of managing the country:

- (1) Tun advocates industrialisation. Pak Lah emphasise the needs to develop the agriculture sector.
- (2) Tun pegged the ringgit. Pak Lah unpegged it.
- (3) Tun wanted to build the crooked bridge. Pak Lah dismantled it.
- (4) Tun sacked Anwar (indirectly Anwar was jailed). Pak Lah released Anwar.
- (5) Tun criticised the AP issue. Pak Lah embraced it with no action on Rafidah then.
- (6) Tun implemented Math & Science to be taught in English. Pak Lah wanted to change this.

And I am sure there are many more instances, and hence, no wonder, Tun is so angry with Pak Lah...

Let's talk about this...

By mya on August 25, 2008 11:59 AM

Salam buat YAB TUN dan keluarga.

Pendapat peribadi saya tentang 'Merdeka' :-

1. Merdeka yg diperjuangkan oleh pemimpin2 masa lampau (sebelum Tun) adalah memerdekakan tanahair dari penjajahan bangsa asing (yg utama)- walau sebanyak mana atau dengan cara apa sumbangan mereka, jasa mereka akan tetap sentiasa dikenang sepanjang zaman.

2. Dizaman Tun, dengan kebijaksanaan Tun dapat menghindarkan Malaysia dari 'penjajahan era moden' dengan tidak meminjam dari IMF umpamanya, disamping memastikan kerajaan Malaysia tidak terus dikucar-kacirkan oleh 'kerbau bercucuk hidung' belaan kuasa demokrasi(?) dunia (yg pemimpinnya sekarang ni terbukti seluruh dunia sebagai seorang PEMBOHONG besar, sekor adik kembarnya telah pun dibuang oleh rakyatnya sendiri, tapi (entah macamana/mengapa) masih atau terlalu disanjung(?) oleh pemimpin Malaysia sekarang ni(mungkin untuk dijadikan contoh terbaik agaknya!)). Jadi kita terus merdeka ...

3. Selepas era pentadbiran Tun ..., erti MERDEKA dibawah PM sekarang ni ... MERDEKA SEGALA-GALANYA... (dah terasa jijik, mual, menyampah hendak disebutkan satu persatu ...)

Bagi rakyat biasa seperti saya, kemerdekaan negara tetap terasa; tetapi perasaan dan pemikiran telah terbelenggu dengan hasil pemikiran lembap dan tidak bertimbang-rasa kepimpinan PM sekarang. Semoga Tuhan memberi kesedaran kepada mereka2 ni.

Akhir sekali semoga Tun dan keluarga sihat selalu.

By ARbAK on August 25, 2008 12:01 PM

Assalamualaikum YAD Tun, Tun Siti & Semua Rakan Seperjuangan,

BENAR APA YANG TUN KATAKAN. Saya sendiri langsung tidak teruja untuk menyambut Ulangtahun Kemerdekaan Tanah Air Tercinta ini apatah lagi nak mengibarkan Jalur Gemilang.

Ia, sungguh saya akan mengibarkan Jalur Gemilang TERBALIK tanda protes saya terhadap PAKLAH dan KERAJAAN PIMPINAN nya.

KITA KATA APA PUN PAKLAH TIDAK AKAN MENDENGARNYA. Kerana apa?? KERANA HATINYA TELAH TERTUTUP DARIPADA MENDENGAR KEBENARAN.

kerana apa??? Kerana INILAH TEMPELAK TUHAN KEATAS NYA: Lihat sahaja lah apa yang berlaku di Pematang Pauh. Paklah dan Menantunya lah yang membebaskan Anuar. Sekarang Anuar nak "makan" Paklah. Atau pun ini adalah satu konspirasi Paklah, Menantunya dan Anuar untuk Anuar menjadi PM dan KJ menjadi menteri/TPM/PM satu hari nanti.

Perangai Paklah yang selalu sahaja 1. TIDAK AMANAH 2. BERCAKAP BOHONG 3. MUNGKIR JANJl membuatkan saya mual dan benci.

Sikapnya yang angkuh, sombong membuat mata hatinya buta dan pekak daripada melihat dan mendengar kebenaran. Nauzubillah himinaszalik

Kita selalu diajar oleh Ibu/Bapa dan Guru kita agar MENGENANG BUDI orang kepada kita. Pantun Mengenang Budi begitu banyak diwariskan oleh orang2 tua kepada kita. Antara yang termashur ialah:

PULAU PANDAN JAUH KETENGAH
GUNUNG DAIK BER CABANG TIGA
HANCUR BADAN DIKANDUNG TANAH
BUDI YANG BAIK DIKENANG JUGA

Begitulah tingginya BUDI PEKERTI ORANG MELAYU (Dahulu). Teringat saya pesanan Guru saya dalam soal mengenang budi ini. Ia itu;

BUDI ORANG KEPADA KITA, SETEGOK AIR SEJUK PUN HENDAKLAH KITA KENANGKAN
sebaliknya BUDI KITA KEPADA ORANG, SEGUNUNG INTAN PUN HENDAKLAH KITA LUPAKAN

Alang kah indah nya jika semua manusia di dunia ini berpegang kepada falasafah tersebut. Tetapi diperhatikan apa yang berlaku adalah sebaliknya. Ia itu;

BUDI ORANG KEPADA KITA SEGUNUNG INTAN KITA LUPAKAN. Menakala
BUDI KITA KEPADA ORANG, SETEGOK AIR SEJUK PUN, KITA UNGKIT-UNGKITKAN.

LIHAT SAHAJA LAH APA YANG PAKLAH DAN BARISAN MENTERINYA YANG KURANG.... LAKUKAN TERHADAP YAD TUN. Sungguh Menyedihkan.

Semoga kita semua diberi petunjuk, taufik dan hidayah oleh Allah s.w.t untuk kembali kepada kebenaran dan membina semula hubungan silaturrahim di antara kita. SELAMAT MENYAMBUT RAMADHAN AL MUBARAK

By anak malaysia on August 25, 2008 12:05 PM

tun

sebagai anak malaysia dahulu saya sering kibarkan jalur gemilang tapi pada kali ini nampaknya semuanya hambar tak tahu kenapa. tetapi apabila saya perhatikan semua kenderaan yang berada di jalan raya pada hari ini bukanlah jalur gemilang tetapi bendara parti PR sahaja yang berkibar diatas kereta atau dirumah mereka bukan jalur gemilang yg dikibarkan.

tun

Keaadaan ini bertambah hairan, mengapa pimpinan sekarang yang hanya mengambil kira kepentingan diri sendiri. Tidak pernah fikirkan keadaan rakyat sekarang. ya tun

Saya harap pucuk pimpinan sekarang dpt memahami hati dan jiwa rakyat yg sedang meronta ini ingin kan kebebasan daripada penjajahan. bukan di jajah lagi. Anwar telah melancarkan serangan yg amat dasyat sehinggakan abduallah tidak dapt tepis lagi serangan tersebut, dahulu tun dengan mudah mematahkan serangan dari anwar. sepatutnya abduallah kena belajar dari macam mana nak mentadbir kerajaan dgn lebih profesional dan agar rakyat berpuas hati.

anak malaysia sentiasa berdiri teguh dibalakang tun untuk membetulkan keaadaan sekarang ini
By herinamatAuthor Profile Page on August 25, 2008 12:14 PM

Aslammualaium Tun

Diharap tun berada di dalam keadaan sihat sejahtera.
Saya bersetuju dengan tun bahawa kemerdekaan untuk tahun ini adalah dalam suasana muram. Saya

rasa semua rakyat malaysia merasa perasaan yg sama, tidak gembira dn muram.
Tidak seperti tahun2 sebelum ini, bila tiba sahaja bulan Ogos, bendera malaysia sudah di lekatkan pd kereta2, motor, rumah2 dn sebagainya.

Apa-apa pun selamat menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-51 kepada tun sekeluarga dan seluruh rakyat malaysia.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!!!.....

By ayammasAuthor Profile Page on August 25, 2008 12:18 PM

If Pak Lah step down, who is taking over ?

Najib, No thanks.

Tun, please suggest who is the best candidate to become the next PM in UMNO.

By delimamasammanis on August 25, 2008 12:30 PM

Asalamualaikum wbt,

Apa khabar Tun..

23. Saya akan sambut Hari Merdeka tetapi tidak seperti 50 sambutan yang terdahulu. Sesuatu sudah hilang daripada makna kemerdekaan. Mulut sudah ditutup dan apa yang ada dalam hati tinggal tertambat, tidak boleh diluahkan. Kita takut berkata apa-apa kerana polis akan digesa bertindak. Kadang-kadang saya berasa yang kita berada dalam sebuah Police State (Negara bawah kawalan polis). Tetapi ini mungkin sifat keterlaluan saya.

Point 23 ni..

1) ?=!

2) ?=?

Selamat Merdeka semua... kalau lah saya MERDEKA diakhirat (ada Jaminan) bahagiannya...

By wmr5439 on August 25, 2008 12:34 PM

tolong jangan kibarkan jalur gemilang terbalik
tp kalau nak kibarkan gambar pak lah terbalik disokong 100%
dan kepada yang nak pak lah turun tahta apa kata kita tulis

'pak lah letak jawatan'

diakhir komen dalam chedet.com

apa kata anda?

diktator Tun mahathir Harap anda kemukakan isu ini

hehehe.....

PAKLAH LETAK JAWATAN

By Benderbuzz on August 25, 2008 12:44 PM

Salam Tun.

Ini adalah petikan daripada akhbar online malaysiaaktif.com
Semoga kita mengambil iktibar dari apa yang disampaikan.

Mohon laknat di rumah Allah
25 Ogos 2008

PADA kira-kira jam 4.15 pagi ini, Nana terkejut daripada tidur kerana air hujan tempas dari tingkap apartmen ke muka. Hujan lebat dan angin kuat menyebabkan tempas. Terpaksa Nana bangun dan menutup tingkap.

Baring kembali di atas tilam, Nana tidak boleh lelap semula kerana desiran angin di luar cukup kuat. Sejak berada di Permatang Pauh mulai 13 Ogos lalu, fenomena cuaca mulai berubah dari kering ke basah selepas penamaan calon pilihan raya kecil pada 16 Ogos. Hujan menjelang subuh dengan angin yang kuat pada awal pagi ini adalah luar biasa bagi Nana sejak berada di sini.

Sambil cuba melelapkan mata, otak terfikir apakah perubahan cuaca luar biasa ini satu isyarat dari Yang Maha Berkuasa mengenai sesuatu. Malam tadi di Masjid Bandar Baru Perda yang terletak kira-kira 300 meter dari apartmen penginapan Nana berlangsung majlis solat munajat anjuran Pakatan Rakyat untuk memohon kemenangan Anwar Ibrahim.

Solat munajat memohon restu Allah turut diadakan oleh pihak Barisan Nasional (BN) yang meletakkan Arif Shah. Pendek katanya solat munajat di banyak masjid menjadi atur cara kempen terakhir kedua-dua pihak menjelang hari mengundi. Nana tidak menyertai mana-mana solat munajat kerana datang ke sini hanya sebagai pemerhati. Lagipun Nana mempunyai alasan sendiri untuk keberatan menyertai solat seumpama.

Di Masjid Bandar Baru Petra, apa yang berlangsung jelas boleh diikuti melalui pembesar suara. Selepas solat Maghrib ada ceramah. Salah seorang penceramah ialah Badrul Amin, ahli Majlis Pemimpin Tertinggi Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Dalam ucapannya di rumah Allah itu, Badrul memohon supaya Yang Maha Berkuasa melaknati Mohd Saiful yang melakukan sumpah mubalahah atas dakwaan Anwar meliwatnya. Jelas Badrul telah membuat kesimpulan bahawa Anwar tidak bersalah dan Saiful yang bersalah. Lantas beliau memohon dalam ucapannya supaya Saiful dilaknati.

Saudara Badrul, apakah Yang Maha Mengetahui tidak tahu siapa yang benar dan yang bersalah. Perlukah Badrul memberitahu Yang Maha Mengetahui apa yang lebih diketahui-Nya.

Pokoknya Saiful sudah bersumpah, tapi Anwar belum lagi dan ternyata sama sekali tidak akan berbuat demikian. Sumpah ini bukan boleh dibuat main-main. Di manakah letaknya akidah kita jika cuba menjadikan Allah Yang Maha Adil `rakan konspirasi.' Maha Suci Allah dari segala tindak-tanduk makhluk-Nya.

Jika Saiful melakukan pembohongan dengan membuat sumpah palsu, kononnya atas konspirasi, maka semua yang terlibat dalam konspirasi itu telah melakukan dosa yang amat besar. Nauzubillah!

Pada ketika ini, mana-mana pihak tidak layak menuduh Saiful melakukan sumpah bohong dan menjadi alat konspirasi. Apatah lagi untuk memohon Allah supaya melaknati si Saiful. Setelah Saiful bersumpah, janganlah kita komen apa-apa lagi kerana beliau sendiri sudah menyerahkan dirinya kepada hukum Allah.

Sebaliknya jika Badrul mahu berlaku adil kepada semua pihak, minta Anwar turut melakukan sumpah laknat. Selepas itu semua pihak boleh tutup cerita kerana perkara ini kita telah serahkan kepada Allah Yang Maha Adil lagi Maha Mengetahui. Segala urusan perbicaraan di mahkamah yang akan bermula 10 September akan datang adalah `urusan dunia.' Yang lebih penting ialah bagaimana Anwar dan Saiful menghadap `mahkamah Allah.'

Esok para pengundi di Permatang Pauh akan memutuskan siapa yang layak menjadi Ahli Parlimen mereka. Belum tentu pergolakan akan reda kerana Anwar sudah mengumumkan hajatnya untuk melangkah ke Putrajaya yang dibina oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, orang yang memecatnya dari jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Selepas ini akan ada beberapa lagi pilihan raya kecil. Selagi tidak tercapai hajat Anwar untuk ke Putrajaya, pergolakan politik bukan sahaja akan berterusan, malah kita tidak tahu kemuncaknya bagaimana.

Yang dibimbangi, gajah sama gajah berlawan, pelanduk yang jadi mangsa. Kita rakyat biasa yang akan menjadi mangsa kepada perebutan kuasa yang semakin sengit.

Pada fikiran Nana, jika Anwar tiada dalam senario politik ini, keadaan tidaklah seburuk sekarang. Ada orang bertanya, apakah tiada orang lain yang layak untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia selain daripada gajah-gajah yang bertelagah sekarang.

Entahlah. Yang pasti, Nana akan kembali ke Kuala Lumpur selepas hari pengundian dengan terus mencari jawapan kepada banyak soalan. Dan Nana akan terus berdoa agar Allah s.w.t melindungi kita dan negara kita daripada bencana, huru-hara dan mala-petaka. - malaysiaaktif.com

Benderbuzz - Kalau takut bersumpah lebih baik Anwar bertaubat nasuha sahaja.
By emma49 on August 25, 2008 12:47 PM

Salam Tun,

Happy 51th merdeka To both Tun && all Malaysian

Dont worry tun.. my generation wont dissappoint you...we will survive for the next 50 years..

.. Nway saya tnggh apply nak study master in public admin, entah dapat entah tak.. apepon Knowledge is Power..

Regards
By melayujati on August 25, 2008 12:49 PM

Salam Tun,

Selamat menyambut hari Merdeka ke 51.

Saya bersyukur dilahirkan di bumi merdeka Malaysia! .. bukan di Iraq, Palestine atau negara lain yg kacau bilau.

Malaysia bumi bertuah. Aman, makmur, subur dan bebas! Anak penoreh getah miskin ini berpeluang memajukan diri .. melanjutkan pelajaran hingga ke menara gading, kini memiliki kerja dan berjaya menaiktaraf kehidupan, .. keluar dari kepompong kemiskinan. Semua atas bantuan kerajaan BN. Tidak sekali-kali saya akan mengkhianati kerajaan BN selagi masih hidup... walaupun saya tidak bersetuju dgn kepimpinan sekarang. Terima kasih Malaysia!

Perasaan bangga memilih Tun semasa pertama kali saya mengundi (Parlimen Kubang Pasu 1995) masih tersemat di hati. Buat pertama kali saya menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia dan saya lakukan dengan penuh kepuasan dan rasa terima kasih.

Selamat Hari Merdeka Malaysiaku!
By mamat2008 on August 25, 2008 1:04 PM

happy merdeka day to all malaysian and to Tun, hope Malaysia will improve further!

By iqzppy on August 25, 2008 1:04 PM

Salam sejahtera Tun,

Ini kali pertama saya register utk komen dlm blog/ web walaupun sebelum ini banyak ruang tapi kebanyakannya merapu. Menjelang hari merdeka ni, memangpun tak terasa nak meraikan seperti dulu2. Mana taknya media cetak pun tak beria2 nak menguar2kan menjelang hari keramat. Suasana politik pulak bercampur baur dengan election, berita2 rasuah politik, sumpah orang politik, saman menyaman orang politik. Jadi rakyat kat bawah ni cuma melihat drama orang politik, putar belit jalan cerita politik. Semuanya tak ada hala tuju. Wawasan 2020 pun dah tak dengar pun dari mulut orang2 politik. Yang keluar dari mulut2 mereka hanyalah cerita2 dongeng cakap tak serupa bikin. Apa nak jadi pada malaysia yang 'merdeka' jika pemimpin2 jenis ini atau akan datang akan memerintah. Minta2 dijauhkan oleh Allah s.w.t. dari pemimpin2 jenis ini. Amin

By khairuddin on August 25, 2008 1:14 PM

YABhg Tun,

Salam hormat. Lima hari lagi kita akan menyambut Hari Kemerdekaan (Independence Day). Hari Kemerdekaan pada 31hb Ogos adalah lebih tepat daripada Hari Kebangsaan (National Day). Mungkin hari penubuhan Malaysia pada 16hb Sepetember sesuai dipanggil Hari Kebangsaan (National Day). Pada hari itu, Negeri Sabah dan Sarawak bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) di bawah Malaysia.

Nampaknya sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini tidak menjadi keutamaan kepada Kerajaan. Kita bersatu rayakan Hari Kemerdekaan dan kita sambut bagi mengingati pejuang pejuang Kemerdekaan. Hari Kemerdekaan dapat memupuk semangat kebangsaan dan perpaduan rakyat. Tetapi Menteri yang bertanggung jawab mengenai perpaduan, kesenian dan warisan sibuk memperjuangkan dirinya untuk bertanding jawatan jawatan termasuklah jawatan Naib Presiden. Tidak ada kempen kempen dan promosi daripada beliau untuk mengajak rakyat mengibar Jalur Gemilang. Bagaimana dia dilantik menjadi Menteri? No wonder Hanifah Aman and Ghafur Salleh quit. Previous ministers like Ghazali Shafiei, Kadir Sheikh Fadhzir, Rais Yatim, Sabbaruddin Chik, Megat Junid were committed towards Merdeka celebrations.

By abbas on August 25, 2008 1:23 PM

Tun yang dihormati,

ayah saya true blue jawa, sampai akhir hayat pun bahasa melayu jawa dia tak hilang. Tapi kami cakap melayu sebab ayah cuma cakap melayu dengan ibu supaya bahasa itu jadi kami dalam masa yang sama tidak menyekat kami...saya sayang Malaysia sebagaimana ibubapa saya sayangkan malaysia...biar apa orang kata dan apa mereka nak buat. Tapi semangat itu saya simpan sendiri dulu [kerana saya tidak gemar langsung apa yang terjadi sekarang]..untuk anak saya...its a family affair...bila dia besar dia akan kenal Tun dan semangat tun dan susah senang atuk nenek nya di zaman perang dulu supaya dia sedar yang bumi malaysia inilah saja hak dia...saya membesar kenal hanya tun razak dan tun dr mahathir...dia akan besar menjadi melayu yang tak akan lupa...selamat hari merdeka untuk tun yang dikagumi dan setiap rakyat malaysia yang sedar ...asal usul dan susah senang nenek moyang kita.....

By anakteja2 on August 25, 2008 1:27 PM

Asalam Tun,

Saya nak komen si mamat - By sjankan on August 22, 2008 11:34 AM

- 1) Dia nie emosional tak tentu fasal
- 2) tak belajar sejarah
- 3) tak tahu perkembangan
- 4) Kurang matang sikit
- 5) marah dia ni, tak tahu nak channel kat mana
- 6) Mamat ni dah habis banyak duit, tapi tak berjaya kat sini dan kat sinun
- 7) Macam kacang "remungai" keras dan hampas

Jadi, blogger2 semua ...maaf kan aje dia, dia kurang banyak, kurang siuman.....biar la dia jadi kacang remunggai - hampas, takde yang membina...buat macam takde je, cacat pemikiran budak...biorkan lah

Anakteja - pengadil

By anirazAuthor Profile Page on August 25, 2008 1:46 PM

Tun & fellow readers,

HA.....HA.....HA.....MALAYSIAN POLITICIAN IS REALLY A LAUGHING STOCK.....BUAT MALU KITA SEMUA.....!!!!

THE REAL SOLUTION IS TO APPOINT PM WHO IS SOMEONE TOTALLY NEW....NOT NAJIB...NOT PAK LAH....AND DEFINITELY NOT ANWAR!!!!

SINCE ANWAR RELEASED SO MANY STUPID SCANDAL/STORY OUT.....TUN U ARE RIGHT ABOUT HIM.....SAIFUL CASE, NAJIB SCANDAL WITH THE MONGOLIAN WOMEN AND SO ON....AND THE LATEST...NAJIB IS HINDU IN MALAYSIA TODAY BLOG.....THIS ONE REALLY MAKE ME LAUGH OUT LOUD!!!!!! HOW DESPARATE IS ANWAR TO BECOME PM.....FEEL SO GOOD I DONT'T INVOLVED IN ANY OF THOSE POLITICAL PARTIES. COME ELECTION I JUST MAKE MY OWN CHOICE WITHOUT ANY OF THIS STUPID POLITICIAN TELL ME WHAT TO DO.

SEBELUM NEGARA KITA BERTAMBAH KUCAR KACIR DGN HAL DAN SCANDAL ANWAR/NAJIB DAN SEBELUM DAP NAIK TOCANG(PAK LAH GERENTI BUAT TAK TAHUNYA).....PEMIMPIN MELAYU SEMUA TUNGGU APA LAGI.....SAMPAI ANWAR MENGADAIKAN MARUAH AGAMA/BANGSA DAN NEGARA?? TOK GURU NIK AZIZ & TOK GURU HADI.....SO WHICH IS IMPORTANT???? ISLAM OR PR IN POWER?????

By jebat_romantik on August 25, 2008 1:48 PM

Tun...

really need ur lead...

MALAYSIA diambang kemusnahan...

Tun...

plz help us!!!!

By adikzone2601 on August 25, 2008 2:02 PM

salam Tun...

Selamat hari kemerdekaan yang ke 51 dari saya dan keluarga buat Tun sekeluarga..

1. Yes, indeed this year nampak kurangnya semangat nak kibarkan jalur gemilang.. pejabat-pejabat kerajaan pun payah nak tgk jalur gemilang kita berkibar... apa nak jadi ye Tun?
2. for me pulak cadangan nak kibarkan jalur gemilang upside down tu, mmglah saya tak bersetuju sebab pada saya itulah lambang kita sebagai rakyat malaysia.. kenapa marahkan nyamuk, kelambu pulak yang kita nak bakar??? bendera kita tu kan adalah panji-panji negara yang kita hormati dan patut sanjungi. sekiranya ada yang kibarkan upside down, saya kira orang itu tidak menghargai jasa-jasa nenek moyang yang penat berjuang demi memastikan panji2 / bendera kita tu tak jatuh ke bumi dan ke tangan musuh. kita ada cara yang lebih baik untuk suarakan protes kita.
3. kes undi di permatang pauh pulak saya rasa dah jadi satu gurauan politik pulak... kempen bagi DSAI ialah nk bersihkan nama dia dari tuduhan. pelik la.... bukankah wakil parlimen perlu kempen tentang apa kebaikan yang perlu dibawa kepada rakyat? kenapa pulak dah jadik kempen nak kutuk mengutuk lawan??? saya ni hari-hari dok ulang alik dari permatang pauh ke tempat kerja saya. yang parti BN pun sama, dok ungkit2 sumpah lah, kes2 lama la... cuba la kita buat janji pada rakyat... pulihkan balik kepercayaan rakyat tu... jgn la dok tunggu time PR13 baru nak buat janji, saya rasa kalau mcm tu, tsunami yang dahsyat akan berlaku..
4. skrg ni saya rasa apa arah tuju masa depan negara yang saya cintai dan banggakan ini?? even my friends dari Qatar dan Arab pon bertanya. what had happen to this nation?? kita perlu fikir dan lakukan sesuatu!!!!

I LOVE MALAYSIA AND IM PROUD TO BE MALAYSIAN!!!

By nuriman on August 25, 2008 2:14 PM

Salam buat Tuan yang dikasihi,

In real fact, nobody in this world is not proud of its nation. Everyone is but the fact that certain developments or certain issues that leads to dissatisfaction amongst them resulted in them resorting to taking actions which seems like unpatriotic to some. Should we blame them just because they wanted to voice out their anger in ways that they themselves can explain why. The government should give more attention to this matter and try to figure out why such actions are being made. Don't simply resort to finger pointing and give judgement easily. To every actions there is a triggering factor. Patriotism comes in different forms. To correct what is wrong for the good of the nation is patriotic too!

Tun, you are still the best.

By Patek1472Author Profile Page on August 25, 2008 2:23 PM

"War Cries" Before The Mother of All Battles in Permatang Pauh.

"Laungan-Laungan Perang" Sebelum Perang Terbesar di Permatang Pauh.

"Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka!" - PKR

"Sodomy! Sodomy! Sodomy!" – BN

"Taliban! Taliban! Taliban!" – Akim

Posted at <http://patek1472.wordpress.com>

By Dr.Yazid on August 25, 2008 2:43 PM

Merdeka, merdeka juga...tapi hidup perlu diteruskan.. tak perlu lah kita sibuk2 mengibarkan jalur gemilang sekiranya tidak melakukan perubahan pada diri kita sendiri (sebelum betulkan orang lain).. Malaysia dan kemerdekaan sewajarnya sentiasa tersemat dalam hati sanubari kita 365 hari setahun..apa yang perlu kita lakukan adalah bersyukur kepada Allah akan nikmat kemerdekaan yang telah dianugerahkan sejak hampir 51 tahun yang lalu..

Dan berpesan2 lah sesama kita agar menolak kepimpinan Abdullah Badawi dan konco-konconya..hamba Allah yang sorang ni mmg tak reti bahasa, nek menyampah kalu dia buat ucapan atau beri komen..sampah belaka..

Islam Hadhari lah, gemilang cemerlang terbilang la, minda kelas pertama la..semua sampah.. cakap jer pandai, buat tidak!! oh ya, islam hadhari membenarkan perempuan tak pakai tudung ke? tengok lah Jeane tu..ish ish ish

By gantang on August 25, 2008 2:52 PM

Salam Tun,

Melayu Mudah Lupa..

Makin tua makin nyanyuk..

tapi saya tetap respek Tun..

Ingatan Tun masih kuat...

Melayu... apakah bangsa ini akan jadi ME..LAYU???

Bangkitlah...Me..layu..jangan mudah kalah..

Kesilapan masih boleh diperbetulkan..

